

# 40

# HADIS PALSU POPULAR

"Berdusta ke atasku bukan seperti berdusta ke atas orang lain . Siapa yang berdusta ke atasku dengan sengaja, tempatnya dalam neraka"

(Direkodkan oleh Bukhari dan Muslim)

ABDUL RAZAK MUTHALIB

# KANDUNGAN

## PRAKATA

vi

## BAHAGIAN 1 : PENGENALAN

Bab 1 : Mengenali Hadis	1
Bab 2 : Hadis Sahih	7
Bab 3 : Hadis Hasan	16
Bab 4 : Hadis Dhaif	19
Bab 5 : Hadis Maudu'	29

## BAHAGIAN 2 : 40 HADIS PALSU POPULAR

Hadis 1 : Menuntut Ilmu Hingga ke China	59
Hadis 2 : Menuntut Ilmu Daripada Buaian	63
Hadis 3 : Nabi Kota Ilmu dan Ali Pintunya	66
Hadis 4 : Doa Ketika Membasuh Anggota Wuduk	71
Hadis 5 : Solat Yang Tidak Mencegah Kemungkaran	77

Hadis 6 : Solat Dengan Berserban	81
Hadis 7 : Solat Sunat Malam Raya	84
Hadis 8 : Solat <i>Ragha'ib</i> Bulan Rejab	88
Hadis 9 : Kelebihan Solat Terawih	92
Hadis 10 : Mengusap Mata Semasa Laungan Azan	99
Hadis 11 : Kelebihan Puasa Sunat Rejab	101
Hadis 12 : Kelebihan Puasa Asyura	106
Hadis 13 : Abdul Rahman bin Auf Masuk Syurga Merangkak	109
Hadis 14 : Anak Zina Tidak Masuk Syurga	114
Hadis 15 : Jihad Hati	117
Hadis 16 : Perselisihan Adalah Rahmat	132
Hadis 17 : Syurga Di Bawah Tapak Kaki Ibu	126
Hadis 18 : Siapa Yang Kenal Dirinya, Maka Dia Kenal Tuhannya	130
Hadis 19 : Menghidupkan Malam Israk Mikraj	134
Hadis 20 : Rejab Bulan Allah	137
Hadis 21 : Kelebihan Membaca Surah Yasin	140
Hadis 22 : Yasin Hati Al-Quran	146
Hadis 23 : Cintakan Negara	151
Hadis 24 : Bekerja Untuk Dunia	154
Hadis 25 : Kelebihan Solat Dhuha	157
Hadis 26 : Berjabat Tangan Boleh Masuk Syurga	160
Hadis 27 : Menyapu Muka Selepas Solat	164
Hadis 28 : Talak Menggegarkan Arasy	168

## Prakata

Segala puji yang selayaknya untuk Allah, kepada-Nya kita memohon keampunan, kepada-Nya kita memohon perlindungan daripada segala keburukan diri dan amal perbuatan kita. Sesiapa yang dikurniakan petunjuk oleh Allah, maka tiada yang mampu untuk menyesatkannya. Sesiapa yang disesatkan oleh Allah maka tidak akan ada yang mampu memberikan hidayah kepadanya.

Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad yang banyak berjasa kepada kita. Kehadirannya memberikan sinar cahaya kehidupan, yang mengajak kita menuju kebahagian dan memahami erti kehidupan yang hakiki. Beruntung bagi sesiapa yang menerima risalah Islam dan mempertahankannya. Berbahagia bagi sesiapa yang menjadikan sunnah beliau sebagai panduan dalam kehidupannya.

Sumber utama dalam Islam ialah al-Quran dan sunnah Rasulullah. Kedua-dua sumber ini mestи diterima kerana ianya saling lengkap melengkapi. Tidak sempurna keislaman dan keimanan seseorang jika menerima al-Quran semata-mata dan menolak sunnah beliau. Begitu juga sebaliknya.

Hadis 29 : Dunia Itu Ladang Akhirat	172
Hadis 30 : Tidak Menziarahi Nabi Ketika Haji	174
Hadis 31 : Solat Orang Yang Berkahwin Lebih Baik	178
Hadis 32 : Bercakap Urusan Dunia Dalam Masjid	182
Hadis 33 : Meraikan Maulid Nabi	185
Hadis 34 : Amalan Khas Nisfu Sya'ban	193
Hadis 35 : Menziarahi Kubur Pada Hari Jumaat	199
Hadis 36 : Membaca Doa Awal Dan Akhir Tahun	207
Hadis 37 : Nur Muhammad	212
Hadis 38 : Larangan Ketika Hubungan Suami Isteri	216
Hadis 39 : Kisah Alqamah Si Anak Derhana	219
Hadis 40 : Manusia Akan Baik Sekiranya Pemerintah dan Ulamak Baik	223

### BAHAGIAN 3 : APA YANG PERLU DILAKUKAN

BAB 1 : Tip dan Panduan	231
BAB 2 : Rumusan	233

Al-Quran tidak dapat difahami sepenuhnya melainkan dengan merujuk kepada huraian dan penjelasan daripada hadis Rasulullah. Hadis yang boleh dijadikan rujukan adalah yang bertaraf hadis saih atau pun hasan. Manakala penggunaan hadis yang lemah pula diharuskan tetapi mesti mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh para ulamak. Hadis yang dibuktikan palsu, sama sekali tidak boleh dijadikan hujah dalam apa juar keadaan sekali pun.

Sebahagian orang mungkin terkejut dengan sesetengah hadis yang dikategorikan sebagai hadis yang lemah dan palsu. Bukanakah apabila disebut hadis, semuanya daripada Rasulullah? Bagaimana hadis daripada Rasulullah boleh menjadi lemah malah ada yang palsu pula?

Inilah salah faham yang perlu diluruskan. Kesalahan fakta tentang perkara ini menyebabkan ada yang mengatakan walaupun hadis lemah atau palsu boleh digunakan. Kenyataan ini adalah kenyataan yang bahaya kerana ia memberikan kesan yang negatif kepada ajaran Islam sendiri.

Oleh itu, bagi merungkai salah faham ini, penulis bawakan beberapa tajuk khas di dalam buku ini yang dirasakan sedikit sebanyak mampu untuk memberikan penjelasan kepada persoalan-persoalan yang timbul.

Dikesempatan ini, tidak lengkap sekiranya saya tidak zahirkan rasa syukur dan setinggi-tinggi penghargaan buat semua guru, ustaz, ustazah dan pensyarah yang memberikan tunjuk ajar dan mendidik saya selama ini. Bersesuaian dengan buku ini, saya ingin merakamkan penghargaan khusus buat semua pensyarah yang mendidik dan mengajar saya tentang ilmu hadis.

Antaranya ialah Prof. Dr. Muhammad Abu al-Laith al-Khair Abadi, Assoc. Prof. Dr. Laith Suud Jasim, Assoc. Prof. Dr. Habeb Rahman Ibramsa, Assoc. Prof. Dr. Mohd Asri Zainul Abidin, Asst. Prof. Dr. Fathuddin al-Bayanuni, Asst. Prof. Dr. Saad al-Din Mansor, Asst. Prof. Dr. Muhammad Mujtaba, Asst. Prof. Dr. Suyuti Abdul Manas, Fadhilah al-Syeikh Aiman Yusuf al-Daqqaq, Fadhilat al-Syeikh Dr. Musfir al-Ghamidi dan lain-lain lagi yang mencurah ilmu dan menabur bakti kepada saya.

Yang teristimewa, buat kedua-dua insan yang banyak berjasa, menjaga dan mengasuh semenjak kecil, mengajar dan mendidik nilai kasih sayang dan kebahagiaan, memahamkan erti kehidupan dan ketabahan, menanamkan keyakinan bahawa ilmu adalah penyuluhan kehidupan. Terima kasih ayah ibu, Abd Muthalib bin Ahmad dan Che Su binti Ismail. Jasa kalian akan dikenang sentiasa.

Tidak dilupakan juga buat teman-teman yang sering memberikan pandangan dan sokongan, meniupkan semangat sehingga saya dapat menyempurnakan penulisan buku ini.

Akhir sekali, harapan yang amat tinggi penulis tujukan buat semua pembaca, terutamanya para ilmuan agar memberikan pandangan untuk penambahbaikan dan pembetulan sekiranya terdapat kesilapan di dalam mana-mana isi kandungan buku ini.

Harapannya, ia disusuli dengan pandangan dan kritikan membina kerana kesilapan penulis berada di mata pembaca semua. Namun, jangan menjadikan sesuatu kesilapan itu sebagai batu loncatan dalam mencela dan menghina kerana ia tidak diizinkan oleh agama.

Semoga buku ringkas ini bermanfaat untuk anda semua dan dapat menambahkan sedikit sebanyak ilmu dan maklumat berkaitan hadis. Bersamalah kita berusaha agar kepercayaan, kefahaman dan amalan kita hanya berdasarkan dalil-dalil yang sahih. “*40 Hadis Palsu Popular*” ini merupakan satu langkah kecil yang mampu saya sumbangkan.

Selamat Membaca,

*Abd Razak Muthalib*

# Bahagian

## I

## Pendahuluan

### Definisi hadis

*H*adis (حَدِيثٌ) ialah perkataan bahasa Arab yang bermaksud baharu atau lawan bagi lama.

Hadis dari segi istilah para sarjana hadis bermaksud: Sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad sama ada dari segi perkataan, perbuatan, pengiktirafan atau pengakuan (taqrir) atau sifat-sifat beliau sama ada sifat-sifat fizikal atau sifat-sifat peribadi.

Oleh itu, berdasarkan definisi ini, hadis merangkumi 5 aspek berikut:

(a) **Perkataan:** Kata-kata yang disebut oleh Rasulullah seperti:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالْبَيْنَاتِ

"Sesungguhnya setiap amalan itu dengan niat."

(b) **Perbuatan:** Perbuatan-perbuatan Rasulullah yang diceritakan oleh para sahabat. Contohnya seperti yang dinyatakan oleh isteri Nabi Muhammad, 'Aisyah:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَذْدُعُ أَرْبَعًا قَبْلَ الظَّهَرِ،  
وَرَكْعَتَيْنِ قَبْلَ الْغَدَاءِ.

"Nabi Muhammad tidak pernah meninggalkan solat sunat empat rakaat sebelum Zohor dan dua rakaat sebelum Subuh."

(Direkodkan oleh Bukhari)

(c) **Taqrir:** Sesuatu percakapan atau perbuatan yang dilakukan oleh para sahabat, dan Rasulullah hanya diam dan tidak mengingkarinya. Maka, tindakan Rasulullah yang berdiam diri dan tidak mengingkarinya merupakan suatu pengakuan dan pengiktirafan daripada beliau.

Ia adalah suatu yang disyariatkan kerana Rasulullah tidak akan berdiam diri dalam perkara-perkara yang dilarang. Contohnya, pengakuan beliau kepada sahabat yang makan daging dhab seperti yang direkodkan oleh Bukhari, pengiktirafannya terhadap perbuatan pemuda Habsyah yang bermain di dalam masjid seperti yang direkodkan oleh Bukhari dan lain-lain lagi.

(d) **Sifat-sifat fizikal:** Perkara seperti ini diceritakan oleh sahabat Rasulullah yang mengatakan beliau adalah seorang yang elok paras rupanya, baik penciptaan; tidak terlalu tinggi dan tidak juga terlalu rendah seperti direkodkan oleh al-Bukhari.

(e) **Sifat-sifat peribadi:** Iaitu hadis yang menceritakan akhlak Rasulullah. Contohnya seperti yang dinyatakan Abu Hurairah yang menyatakan Nabi Muhammad tidak pernah sama sekali mencela makanan, jika suka beliau akan makan dan jika tidak suka beliau meninggalkannya.

Menurut majoriti para sarjana hadis, definisi hadis yang dinyatakan ini adalah sama dengan definisi sunnah.

### Pembahagian Hadis Secara Umum

Secara umumnya, hadis boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu hadis yang boleh diterima atau disebut sebagai *hadis maqbul* dan hadis yang tertolak atau disebut sebagai *hadis mardud*.

Di bawah kategori hadis yang diterima (*al-maqbul*), ada dua jenis hadis iaitu *hadis saih* dan *hadis hasan*. Kedua-dua jenis hadis ini pula terbahagi kepada dua bahagian: *Hadis saih lizatihi*, *hadis saih lighairihi*, *hadis hasan lizatihi*, *hadis hasan lighairihi*.

Di bawah kategori hadis yang ditolak (*al-mardud*), terdapat hadis daif (lemah). Hadis daif ini terbahagi kepada banyak jenis hadis. Antara jenis hadis daif yang paling teruk ialah hadis palsu (*maudu'*).

### Definisi Sanad dan Matan


Sanad dari sudut bahasa bermaksud sesuatu yang disandarkan kepadanya sesuatu yang lain atau disebut tempat sandaran atau bergantung.

Dari sudut istilah para sarjana hadis, sanad bermaksud rangkaian para pelapor hadis yang bersambung sehingga ke isi kandungan (matan) hadis.

Matan dari sudut bahasa Arab bermaksud sesuatu yang keras dan tinggi dari permukaan bumi.

Dari sudut para sarjana hadis, matan bermaksud suatu yang ada selepas daripada sanad. Dalam bahasa yang mudah, sanad ialah isi kandungan atau teks hadis yang biasanya terletak selepas nama pelapor terakhir dalam suatu hadis.

Rajah di bawah menunjukkan pembahagian hadis secara umum.



## Hadis Sahih

### Definisi

*H*adis sahih ialah hadis yang sanadnya bersambung, disampaikan oleh pelapor (rawi) yang adil, sempurna kekuatan ingatan (*dhabit*) dari awal hingga akhir sanad, tanpa ada sebarang percanggahan (*syaz*) dan juga kecacatan (*'illah*).

### Syarat Hadis Sahih

Berdasarkan definisi ini, dapat disimpulkan bahawa hadis sahih mempunyai 5 syarat iaitu:

- 1) Sanad (salasilah pelapor) yang bersambung.
- 2) Pelapor yang adil.
- 3) Pelapor yang sempurna kekuatan ingatan.
- 4) Tidak ada sebarang percanggahan.
- 5) Tidak ada sebarang kecacatan.

Syarat 1, 2 dan 3 berkaitan dengan sanad, manakala 4 dan 5 pula berkaitan dengan matan (isi).

### Ciri-Ciri Hadis Sahih

Rajah 2 di bawah menunjukkan ciri-ciri hadis sahih.

### Ciri-ciri Hadis Sahih

1. Sanad bersambung
2. Pelapor yang adil
3. Pelapor yang sempurna kekuatan ingan
4. Tidak ada sebarang percanggahan
5. Tidak ada sebarang kecacatan

## Penerangan

### 1) Sanad bersambung

Sanad yang bersambung bermaksud semua pelapor menerima hadis tersebut secara langsung daripada guru atau pelapor sebelumnya. Hal ini dapat dikenalpasti melalui penggunaan lafaz yang digunakan oleh pelapor ketika dia menerima dan menyampaikan suatu hadis. Contohnya adalah seperti lafaz-lafaz berikut:

- “**حَدَّثَنِي / حَدَّثَنَا**” (aku/kami sudah diceritakan).
- “**أَخْبَرَنِي / أَخْبَرَنَا**” (aku/kami sudah diberitahu).
- “**سَمِعْتُ**” (aku sudah mendengar).

Dan lafaz-lafaz lain yang menunjukkan dengan jelas bahawa pelapor tersebut mendengar dan menerima hadis tersebut secara langsung.

Manakala lafaz-lafaz yang menunjukkan kemungkinan pelapor tidak mendengar dan menerima sesuatu hadis itu secara langsung ialah seperti:

- “**عَنْ فلان**” (daripada si fulan).
- “**أَنْ فلان قَالَ**” (si fulan sudah berkata).

Dan lafaz-lafaz lain yang tidak menunjukkan dengan jelas bahawa pelapor itu mendengar dan mengambil sesuatu hadis itu secara langsung daripada guru atau pelapor yang sebelumnya.

### 2) Pelapor (rawi) yang adil

Adil yang dimaksudkan di sini ialah keupayaan yang dimiliki seseorang sehingga mendorongnya untuk beriltizam dengan sifat takwa dan akhlak yang baik. Oleh itu, seorang pelapor yang adil di sisi para sarjana hadis mesti memenuhi ciri dan sifat berikut:

#### a) Islam

Pelapor tersebut mesti seorang Muslim. Syarat ini hanya untuk pelapor yang ingin menyampaikan suatu hadis sahaja. Manakala pelapor yang ingin menerima sesuatu hadis, tidak disyaratkan dirinya seorang Muslim.

Seorang yang kafir dan mendengar hadis daripada Rasulullah kemudian menyampaikannya selepas dia memeluk Islam, maka hadis yang disampaikan itu diterima jika tiada sebarang perkara lain yang menghalang. Tetapi, jika sesuatu hadis itu disampaikan ketika dia masih lagi kafir, maka ia tidak diterima.

#### b) Baligh

Syarat ini juga hanya untuk pelapor yang ingin menyampaikan sesuatu hadis, tidak untuk pelapor yang menerima hadis.

Maka, jika seorang kanak-kanak yang belum baligh menerima sesuatu hadis, kemudian menyampaikannya selepas dia baligh, hadis tersebut diterima.

### c) Berakal

Berakal ialah seorang yang waras. Ini merupakan faktor seorang pelapor itu bercakap benar dan menyampaikan suatu hadis dengan tepat.

### d) Sempurna daripada sifat-sifat fasik

Fasik ialah melakukan dosa besar atau berterusan dalam melakukan dosa kecil atau melakukan sesuatu bidaah yang boleh membawa kepada kekufturan atau kefasikan. Maka, pelapor yang tidak fasik ialah seorang yang tidak melakukan dosa besar, tidak berterusan dalam melakukan dosa kecil dan bukan juga seorang yang melakukan bidaah sehingga membawa kepada kekufturan dan kefasikan.

### e) Sempurna daripada perkara yang mencemarkan maruah

Seorang pelapor itu mestilah berakhhlak dengan sifat-sifat dan adab-adab yang baik. Dia tidak melakukan perkara-perkara yang boleh mencemarkan maruah sama ada kesalahan-kesalahan kecil yang ringan

atau pun melakukan sesuatu perkara harus yang bersalahan dengan adab dan budaya suatu masyarakat itu. Contohnya seperti kencing di jalan, makan sambil berdiri, ketawa terbahak-bahak dan sebagainya.

Sifat adil seseorang pelapor boleh dikenalpasti dengan dua cara:

- i. Seorang pelapor itu memang terkenal sebagai seorang yang memiliki ciri-ciri tersebut dan orang ramai juga turut mengakuinya.
- ii. Penilaian para sarjana dalam bidang *al-jarh wa al-ta'dil* terhadap seorang pelapor itu yang menyatakan dia adalah seorang yang adil. *Al-Jarh wa al-Ta'dil* ialah satu disiplin ilmu yang digunakan untuk menilai seseorang pelapor sama ada dia seorang yang boleh dipercayai atau tidak.

### 3) Pelapor (rawi) yang sempurna *dhabit*

*Dhabit* bermaksud setiap hadis yang disampaikan oleh seseorang pelapor itu mestilah betul dan tepat seperti mana yang diterima atau dalam erti kata lain pelapor tersebut mempunyai ingatan yang kuat. *Dhabit* terdapat dua jenis:

a) *Dhabit al-sadr* (ضبط الصدر)

Seorang pelapor itu menghafaz dengan baik hadis yang diterima daripada gurunya dan dia mampu menyebutnya kembali pada bila-bila masa yang dikehendaki bermula ketika dia mendengar hadis tersebut sehingga dia ingin menyampaikan pula kepada anak muridnya.

b) *Dhabit al-kitab* (ضبط الكتاب)

Seorang pelapor itu menulis dengan tepat hadis yang diterima daripada gurunya, dan menjaganya daripada berlaku sebarang perubahan bermula ketika dia mendengar hadis tersebut sehingga ketika dia ingin menyampaikannya kepada orang lain berpandukan kepada catatan yang dibuat. Pelapor ini juga tidak meminjamkan catatan beliau ini kepada orang lain kecuali kepada orang yang memang dipercayai.

Terdapat beberapa cara untuk mengenal pasti yang seseorang pelapor itu sempurna *dhabitnya* iaitu dengan cara membuat perbandingan berikut:

- i. Perbandingan di antara beberapa hadis yang disampaikan oleh sahabat Rasulullah dengan sahabat yang lain.
- ii. Perbandingan beberapa hadis daripada seorang pelapor yang sama pada zaman-zaman yang berbeza.

- iii. Perbandingan di antara hadis para pelapor yang menjadi anak murid kepada seorang guru yang sama.
- iv. Perbandingan di antara hadis seorang ahli hadis dengan ahli hadis lain yang sama taraf dengannya semasa mengajar.
- v. Perbandingan di antara catatan yang terdapat di dalam kitab dengan yang dihafaz, dan di antara catatan kitab dengan catatan yang lain.
- vi. Perbandingan di antara hadis seseorang pelapor dengan nas-nas al-Quran.

4) Tidak ada *syaz*

Hadis yang disampaikan mesti bukan hadis yang *syaz*. *Syaz* bermaksud sesuatu hadis yang disampaikan oleh seorang pelapor yang *thiqah* (dipercuryai) bercanggah dengan hadis daripada pelapor yang lebih lagi *thiqah* atau dengan sejumlah pelapor yang *thiqah*.

Pelapor yang *thiqah* ialah pelapor yang mempunyai gabungan sifat-sifat adil dan *dhabit* yang sempurna (seperti yang sudah diuraikan di atas).

### 5) Tidak ada sebarang ‘illah’

‘Illah’ ialah sesuatu sebab tersembunyi yang mencacatkan kesahihan sesuatu hadis, sedangkan pada zahirnya hadis tersebut kelihatan sempurna. Ianya hanya dapat dikenal pasti melalui kajian dan penelitian yang dibuat oleh para sarjana hadis.

Contohnya, suatu hadis yang susur galur (sanad) penyampai hadis tersebut dilihat bersambung secara zahir. Tetapi selepas dikaji, sebenarnya ada susur galur yang terputus.

## Hadis Hasan

### Definisi

*H*adis Hasan ialah hadis yang sanadnya bersambung dari awal hingga akhir, disampaikan oleh pelapor yang adil, kekuatan ingatannya (dhabit) kurang sedikit daripada tahap ingatan pelapor hadis sahih, tanpa ada sebarang *syaz* dan juga ‘illah’.

### Syarat Hadis Hasan

Berdasarkan definisi ini, maka syarat-syarat hadis hasan ialah:

- 1) Sanadnya bersambung.
- 2) Para pelapor yang adil.
- 3) Tahap dhabit pelapor kurang sedikit daripada *dhabit* pelapor hadis sahih.
- 4) Tidak ada sebarang *syaz*.
- 5) Tidak ada sebarang ‘illah’.

Huraian tentang ciri-ciri ini adalah sama seperti yang diterangkan dalam huraian ciri-ciri hadis sahih.

Oleh itu, perbezaan di antara hadis sahih dan hadis hasan ialah para pelapor hadis sahih mempunyai tahap *dhabit* yang sempurna, manakala pelapor hadis hasan, sama ada sebahagian atau semuanya, mempunyai tahap *dhabit* yang kurang sedikit berbanding pelapor hadis sahih.

#### Jadual: Persamaan dan perbezaan di antara hadis sahih dan hadis hasan

PERSAMAAN	
Hadis Sahih	Hadis Hasan
<ul style="list-style-type: none"><li>• Sanad bersambung</li><li>• Pelapor yang adil</li><li>• Tidak ada sebarang <i>syaz</i></li><li>• Tidak ada sebarang <i>'illah</i></li></ul>	

PERBEZAAN	
Hadis Sahih	Hadis Hasan
Pelapor yang sempurna <i>dhabit</i> (kekuatan ingatan)	Pelapor yang tahap <i>dhabit</i> (kekuatan ingatan) kurang sedikit berbanding pelapor hadis sahih

## Hadis Daif

### Definisi

Daif bermaksud lemah. Jadi hadis daif ialah hadis yang lemah.

Menurut sarjana hadis, definisi hadis daif ialah hadis yang tidak menepati ciri-ciri hadis sahih dan hadis hasan (berdasarkan ciri-ciri yang sudah dihuraikan sebelum ini).

Ini pengertian yang diberikan oleh para sarjana hadis, antaranya ialah Ibn al-Salah dalam bukunya '*Ulum al-Hadith*, al-Nawawi dalam *al-Taqrib* dan Ibn Kathir dalam *Ikhtisar Ulum al-Hadith*.

Al-Hafidz Ibn Hajar al-'Asqalani dalam bukunya *al-Nukat 'ala Ibn Salah* menyatakan, "Hadis daif ialah hadis yang tidak memenuhi ciri-ciri hadis *maqbul* (hadis yang diterima).

Definisi yang diberikan oleh al-Hafidz Ibn Hajar ini lebih ringkas dan ianya lebih menyeluruh kerana ia menghimpunkan syarat-syarat hadis sahih dan hasan.

Seperti yang disebutkan sebelum ini, hadis *maqbul* (yang diterima) ialah:

- Sah pada statusnya (حديث صحيح ذاته)
- Sah disebabkan oleh faktor lain (حديث صحيح لغيره)
- Baik pada statusnya (حديث حسن ذاته)
- Baik disebabkan oleh faktor lain (حديث حسن لغيره)

### Kesimpulan

Hadis daif ialah hadis yang tidak memenuhi syarat-syarat hadis yang diterima (hadith *maqbul*).

Oleh itu, mana-mana hadis yang tidak memenuhi walaupun satu daripada ciri-ciri hadis *maqbul* tersebut, maka ia dikategorikan sebagai hadis daif. Tetapi, kemungkinan hadis yang daif ini boleh dinaikkan ke derajat hadis yang boleh diterima, jika ada hadis lain yang menguatkannya.

Ringkasnya, al-San'ani di dalam bukunya *Taudhib al-Afkar lima'ani Tanqih al-Anzar* menyatakan ada enam sebab yang menjadikan sesuatu hadis itu daif. Mana-mana hadis yang mempunyai salah satu daripada sebab-sebab tersebut, maka ia termasuk dalam kategori hadis daif.

## Sebab-Sebab Hadis Daif

Sebab-sebab tersebut ialah:

- 1) Sanadnya tidak bersambung.
- 2) Susur galur pelapornya atau sebahagiannya tidak adil.
- 3) Susur galur pelapornya atau sebahagiannya tidak *dhabit*.
- 4) Mempunyai *syaz*, sama ada pada matan atau sanad, atau pada kedua-duanya sekali.
- 5) Mempunyai *'illah* (sebab-sebab yang mencacatkan) sama ada pada sanad atau matan atau pada kedua-duanya sekali.
- 6) Tidak ada hadis lain yang boleh menguatkannya.

## Hukum Menyampaikan atau Menyebut Hadis Daif

Majoriti para sarjana hadis membolehkan untuk menyampaikan atau menyebut hadis daif tanpa dinyatakan bahawa hadis itu adalah daif, kecuali hadis *maudhu'* (palsu). Tetapi, dengan syarat hadis tersebut tidak berkaitan dengan perkara akidah, atau hukum halal dan haram, atau hukum-hakam syariat yang lain.

Maka, dibolehkan menyebut hadis daif yang berkaitan dengan perkara *targhib* dan *tarhib* (galakan supaya melakukan sesuatu amalan kebaikan dan amaran supaya meninggalkan sesuatu kejahanatan), bab *fadha'il* (kelebihan-kelebihan amalan), kisah-kisah dan yang sebagainya.

Ini yang disepakati oleh majoriti para sarjana hadis. Antara mereka ialah Sufian al-Thauri (meninggal 161H), Abdullah bin al-Mubarak (meninggal 181H), Abd al-Rahman bin Mahdi (meninggal 198H), Ahmad bin Hanbal (meninggal 246H), Abu Zakaria al-'Anbari (meninggal 344H). Kenyataan para sarjana hadis ini boleh dilihat dalam buku *al-Kifayah fi 'Ulum al-Riwayat* karangan al-Khatib al-Baghdadi dan buku *'Ulum al-Hadith* karangan Ibn al-Solah.

Namun begitu, sesiapa yang ingin menyebut hadis daif tanpa disebut sanadnya, maka perlu disebut dengan menggunakan lafaz-lafaz yang menunjukkan hadis tersebut adalah daif. Contohnya dengan menggunakan lafaz-lafaz berikut:

- 1) "direkodkan daripada Nabi Muhammad" atau;
- 2) "dikatakan Nabi Muhammad sudah menyebut" atau;
- 3) "dinukilkan daripada Nabi Muhammad" atau;
- 4) "diceritakan bahawa Nabi Muhammad ..." dan sebagainya.

Dalam ilmu hadis, lafaz-lafaz ini dikenali sebagai lafaz *tamridh* (تمريض).

Oleh itu, hadis daif tidak boleh disebutkan dengan lafaz yang pasti, seperti:

- 1) "Nabi Muhammad berkata" atau;
- 2) "Nabi Muhammad melaporkan" atau;
- 3) "Nabi Muhammad melakukan demikian..." atau;
- 4) "Nabi Muhammad menyuruh demikian..." dan sebagainya.

Lafaz-lafaz yang pasti seperti ini hanya digunakan untuk hadis sahih dan hasan sahaja. Di dalam ilmu hadis, lafaz-lafaz ini dikenali sebagai lafaz *jazam* (جزم). Maklumat ini boleh didapati dalam buku *Tadrib al-Rawi* yang dikarang oleh al-Suyuti.

### **Bolehkah Berhujah dan Beramat dengan Hadis Daif**

Para tokoh sarjana hadis berbeza pendapat tentang hukum beramat dengan hadis daif dalam perkara yang berkaitan kelebihan sesuatu amalan (*al-fadha'il*) dan galakan melakukan sesuatu amalan dan ancaman melakukan maksiat (*targhib* dan *tarhib*). Kesimpulan daripada perbincangan dan pendapat-pendapat para tokoh sarjana hadis tersebut boleh dirumuskan kepada tiga jenis:

**Pendapat pertama:** Tidak boleh sama sekali beramat dan berhujah dengan hadis daif walau apa pun tahap daif hadis tersebut sama ada dalam perkara hukum-hakam, *fadha'il* dan *targhib* dan *tarhib*.

Antara tokoh sarjana hadis yang berpegang dengan pendapat ini ialah Yahya bin Ma'in, al-Bukhari, Muslim, al-Hafidz Abu Zakaria al-Naisaburi, Abu Hatim al-Razi, Ibn Hibban, Abu Bakr bin al-'Arabi, Ibn Hazm al-Zahiri dan lain-lain lagi. Antara tokoh yang terkemudian pula seperti Syeikh Ahmad Muhammad Syakir, Syeikh Muhammad Nasir al-Din al-Albani dan Dr. Subhi al-Nofri.

**Pendapat kedua:** Boleh beramat dengan hadis daif, sama ada dalam perkara halal dan haram, *fadha'il*, *targhib* dan *tarhib* dan sebagainya; dengan dua syarat:

- 1) Sebab yang menjadikan hadis itu daif adalah sebab yang ringan.
- 2) Tidak ada lagi hadis lain yang menyebut tentang perkara yang sama disebut dalam hadis daif tersebut.

Antara tokoh sarjana hadis yang berpendapat sebegini ialah Abu Hanifah, Malik bin Anas, al-Syafi'i, Ahmad bin Hanbal, Abu Daud dan lain-lain lagi.

**Pendapat ketiga:** Boleh beramat dan berhujah dengan hadis daif dalam perkara yang berkaitan dengan *fadha'il* dan *targhib* & *tarhib* sahaja. Tidak boleh beramat

dengannya di dalam hukum-hakam halal dan haram terutamanya dalam bab akidah.

Pendapat ketiga ini adalah pendapat majoriti para sarjana hadis dan sarjana fiqah seperti yang dinyatakan oleh Imam al-Nawawi dalam kitabnya *al-Azkar*, Syeikh 'Ali al-Qari dan Ibn Hajar al-Haitami.

Tetapi para tokoh sarjana hadis ini menetapkan beberapa syarat jika hendak beramal dan berhujah dengan hadis daif. Syarat-syarat ini seperti disenaraikan oleh Syeikh Dr. Abd al-Karim bin Abdullah al-Khidir dalam bukunya *al-Hadith al-Dha'if wa Hukm al-Ihtijaj bihi* (Hadis Daif dan Hukum Berhujah Dengannya).

Syarat-syarat tersebut ialah:

- 1) Sebab yang menjadikan hadis itu daif adalah sebab yang tidak kuat. Oleh itu, hadis yang pelapornya adalah pendusta atau ditohmah dengan dusta, tidak diterima di dalam bab fadhill.
- 2) Asas amalan yang disebut di dalam hadis daif tersebut sudah disebutkan di dalam al-Quran dan Sunnah yang saih (seperti berbuat baik kepada ibu bapa, menghubungkan silaturrahim dan sebagainya). Maka, apa-apa amalan yang direka yang tidak ada asas sandarannya di dalam syariat adalah ditolak.

3) Ketika beramal dengan hadis tersebut, tidak boleh beranggapan bahawa hadis tersebut adalah pasti (thabit) daripada Rasulullah. Hal ini untuk mengelakkan kita daripada menisahkan kepada Rasulullah sesuatu perkara yang tidak disebut oleh beliau.

- 4) Perkara yang disebut di dalam hadis daif tersebut adalah yang berkaitan dengan kelebihan-kelebihan sesuatu amalan (al-fadhill).
- 5) Perkara yang disebut dalam hadis daif tersebut tidak bercanggah dengan hadis saih yang lain.
- 6) Tidak dihebahkan hadis tersebut di kalangan orang ramai, supaya ia tidak menjadi punca orang ramai beramal dengan hadis daif atau kemungkinan sebahagian yang jahil akan menganggap ia adalah sunnah yang saih.

Jika diteliti, syarat-syarat yang diletakkan oleh para sarjana hadis ini agak ketat. Ianya sukar untuk dikenal pasti dan diaplikasi kecuali tokoh-tokoh yang pakar dan menguasai bidang ini sahaja. Syarat-syarat yang ditetapkan ini mesti dipatuhi terlebih dahulu sebelum beramal dengan sesuatu hadis daif.

Sesetengah pihak hari ini berhujah bahawa dibolehkan untuk beramal dengan hadis daif yang berkaitan dengan kelebihan sesuatu amalan (*al-fadha'iil*).

Mereka mengatakan bahawa ada pendapat dikalangan para sarjana yang membolehkannya. Ya, kita bersetuju. Tetapi, para sarjana yang membolehkan perkara ini, tidak mengatakan boleh beramal secara mutlak.

Bahkan, mereka sudah menggariskan syarat-syarat tertentu. Justeru, bagi mereka yang ingin berhujah dengan hadis daif yang berkaitan dengan kelebihan sesuatu amalan, terlebih dahulu harus mematuhi syarat-syarat yang sudah disebutkan di atas.

Kemungkinan ada yang akan berkata, "Kami tidak mampu menyemak satu persatu syarat-syarat tersebut. Tambahan pula, kami tidak arif dalam bidang ini".

Sememangnya kita semua berhasrat untuk menambahkan amal ibadat dan meraih kelebihan tertentu. Sesungguhnya kelebihan suatu amalan ini juga sudah disebutkan dalam banyak hadis lain yang sahih.

Adakah semua amalan-amalan yang disebutkan dalam hadis sahih sudah habis kita amalkan sehingga kita perlu pula kepada hadis yang daif? Atau adakah kelebihan yang dijanjikan dalam hadis sahih masih tidak mampu menarik minat kita untuk beramal?

Oleh itu, kita mempunyai jalan penyelesaian yang mudah iaitu membaca dan beramal dengan hadis sahih. Kita tidak perlu lagi bersusah-payah untuk mengkaji sama ada ia menepati syarat-syarat tertentu atau sebaliknya.

Apabila sesuatu hadis itu dihukum sahih oleh para sarjana hadis dan ianya tepat, maka beramallah dengan penuh keyakinan. Kita serahkan usaha untuk menyemak kedudukan hadis daif yang lain kepada para sarjana yang pakar dan mahir dalam bidang ini.

## Hadis Maudu'

### Definisi

*Maudu'* (موقع) adalah perkataan bahasa Arab yang bererti palsu atau yang direka-reka.

Hadis *maudu'* atau hadis palsu adalah salah satu jenis daripada jenis-jenis hadis daif. Hadis *maudu'* ialah hadis yang direka dan dinisbahkan kepada Nabi Muhammad. Definisi ini seperti yang dinyatakan oleh Ibn al-Salah dalam bukunya '*Ulum al-Hadith*'.

Menurut Ibn al-Salah, hadis *maudu'* adalah jenis hadis daif yang paling teruk.

### Kesimpulan

Hadis *maudu'* adalah hadis palsu yang direka oleh seseorang kemudian dikatakan bahawa ia adalah daripada Rasulullah.

Sebahagian sarjana hadis tidak bersetuju untuk mengategorikan hadis palsu ini sebagai salah satu daripada jenis hadis daif, kerana pada asal dan hakikatnya ia bukan hadis.

### Kenapa Hadis Palsu Dicipta

Terdapat banyak faktor yang mendorong sebahagian orang mencipta hadis palsu. Antara faktor-faktor utama ialah seperti yang disebut oleh Syeikh Dr. Mustafa al-Siba'i dalam bukunya *al-Sunnah wa Makanatuha fi Tasyri' al-Islami* dan juga Syeikh Nur ad-Din dalam bukunya *Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadith*:

- I) Menggalakkan orang ramai supaya melakukan kebaikan dan memberi peringatan kepada mereka daripada melakukan kemungkaran.

Tujuan mereka adalah bagi menghampirkan diri kepada Allah (*taqarrub*). Mereka ini biasanya menisahkan diri mereka kepada sifat kezuhudan dan kesufian.

Sebagai contohnya ialah Abu 'Ismah Nuh bin Abi Maryam yang mencipta hadis tentang kelebihan surah-surah dalam al-Quran.

Tujuannya supaya orang ramai kembali memberi perhatian dan rajin membaca al-Quran.

**2) Untuk merosakkan agama dan membuatkan umat Islam ragu-ragu terhadap ajarannya.**

Ini dilakukan oleh golongan munafik iaitu orang yang berpura-pura Islam. Golongan ini benci kepada Islam. Antara mereka ialah Abd al-Karim bin Abi al-Auja' dan Muhammad bin Said al-Maslub. Sebagai contoh, Abd al-Karim bin Abi al-Auja' mengaku dia sudah mencipta sebanyak 4000 hadis palsu.

**3) Sikap obses atau taksub sama ada kepada mazhab, bangsa, kabilah, bahasa atau negeri.**

Hal ini dilakukan oleh mereka yang bersikap taksub terhadap sesuatu yang dipegangnya sama ada mazhab atau pegangan amalannya. Jadi, demi membela mazhab, bangsa, kabilah, bahasa atau negeri atau menindas pihak yang memusuhi mereka, golongan ini mencipta hadis palsu.

**4) Pertelingkahan dari sudut politik.**

Pertelingkahan politik juga menyebabkan beberapa golongan mencipta hadis palsu. Antara yang paling banyak ialah golongan Syiah. Syiah sudah mencipta hadis tentang kelebihan Ahlul-Bait, mencerca para sahabat khususnya Abu Bakar, Umar, Muawiyah dan sebagainya.

**5) Untuk kepentingan dan keuntungan peribadi.**

Demi untuk mendapatkan keuntungan harta benda atau pangkat, beberapa golongan tertentu sanggup mencipta hadis palsu. Antara tujuan golongan tersebut ialah:

- a) Untuk mendekatkan diri dengan raja dan pemerintah.

Tujuannya adalah untuk mendapatkan keuntungan dunia. Golongan ini akan mencipta hadis yang dapat memenuhi hasrat raja dan pemerintah, supaya raja dan pemerintah akan menyukainya dan memberikan habuan keduniaan yang setimpal. Contohnya seperti yang sudah dilakukan oleh Ghiyath bin Ibrahim al-Nakha'i.

- b) Golongan pencerita atau penceramah.

Golongan ini memalsukan hadis atau menyampaikan hadis yang palsu demi menarik minat orang ramai supaya mendengar ceramah atau cerita yang disampaikannya. Maka dicipta hadis yang menyebut tentang kisah-kisah yang ajaib dan cerita-cerita yang mampu membuatkan mereka berminat dan tidak berganjak dari tempat syarahan mereka.

- c) Untuk melariskan barang jualan

Sesetengah peniaga juga turut terlibat dalam jenayah mencipta hadis palsu ini dengan

tujuan untuk mlariskan barang jualan mereka. Lalu diciptalah hadis yang menyebut tentang kelebihan dan keistimewaan barang yang dijual. Contohnya hadis palsu yang menyebut tentang kelebihan buah terung, buah delima, anggur, minuman-minuman tertentu dan sebagainya. Antara mereka yang sudah melakukan sedemikian ialah: Muhammad bin Hajjaj al-Wasiti, Fudhalah bin Husain, Hanad bin Ibrahim al-Nasafi dan lain-lain lagi.

Sebab-sebab yang disenaraikan ini merupakan faktor yang mendorong golongan tersebut mencipta hadis palsu dengan sengaja. Namun, terdapat juga sebab lain yang membuatkan seseorang itu terlibat dalam kesalahan mencipta hadis palsu ini secara tidak sengaja dan tanpa disedari. Antara sebabnya ialah seperti yang disebutkan oleh Dr. Abd al-Karim bin Abdullah al-Khidr dalam bukunya *al-Hadith al-Dhaif wa hukm al-Ihtijaj bihi*:

- 1) Tenggelam dalam kezuhudan dan keasyikan beribadah sehingga mereka sudah leka daripada membezakan antara yang sahih dan palsu.
- 2) Buku-buku catatan hadis sudah hilang atau terbakar. Jadi, penulis hadis melaporkan apa yang mereka ingat sehingga berlaku kesilapan. Ini terjadi kepada mereka yang memang bergantung kepada catatan-catatan hadis sebagai rujukan utama dalam menyampaikan hadis. Sebagai contoh seperti yang berlaku kepada Abdullah bin Lahi'ah.

- 3) Fikiran sudah tidak sempurna atau nyanyuk. Ini berlaku kepada mereka yang ketika usia muda laporan hadisnya diterima, tetapi nyanyuk apabila umurnya menjadi tua. Lalu dia tersilap dalam menyampaikan hadis seperti yang berlaku kepada Ismail bin 'Iyash.

### **Bagaimana Hadis Palsu Dikenalpasti**

Seperti mana para sarjana hadis menetapkan kaedah-kaedah tertentu untuk menentukan sesuatu hadis itu diterima iaitu sahih, hasan ataupun daif, demikian juga mereka menetapkan kaedah-kaedah tertentu bagi mengenal pasti hadis yang palsu.

Para sarjana hadis sudah mengenal pasti beberapa tanda atau ciri tertentu yang ada pada hadis palsu. Tanda-tanda atau ciri-ciri hadis palsu ini dibahagikan kepada dua bahagian:

- 1) Ciri-ciri yang terdapat pada sanad.
- 2) Ciri-ciri yang terdapat pada matan.

Hal ini sudah diuraikan secara terperinci oleh salah seorang pakar hadis pada masa kini iaitu Syeikh Dr. Nur al-Din 'Itr dalam bukunya *Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadith*, Syeikh Dr. Mustafa al-Siba'i dalam bukunya *al-Sunnah wa Makanatuha fi Tasyri' al-Islami* dan Syeikh Dr. Abd al-Karim bin Abdullah al-Khidr dalam bukunya *al-Hadith al-Dha'if*.

## Tanda-Tanda Hadis Palsu pada Sanad

- 1) Pelaporanya adalah seorang yang pendusta dan dia terkenal sebagai seorang yang suka melakukan pendustaan.
- 2) Pengakuan sendiri oleh pelapor yang sudah mendustakan hadis. Ini seperti yang dilakukan oleh Abu 'Ismah bin Abi Maryam yang mengaku bahawa dia sudah mencipta hadis palsu tentang kelebihan surah-surah al-Quran, Abd al-Karim bin Abi al-Auja' yang mengaku mencipta sebanyak 4000 hadis palsu dan lain-lain lagi.
- 3) Seorang itu menyampaikan hadis daripada yang lain, yang terbukti mereka tidak pernah berjumpa atau dia lahir selepas daripada kematianya atau pelapor itu tidak pernah pergi ke tempat yang didakwa menerima hadis tersebut.

Contohnya seperti yang didakwa oleh Ma'mun bin Ahmad al-Harawi bahawa dia mendengar hadis daripada Hisyam bin 'Ammar. Lalu Ibn Hibban bertanya Ma'mun, "Bilakah kamu masuk ke Syam?" Dia menjawab, "Pada tahun 250".

Ibn Hibban berkata: "Sesungguhnya Hisyam yang kamu dakwa mengambil hadis daripadanya sudah meninggal dunia pada tahun 245."

## Tanda-Tanda Hadis Palsu pada Matan

- 1) Teks hadis atau maknanya yang pelik dari sudut bahasa Arab. Para tokoh hadis dapat mengenal pasti hadis itu palsu jika lafaznya atau makna hadis itu tidak digunakan dalam bahasa Arab Tinggi, sedangkan Nabi Muhammad adalah seorang yang paling fasih bahasanya. Para sarjana hadis yang sebahagian besar hidupnya diperuntukkan untuk mengkaji hadis mempunyai kemahiran yang tinggi dalam mengenalpasti perkara ini.
- 2) Teks hadis itu bercanggah dengan al-Quran atau al-Sunnah yang sahih dan ianya tidak dapat ditafsirkan lagi.

Contohnya seperti hadis:

وَلَدُ الزِّنَا لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ إِلَى سَبْعَةِ أَبْنَاءٍ

"Anak zina tidak akan masuk syurga sehingga tujuh keturunannya."

Hadis ini bercanggah dengan ayat al-Quran:

وَلَا نَرُوا وَازْرَهُ وَزَرَ أَخْرَى

Dan seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja).

(Surah al-An'am, ayat 164)

- 3) Makna hadis tersebut yang rosak dan tidak dapat diterima oleh akal yang sempurna. Sebab itu, Nawawi di dalam bukunya *Tadrib al-Rawi* menuliskan kata-kata dari Ibn al-Jauzi (meninggal 597):

إِذَا رَأَيْتَ الْحَدِيثَ يُبَيِّنُ الْمَعْقُولَ أَوْ يُخَالِفُ الْمَنْقُولَ  
أَوْ يُنَاقِضُ الْأُصُولَ فَاعْلَمْ أَنَّهُ مَوْضُوعٌ

"Apabila engkau lihat sesebuah hadis menyanggah ilogik, menyalahi manqul (al-Quran) dan bertentangan dengan usul-usul Islam, maka ketahuilah ia adalah palsu."

Hal ini disebabkan oleh beberapa perkara, antaranya:

- a) Bercanggah dengan akal yang sempurna.

Contohnya hadis yang menyebut bahawa:

"Sesungguhnya kapal Nabi Nuh bertawaf di Kaabah sebanyak tujuh pusingan dan bersembahyang di maqam (maqam Ibrahim) dua rakaat."

- b) Mengajak kepada perasaan syahwat dan perkara yang jahat.

Contohnya hadis yang menyebut bahawa:

"Melihat kepada wajah yang cantik itu dapat menerangkan penglihatan."

- c) Bercanggah dengan suatu hakikat yang dapat dilihat atau pancaindera yang sempurna.

Contohnya hadis yang menyebut bahawa:

"Tidak akan lahir lagi selepas seratus tahun zuriat yang mana Allah berhajatkan kepadanya."

- d) Bercanggah dengan kaedah perubatan yang sudah disepakati.

Contohnya hadis yang menyebut bahawa:

"Buah terung adalah ubat bagi segala penyakit."

Semua contoh-contoh hadis yang disebutkan ini adalah palsu.

- e) Bercanggah dengan fakta sejarah yang betul.

Contohnya disebutkan bahawa:

"Sesungguhnya Nabi Muhammad mengenakan bayaran jizyah (cukai) kepada penduduk Khaibar."

Sedangkan menurut fakta sejarah yang benar, sistem bayaran jizyah masih belum dikenali dan belum disyariatkan lagi pada tahun Perang Khaibar berlaku. Ayat yang menyebut tentang hukum jizyah hanya diturunkan pada tahun selepas berlakunya perang Tabuk.

- 5) Menyebut tentang ganjaran pahala yang terlalu banyak untuk amalan kebaikan yang sedikit, atau balasan dosa yang terlalu melampau terhadap kesalahan yang kecil.

Contohnya disebutkan bahwa:

"Sesiapa yang sembahyang sunat dhuha sebanyak sekian rakaat, maka akan diberikan pahala sebanyak 70 orang nabi kepadanya."

"Sesiapa yang menyebut *La ilaha illallah*, maka Allah akan menjadikan daripadanya sebanyak tujuh puluh ribulidah, dan setiap lidah itu mempunyai tujuh puluh ribu bahasa yang memohon ampun untuknya."

### Hujah-Hujah yang Melarang Hadis Palsu

Mencipta hadis palsu hukumnya adalah haram berdasarkan hujah-hujah daripada al-Quran dan hadis. Antaranya ialah:

- 1) Kata Allah dalam al-Quran:

فَمَنْ أَظْلَمُ مِنْ أَفْتَرَى عَلَى اللَّهِ كَذِبًا لِيُضِلِّ النَّاسَ  
يُغَيِّرُ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ

Oleh itu, siapakah yang lebih zalim daripada orang yang berdusta terhadap Allah untuk menyesatkan manusia dengan tidak berdasarkan ilmun pengetahuan? Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang zalim.

(Surah al-An'am, ayat 144)

- 2) Kata Allah dalam al-Quran:

قُلْ إِنَّمَا حَرَمَ رِبِّ الْفَوْحَشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ وَالْأَمْمَانُ  
وَالْبَغْيُ بِغَيْرِ الْحِقْقَةِ وَأَنْ تُشْرِكُوا بِإِلَهٍ مَا لَمْ يُنْزِلْ بِهِ سُلْطَانًا  
وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْمَلُونَ

Katakanlah; "Sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji, sama ada yang nyata atau yang tersembunyi; dan perbuatan dosa; dan perbuatan menceroboh dengan tidak ada alasan yang benar; dan (diharamkan-Nya) kamu mempersekutukan sesuatu dengan Allah sedang Allah tidak menurunkan sebarang bukti (yang membenarkannya); dan (diharamkan-Nya) kamu memperkatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya."

(Surah al-A'raf, ayat 33)

- 3) Rasulullah menyebut:

إِنَّ كَذِبًا عَلَى لَيْسَ كَكَذِبٍ عَلَى أَحَدٍ ، مَنْ كَذَبَ عَلَى

**مُتَعَمِّدًا فَلَيْسَ بِهِ مَقْعُدَةٌ مِنَ النَّارِ**

"Sesungguhnya berdusta ke atasku (menggunakan namaku) tidaklah seperti berdusta ke atas seseorang yang lain (menggunakan nama orang lain). Sesiapa yang berdusta ke atasku dengan sengaja, maka siapkanlah tempat duduknya dalam neraka."

(Direkodkan oleh Bukhari dan Muslim)

Dalam hadis lain, Rasulullah menyebut:

**لَا تَكُذِّبُوا عَلَىَّ، فَإِنَّمَا مِنْ كَذَّابٍ عَلَىَّ فَلَيْلَجِ النَّارِ**

"Jangan kamu semua berdusta ke atasku. Sesiapa yang berdusta ke atasku maka dia akan masuk neraka."

(Direkodkan oleh Bukhari dan Muslim)

### Hukum Menyebarluaskan Hadis Palsu

Menyebarluaskan atau menyampaikan hadis palsu dengan diketahui bahawa hadis tersebut adalah palsu, hukumnya adalah haram. Sama ada hadis tersebut berkaitan hukum-hakam, kisah sejarah, iaitu *tarhib* (menakutkan orang ramai terhadap maksiat) dan *targhib* (menggalakkan ibadah) dan sebagainya.

Menurut al-Suyuti dalam bukunya *Tadrib al-Rawi*, perkara ini sudah disepakati oleh para sarjana dalam bidang hadis.

Kata Ibn al-Salah di dalam bukunya '*Ulum al-Hadith*:

"Tidak halal bagi sesiapa yang mengetahui ia adalah hadis palsu untuk menyampaikannya dalam apa bentuk sekali pun, kecuali disertai dengan menerangkan kepalsuannya."

Oleh itu, haram menyampaikan hadis palsu, kecuali dengan disebutkan bahawa hadis tersebut adalah palsu. Seseorang yang menyampaikan hadis palsu, tanpa dinyatakan bahawa hadis tersebut adalah palsu, maka dia berdosa dan termasuk di dalam amaran yang diberikan oleh Nabi Muhammad:

**مَنْ حَدَّثَ عَنِّي بِحَدِيثٍ يُرَى أَنَّهُ كَذِبٌ فَهُوَ أَخْدُ الْكَاذِبِينَ**

"Seslapa yang menceritakan daripadaku suatu hadis, dan dia mengetahui ia adalah dusta, maka dia juga salah seorang daripada pendusta."

(Direkodkan oleh Imam Muslim)

Menurut Syeikh Muhammad bin Muhammad Abu Syahbah dalam bukunya *al-Wasit fi 'Ulum wa al-Mustalah al-Hadith*, katanya:

"Tidak halal menyampaikan hadis palsu dalam apa perkara sekalipun melainkan diterangkan bersama tentang kepalsuannya. Ini sama ada berkaitan perkara halal dan haram, fadha'il (kelebihan-kelebihan amalan), tarhib (menakutkan orang ramai terhadap maksiat) dan targhib (menggalakkan ibadah), kisah-kisah, sejarah atau selainnya."

Sesiapa yang menyampaikannya tanpa keterangan, bererti dia sudah melakukan dosa yang besar dan termasuk dalam senarai pendusta. Ini berasaskan hadis yang direkodkan oleh Muslim dalam pendahuluan buku Sajihnya, bahawa Rasulullah berkata:

مَنْ حَدَّثَ عَنِي بِحَدِيثٍ يُرَى أَنَّهُ كَذِبٌ فَهُوَ أَحَدُ الْكَاذِبِينَ

"Sesiapa yang menyebut hadis daripadaku sedangkan dia menyangka itu adalah dusta, maka dia termasuk salah seorang pendusta."

Ramai sarjana hadis menghukum dengan hukuman *takzir* (denda) dan *takdib* (membetulkan akhlak) ke atas sesiapa yang menyampaikan hadis palsu tanpa diterangkan kepalsuannya.

### Menilai Hadis Palsu

Mencipta hadis palsu adalah satu jenayah yang besar jika dinilai dari sudut kaca mata agama. Perbuatan ini bererti mencemarkan ketulenan agama itu sendiri. Kesannya akan membawa kepada keruntuhan agama.

Seperi yang sudah dihuraikan sebelum ini, mencipta hadis palsu bererti seseorang itu melakukan pendustaan ke atas Rasulullah. Perbuatan ini adalah diharamkan berdasarkan hujah-hujah yang kuat daripada al-Quran dan hadis yang sahih. Bahkan, logik akal juga menolak perbuatan ini berdasarkan beberapa alasan berikut:

- 1) Pendustaan yang dilakukan ini merupakan suatu pengkhianatan kepada syariat agama ini sendiri. Jika pendustaan ini dilakukan dengan suatu tujuan yang jahat, maka ia dianggap jenayah yang boleh menyebabkan umat Islam hilang kepercayaan dan keyakinan kepada agama. Selain itu, kesannya juga akan menyebabkan umat Islam akan beramal dengan suatu syariat yang salah.
- 2) Perbuatan mencipta hadis palsu ini menyebabkan hilangnya kehebatan dan keaslian agama. Agama yang hilang keaslian dan kesuciannya, boleh dianggap tidak bernilai lagi.

Akhirnya, Islam yang bersumberkan wahyu ini akan menjadi sama sahaja dengan agama rekaan lain yang bersumberkan akal pemikiran dan khayalan semata-mata.

- 3) Jika berdusta dengan menggunakan nama orang biasa pun diharamkan, apatah lagi berdusta dengan menggunakan nama seorang rasul? Sudah tentu lebih lagi diharamkan. Seolah-olah orang yang melakukan pendustaan ini menyamakan hadis palsu ciptaannya itu sama taraf dengan wahyu atau sama dengan kedudukan kerasulan yang ada pada diri Nabi Muhammad.
- 4) Sekiranya hadis palsu yang diciptakan itu adalah dengan menokok tambah sesuatu yang baik, maka pendustaan ini seolah-olah menganggap agama yang sudah diturunkan oleh Allah masih belum lengkap. Ia masih perlu kepada penambahbaikan. Sudah tentu hal ini tidak dapat diterima oleh akal yang sempurna.
- 5) Mencipta hadis palsu ini juga boleh dianggap menipu mereka yang cintakan keaslian agama. Mereka yang cintakan agama ini mungkin akan tertipu dengan hadis palsu ini lalu mempercayainya. Justeru, mereka pun beramal dengan hadis tersebut dengan keyakinan bahawa ianya memang daripada Rasulullah. Padahal ia adalah palsu, sedangkan mereka inginkan fakta yang asli dan benar.

### Kesan Negatif Penyebaran Hadis Palsu

Terdapat banyak kesan negatif hasil daripada penyebaran hadis palsu. Jika perkara ini tidak dibendung, ianya akan memberikan imej yang buruk terhadap agama Islam yang murni dan berwibawa. Dr. Mohd Asri Zainul Abidin dalam bukunya *Hadis Palsu: Kesan Terhadap Imej Islam* menyenaraikan beberapa kesan negatif tersebut. Antaranya ialah:

#### 1) Merosakkan Akidah yang Murni

Hadis palsu sebahagiannya direka oleh golongan anti-Islam. Unsur-unsur yang dimasukkan ke dalamnya ialah unsur-unsur yang mencemarkan agama. Antara yang menjadi fokus mereka ialah dalam perkara akidah. Unsur dan perkara yang merosakkan akidah yang murni dimasukkan ke dalam hadis palsu ini.

Contohnya:

لَوْ أَخْسَنَ أَحَدُكُمْ ظَلَّةً بِحَجَرٍ لَنَفَعَهُ

*"Jika seseorang kamu berbaik sangka dengan batu, nescaya ia akan memberi manfaat kepadanya."*

Ibn Qayyim al-Jauziyah berkata: "Hadis ini adalah pemalsuan daripada golongan musyrik yang menyembah berhala."

## 2) Menjatuhkan Nilai Kewibawaan Agama

Secara umumnya, semua hadis palsu menjatuhkan nilai ketinggian Islam. Ini kerana, mereka menjadikan Islam sebagai bahan sendaan dan rekaan semata-mata. Ini berlaku apabila mereka menyamakan rekaan mereka dengan wahyu yang sebenar.

Sesuatu yang bersumberkan wahyu mempunyai kewibawaannya yang tersendiri. Mana mungkin ia diletakkan setanding dengan rekaan manusia walaupun kelihatan menarik.

Namun lebih dari itu, sebahagian hadis palsu ini pada zahirnya pun sudah tampak jelas kebodohan dalam isi kandungannya. Sebagai contoh, perhatikan hadis palsu berikut:

مَنْ صَلَّى الصُّبُحَ كَذَا وَكَذَا رَكْعَةً أَغْطِيَ ثَوَابَ سَبْعِينَ  
نِيَّاً

*"Sesiapa yang solat dhuha sekian dan sekian rakaat, maka dia diberi pahala sebanyak 70 para nabi."*

Hadis seperti ini menjatuhkan nilai ketinggian para nabi. Seakan-akan amalan dan pengorbanan para nabi begitu remeh. Hanya dapat ditandingi dengan beberapa rakaat solat sahaja.

Ibn Qayyim al-Jauziyah dalam bukunya *al-Manar al-Munif*, ketika mengulas hadis ini menyebut:

*"Seolah-olah pendusta yang keji ini tidak mengetahui bahawa selain nabi, sekalipun bersolat selama umur Nabi Nuh, ia tidak akan diberikan pahala setanding seorang nabi."*

Hadis ini boleh menyebabkan manusia meninggalkan amalan-amalan Islam yang lain disebabkan mereka menyangka pahalanya sudah menyamai pahala para nabi dan pasti tergolong di kalangan ahli syurga.

## 3) Menjadikan Nas-nas Islam Saling Bercanggah

Oleh kerana isi kandungan hadis palsu ini tidak berasal dari sumber yang sama iaitu Rasulullah yang diberikan wahyu, maka seringkali ia bercanggah dengan isi kandungan al-Quran dan sunnah.

Ini akan mencemarkan imej Islam dan memberi ruang kepada musuh bagi mendakwa Islam sebagai ajaran yang kontradik antara satu sama lain. Apatah lagi pada zaman ini, penulis-penulis Barat dan pro-Barat sentiasa mencari peluang ini.

Al-Suyuti dalam bukunya *Tadrib al-Rawi* menukilkan kata-kata dari Ibn Jauzi:

*"Jika engkau melihat sesbuah hadis menyanggahi logik, menyalahi al-Quran dan bertentangan dengan prinsip-prinsip asas Islam, maka ketahuilah ia adalah hadis palsu."*

Menurut Dr. Muhammad bin Muhammad Abu Syahbah dalam bukunya *Difa' 'an al-Sunnah*, menyebut:

"Sepertimana para sarjana hadis mengambil berat tentang analisa kritis terhadap sanad (susur galur penyampai hadis) yang merupakan analisa kritis luaran, mereka juga membuat analisa terhadap matan (teks hadis), iaitu analisa kritis dalaman."

Ini terbukti apabila mereka menjadikan salah satu tanda hadis palsu ialah percanggahan dengan akal (*al-'aql*), dengan apa yang disaksi di alam nyata (*al-musyahadat*), atau dengan apa yang dikesan oleh pencaindera (*al-hiss*), sedangkan ia tidak mampu ditakwilkan dengan takwilan yang hampir dan mungkin."

Sebagai contoh, hadis palsu berikut menyanggahi nas al-Quran:

وَلَدُ الزَّنَا لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ

"Anak zina tidak akan masuk syurga."

Hadis ini secara terang menyanggahi ayat 15, surah *al-Isra'* yang menyatakan:

وَلَا نَزِرٌ وَازْرَةٌ وَزَرَ أُخْرَى

Dan seseorang yang boleh memikul, tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja).

Mana mungkin anak zina dihukum disebabkan perbuatan kedua-dua ibu bapanya? Ini mencemarkan penegasan al-Quran tentang keadilan Allah yang tidak menghukum seseorang atas kesalahan orang lain.

#### 4) Menjadikan Hadis Bercanggah Dengan Realiti dan Akal yang Waras.

Kebanyakan hadis palsu ini direka oleh golongan yang akalnya dikuasai oleh perasaan dan emosi tanpa berfikir. Justeru kita dapat dalam membuat rekaan, kadangkala mereka ini tidak berfikir panjang dan tidak menilai dengan teliti. Sehingga isi kandungan hadis rekaan mereka itu kelihatan begitu jahil.

Antara contoh hadis palsu ialah:

إِنْ سَفِينَةً نُوحَ طَافَتْ بِالْبَيْتِ سَبْعًا وَصَلَّتْ الْمَقَامَ  
رَكْعَتَيْنِ

"Sesungguhnya bahtera Nuh sudah tawaf di Kaabah sebanyak tujuh kali dan solat dua rakaat di makam Ibrahim."

Sangat tidak masuk akal. Nabi Nuh lahir sebelum Nabi Ibrahim. Di mana kaabah dan makamnya ketika itu? Al-Suyuti di dalam bukunya *Tadrib al-Rawi* menyatakan bahawa kita dapat melihat bantahan para sarjana hadis terhadap hadis palsu ini di dalam pelbagai karya-karya mereka.

## 5) Punca Percambahan Pemikiran Sesat

Banyak hadis palsu diwujudkan demi menyokong aliran sesat seperti Syiah, Murjiah dan golongan tarekat yang menyeleweng.

Golongan Syiah adalah puak yang paling terkenal mencipta pelbagai hadis berhubung dengan kelebihan Ali dan Ahli Bait. Antara contoh hadis palsu mereka ialah:

مَنْ سَرَهُ أَنْ يَحْيَا حَيَاةِي، وَيَمُوتُ مَمَاتِي، وَيَسْكُنْ جَنَّةَ عَدْنٍ غَرْسَهَا رَبِّي، فَلَيُوَالِ عَلَيَا مِنْ بَعْدِي وَلَيُوَالِ وَلِيَهِ وَلَيُقْتَدِي بِالْأَئِمَّةِ مِنْ بَعْدِي، فَإِنَّهُمْ عَثَرَتِي خُلِقُوا مِنْ طِينِي رُزِقُوا فَهْمِي وَعَمَلِي، وَوَيْلٌ لِلْمُكَذِّبِينَ بِفَضْلِهِمْ مِنْ أَمْتِي لِلْقَاطِعِينَ فِيهِمْ صَلَتِي لَا أَنَا لِهُمُ اللَّهُ شَفَاعَتِي

"Sesiapa yang suka hidup seperti hidupku, mati seperti matiku dan tinggal di syurga 'Adn yang ditanam oleh Tuhanaku, maka dia hendaklah mengangkat Ali selepasku. Juga mengangkat pengantinnya. Hendaklah dia mengikut para imam selepasku kerana sesungguhnya mereka adalah kaum keluargaku, diciptakan daripada asal usulku, direzekikan kefahaman dan ilmu. Celakalah golongan umatku yang membantah kelebihan mereka dan memutuskan hubungan denganku. Semoga Allah tidak memberikan mereka syafaat."

(Direkodkan oleh Ibn Abi Nua'im dalam *Hilyah al-Auliya'*)

Syiekh Nasir al-Din al-Albani dalam buku *Silsilah al-Ahadith al-Daifah wa al-Maudhu'ah* menyatakan ini adalah hadis palsu. Semua para penyampainya tidak dikenali secara pasti kecuali seorang iaitu Ibn Abi Rawwad. Selainnya ialah nama-nama rawi yang tidak pernah disebut oleh pakar *al-Jarh wa al-Ta'dil*.

Hadis yang seperti ini hanya bertujuan mengembangkan pemikiran Syiah dalam politik dan akidah. Akibat tidak memahami disiplin ilmu hadis, ramai yang termakan umpan seperti ini dan akhirnya terheret ke kancah Syiah.

## 6) Memundur dan Menyusahkan Urusan Umat Islam

Hadis hadis palsu juga memberikan kesan yang buruk kepada cara berfikir dan sikap umat Islam. Nilai-nilai kezuhudan yang melampau atau unsur-unsur khurafat dan kepercayaan tidak berasas yang dimuatkan di dalamnya boleh merosakkan mentaliti dan sikap mereka yang mempercayainya.

Antara contohnya ialah hadis palsu berikut:

الدُّنْيَا حَرَامٌ عَلَى أَهْلِ الْآخِرَةِ، وَالْآخِرَةُ حَرَامٌ عَلَى أَهْلِ الدُّنْيَا، وَالدُّنْيَا وَالْآخِرَةُ حَرَامٌ عَلَى أَهْلِ اللهِ

"Dunia itu haram untuk ahli akhirat. Akhirat itu haram untuk ahli dunia. Dunia dan akhirat itu haram untuk ahli Allah."

Menurut Syeikh al-Albani dalam bukunya *Silsilah Ahadith al-Dhaifah wa al-Maudhu'ah*, hadis ini adalah palsu.

Jadi, hadis seperti ini boleh menyebabkan orang Islam mundur dan tidak berdaya saing. Bagaimana mungkin Rasulullah mengharamkan dunia untuk mereka yang beriman? Sedangkan Allah menyebut dalam al-Quran:

قُلْ مَنْ حَرَمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالظِّينَاتِ مِنَ الرِّزْقِ  
قُلْ هُنَّ لِلَّذِينَ آمَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةٌ يَوْمَ الْقِيَمةِ  
كَذَلِكَ نُفَضِّلُ الْآتِيكَ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

٢٢

Katakanlah wahai Muhammad, "Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang dikeluarkan-Nya untuk hamba-hamba-Nya dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakan-Nya?"

Katakanlah: "Semuanya itu ialah (nikmat-nikmat) untuk orang yang beriman dan juga yang tidak beriman dalam kehidupan dunia; (nikmat-nikmat itu pula) hanya tertentu bagi orang-orang yang beriman sahaja pada hari kiamat. Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi orang yang (mahu) mengetahui."

(Surah al-A'raf, ayat 32)

Hadis palsu di atas jika dipegang menyebabkan umat akan ketinggalan dalam segala bidang kehidupan dunia ini dan mereka akan terhina.

Sementara ahli Allah ialah ahli al-Quran seperti yang disebut di dalam hadis berikut yang bermaksud:

"Sesungguhnya bagi Allah itu ahli-ahli-Nya yang terdiri daripada kalangan manusia. Mereka bertanya: Wahai Rasulullah, siapakah mereka itu? Beliau menjawab: Mereka ialah ahli al-Quran. Merekalah ahli Allah dan golongan istimewa-Nya."

(Hadis direkodkan oleh Ibn Majah dan dinilai saih oleh al-Albani)

Ahli al-Quran ialah mereka yang beramal dengan al-Quran, membaca dan menegakkan syariatnya. Bagaimana mungkin mereka diharamkan masuk syurga. Di akhirat hanya ada syurga dan neraka.

Tidakkah Rasulullah yang menjanjikan syurga untuk para sahabat yang berjuang? Tidakkah al-Quran juga selalu menyebut syurga sehingga menimbulkan kerinduan kepada kita untuk memasukinya? Ini hanyalah hadis rekaan kaum sufi yang melampau.

## 7. Menjatuhkan Imej Tokoh-tokoh Umat

Ada hadis palsu yang direka oleh golongan yang taksub kepada sesuatu aliran atau tokoh untuk menjatuhkan tokoh dari aliran lain. Ini seperti hadis Syiah yang menghina para sahabat yang tidak disukai mereka. Begitu juga hadis palsu yang menghina tokoh-tokoh lain seperti as-Syafie.

Hadis palsu tersebut adalah seperti berikut:

يُكُونُ فِي أُمَّتِي رَجُلٌ يُقَالُ لَهُ مُحَمَّدُ بْنُ إِدْرِيسُ، أَصْرَ  
عَلَى أُمَّتِي مِنْ إِبْلِيسِ، وَيُكُونُ فِي أُمَّتِي رَجُلٌ يُقَالُ لَهُ أَبُو  
خَنِيفَةَ، هُوَ سَرَاجُ أُمَّتِي هُوَ سَرَاجُ أُمَّتِي

*"Akan ada dikalangan umatku seorang lelaki yang dipanggil Muhammad bin Idris. Dia memberi mudharat kepada umatku lebih daripada iblis. Akan ada pula seorang lelaki dikalangan umatku dipanggil Abu Hanifah. Dia adalah lampu yang menerangi umatku, dia adalah lampu umatku."*

Hadis ini direka oleh Makmun bin Ahmad al-Harawi yang hasad dengan perkembangan pengikut al-Syafi'i di Khurasan.

Al-Jarahi di dalam bukunya Kashf al-Khafa' menyatakan:

"Tiada suatu hadis sahih pun mengenai pujian atau ceraan terhadap Abu Hanifah dan as-Syafie. Semua yang disebut mengenai hal itu adalah palsu lagi dusta."

Hadis palsu seperti di atas direka oleh golongan ekstrimis mazhab. Ia menjatuhkan maruah umat Islam. Jika hadis seperti ini diterima, maka tokoh-tokoh umat seperti Abu Bakar, Umar, Uthman, Aisyah, Muawiyah, Amr bin al-'As dan lain-lain akan tercemar. Ini kerana golongan Syiah membenci mereka. Maka banyak hadis palsu yang direka untuk menjatuhkan kewibawaan mereka.

## 8) Memalingkan Manusia daripada Pelbagai Sunnah yang Sahih

Kesan wujudnya pelbagai hadis palsu ini adalah muncul sesetengah golongan yang menumpukan amalan yang dinyatakan dalam hadis palsu ini dan meninggalkan sunnah yang sebenar. Ini disebabkan hadis palsu menjanjikan kelebihan yang luar biasa.

Ianya seperti mengajar doa-doa palsu yang keronnya diambil daripada nabi tertentu di samping menjanjikan pelbagai kelebihan yang tidak terdapat dalam hadis sahih.

Sumbangan para tokoh sarjana hadis terhadap umat Islam amat banyak. Antaranya mereka sudah berusaha untuk menghimpunkan hadis palsu ini di dalam satu buku.

Hasil usaha mereka ini membuatkan para pengkaji hadis selepas daripada mereka lebih senang untuk membezakan antara hadis sahih dan palsu. Di antara karya-karya yang menghimpunkan hadis palsu ialah:

- 1) *Al-Maudhu'at* (الموضوعات) oleh al-Imam al-Hafidz Abi al-Farj Abd al-Rahman ibn al-Jauzi (meninggal 597).
- 2) *Al-Aali' al-Masnu'ah fi al-Ahadith al-Maudhu 'ah* (الأليء المصنوعة في الأحاديث الموضوعة) oleh al-Hafidz Jalal al-Din al-Suyuti (meninggal 911).
- 3) *Tanzih al-Syariah al-Marfu 'ah 'an al-Ahadith al-Syani'ah al-Maudhu'at* (تنزيه الشريعة المرفوعة عن الأحاديث الشنية الموضوعة) oleh al-Hafidz Abi al-Hasan 'Ali bin Muhammad bin Arraq (meninggal 963H).
- 4) *Al-Manar al-Munif fi al-Sahih wa al-Dha'if* (المنار) (المنيف في الصحيح و الضعيف) oleh al-Hafidz Ibn Qayyim al-Jauziyah (meninggal 751H).
- 5) *Al-Masnu'fi al-Hadith al-Maudhu'* (المصنوع في الحديث الموضوع) oleh al-Hafidz 'Ali al-Qari (meninggal 1014H).

## Bahagian

2

## 40 Hadis Palsu

### Hadis 1

#### Menuntut Ilmu Sehingga ke China

اطْلُبُوا الْعِلْمَ وَلَا بِالصِّينِ

"Tuntutlah ilmu walau ke negara China."

#### Ulasan Sarjana

Hadis ini dimasukkan dalam senarai hadis palsu oleh kebanyakan tokoh sarjana hadis dalam buku-buku karangan mereka; antaranya ialah:

- Al-Jarrahi dalam kitab *Kashf al-Khafa'*.
- Al-Albani dalam kitab *Silsilah Ahadith al-Dha'ifah wa al-Maudhu'ah*.
- Ibn Arraq al-Kannani dalam kitab *Tanzih al-Syari'ah*.
- Ali al-Qari dalam kitab *al-Maudhu'a at al-Kabir*.
- Al-'Ajluni dalam kitab *Kashf al-Khafa'*.

Mereka semua menukilkhan kata-kata tokoh sarjana Islam, Ibn Taimiyah yang menyatakan bahawa hadis ini adalah palsu.

Hadis ini dihukum sebagai hadis palsu kerana kecacatan yang terdapat pada sanadnya. Dalam sanad hadis ini ada seorang pelapor yang bernama Abu Atikah Tharif bin Sulaiman. beliau adalah seorang yang lemah dan tergolong sebagai salah seorang yang memalsukan hadis.

#### Sekilas Pandang

Hadis palsu ini sering disebut dengan tujuan menggalakkan orang ramai supaya bersungguh-sungguh di dalam menuntut ilmu. Malang sekali, ia adalah palsu. Terdapat juga sebahagian orang yang menggunakan hadis ini dan berhujah bahawa Rasulullah menggalakkan kita supaya menuntut ilmu sehingga ke negara China. Ini adalah kefahaman yang tidak tepat (sekiranya hadis ini sahih).

Kerana itu, Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz (atau dikenali Syeikh Ibn Baz) dalam kitab *al-Tuhfat al-Karimah fi Bayan Ba'dhi Ahadith Maudhu'ah wa Sagimah* menyebut:

"Seandainya hadis ini sahih, maka ia tidak menunjukkan keutamaan negara China dan juga penduduknya. Maksud hadis ini sekiranya ia sahih adalah galakan untuk menuntut ilmu biarpun perlu menempuh perjalanan yang sangat jauh. Ini kerana menuntut ilmu

adalah perkara yang sangat penting. Ilmu merupakan faktor yang membawa kebaikan di dunia dan akhirat bagi orang yang mengamalkannya. Justeru, maksud hadis ini bukanlah negara China itu sendiri, tetapi kerana China adalah sebuah negara yang terletak jauh dari tanah Arab, maka Rasulullah menyebutnya sebagai satu perumpamaan. Hal ini sangat jelas bagi mereka yang mahu memerhati dan memahami hadis ini."

Namun, sekiranya kita memahami hadis ini seperti yang dihuraikan oleh Ibn Baz, kita tetap tidak boleh menggunakan hadis ini sebagai hujah. Hadis ini tetap dihukum hadis palsu, dan tidak ada pula sumber lain yang menyebut tentang perkara yang sama. Kita tidak menafikan bahawa Islam sangat menggalakkan umatnya untuk menuntut ilmu.

Ia merupakan tuntutan kepada setiap Muslim. Hal ini sangat ditegaskan oleh Nabi Muhammad:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

"Menuntut ilmu itu wajib ke atas setiap Muslim."

(Hadis Sahih, direkodkan oleh Ibn Majah)

Bahkan, Islam meletakkan orang yang menuntut ilmu ini pada kedudukan yang mulia seperti yang dinyatakan dalam ayat berikut:

يَرَفَعَ اللَّهُ أَلَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أَوْتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ  
يُعْلَمُ مَا تَعْمَلُونَ خَيْرٌ

۱۱

"Allah meninggikan darjat orang yang beriman di antara kamu, dan orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha mendalam pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan."

(Surah al-Mujadalah, ayat 11)

Nabi Muhammad juga menggalakkan umatnya supaya bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu dengan tawaran beberapa kelebihan yang khusus. Antaranya:

وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَأْتِمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا  
إِلَى الْجَنَّةِ

"Sesiapa yang melalui satu jalan bagi mencari ilmu, Allah akan memudahkan baginya jalan ke syurga."

(Hadis sahih, direkodkan oleh Muslim)

Terdapat banyak lagi hujah lain yang sahih berkaitan galakan dan kelebihan menuntut ilmu. Semua hujah tersebut ini sudah cukup bagi kita untuk menggalakkan umat Islam supaya menuntut ilmu. Kenapa masih perlu lagi kepada hadis palsu?

## Hadis 2

### Menuntut Ilmu Daripada Buaian

اطْلُبُوا الْعِلْمَ مِنَ الْمَهْدِ إِلَى اللَّحْدِ

"Tuntutlah ilmu dari buaian hingga ke liang lahad."

### Ulasan Sarjana

Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz berkata:

"Tidak ada asal usul bagi hadis ini dan ia adalah palsu."

Kata-kata beliau ini dinukilkkan oleh Syeikh Said bin Soleh dalam bukunya *Ahadith Mardudah*.

### Sekilas Pandang

Hadis ini juga sering didengari apabila tajuk menuntut ilmu dibincangkan. Hadis palsu ini akan dibaca dan disandarkan kepada Nabi Muhammad untuk menunjukkan beliau menggalakkan kita belajar daripada kecil sehingga dewasa.

Maksud hadis ini benar, tetapi ia tetap tidak boleh disandarkan kepada Nabi Muhammad. Ini kerana tidak ada sumber sahih yang menyatakan bahawa beliau pernah menyebut perkara ini dengan lafaz di atas. Jadi, kita tidak boleh menyebarkannya dengan menyatakan bahawa ia adalah hadis.

Hakikatnya, Islam memang menggalakkan umatnya untuk menuntut ilmu tanpa mengira batas usia dan masa. Dalam kitab *Adab Syar'iyyah* karangan Ibn Muflih, diceritakan bahawa Ahmad bin Hanbal pernah ditanya:

"Sampai bilakah seseorang itu perlu menuntut ilmu?"

Beliau menjawab: "Sampai meninggal dunia."

Lalu Ahmad berkata: "Kami pun masih menuntut ilmu sampai ke saat ini."

Jika kita ingin menggalakkan orang ramai supaya menuntut ilmu, maka dalil-dalil lain yang sahih masih banyak dan sesuai digunakan.

Justeru, kita tidak lagi berhajat kepada hadis yang lemah atau palsu kerana apa yang disebutkan dalam dalil-dalil yang sahih sudah pun memadai. Berikut adalah beberapa contoh nas-nas yang berkaitan dengan menuntut ilmu:

وَقُلْ رَبِّ زَدْ فِي عِلْمًا

Dan berdoalah dengan berkata: "Wahai Tuanku, tambahilah ilmuku."

(Surah Ta'

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَذَكَّرُ أُولُوا  
الْأَلْبَيْهِ

١

Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang yang berakal sempurna.

(Surah az-Zumar, ayat 9)

Nabi Muhammad juga pernah menyebut:

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ: صَدَقَةٌ جَارِيَةٌ  
أَوْ عِلْمٌ يُتَفَقَّعُ بِهِ أَوْ وَلَدٌ صَالِحٌ يَذْعُو لَهُ

"Apabila mati seorang anak Adam, maka terputuslah segala amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah (sedekah yang pahalanya sentiasa mengalir), ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakan baginya."

(Hadis sahih, direkodkan oleh Muslim)

Ketiga-tiga dalil ini menunjukkan kepentingan ilmu dan kemuliaan penuntutnya. Pada hakikatnya, apa yang disebutkan dalam al-Quran dan hadis yang sahih tentang menuntut ilmu ini sudah mencukupi.

### Hadis 3

#### Nabi Kota Ilmu dan Ali Pintunya

أَنَا مَدِينَةُ الْعِلْمِ وَعَلَيَّ بَابُهَا

"Aku adalah kota ilmu, dan Ali itu adalah pintunya."

Dalam hadis yang lain ditambah dengan lafadz:

فَمَنْ أَتَى الْعِلْمَ فَلْيَأْتِ الْبَابَ

"Maka sesiapa yang hendakkan ilmu, maka mestilah melalui pintunya (Ali)."

#### Ulasan Sarjana

- Ibn Taimiyah berkata: Ini adalah hadis daif, bahkan maudu' di sisi para sarjana hadis.
- Al-Hakim menyebut hadis ini dalam bukunya *al-Mustadrak* daripada hadis Abdullah bin Abbas dan Jabir bin Abdullah, dan semua sanadnya adalah daif. Az-Zahabimemberi komen terhadap hadis ini dengan, katanya:

"Bahkan ianya adalah *maudu'*".

- Ibn Tahir al-Maqdisi menyebut hadis ini dalam bukunya *Tazkirat al-Maudhu'at* dan dia berkata: "Dalam rangkaian sanadnya terdapat Abu al-Sallat al-Harawi dan namanya ialah Abd al-Salam, juga terdapat pelapor bernama Uthman bin Khalid dan Ismail bin Muhammad bin Yusuf, dan kesemua mereka ini adalah pendusta."
- Tirmizi berkata, "Ini adalah hadis mungkar."
- Bukhari juga berkata, "Tidak ada bagi hadis ini ciri-ciri sahih."
- Ibn Mai'n berkata, "Sesungguhnya ia adalah dusta, tidak ada asal usulnya."

Semua Ulasan para sarjana hadis ini disebutkan oleh Ibn Taimiyah dalam buku *al-Ahadith al-Maudhu'ah*.

### **Sekilas Pandang**

Hadis palsu ini kadang-kadang digunakan oleh golongan Syiah untuk menyatakan kedudukan mulia Ali bin Abi Talib di sisi Rasulullah. Golongan Syiah juga beranggapan bahawa dengan kedudukan Ali ini, sepatutnya beliaulah yang menggantikan Rasulullah selepas beliau wafat.

Maka, mereka menuduh Abu Bakar merampas jawatan khalifah ini daripada Ali. Begitu juga dengan Umar al-Khattab dan Uthman bin Affan. Maka, bagi Syiah, pemerintahan ketiga-tiga khalifah ini adalah tidak sah.

Bagi kita, Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah, Syiah adalah satu kelompok muslim yang tersimpang daripada landasan Islam yang sebenar. Tiada ruang untuk kita memaafkan mereka selagi mana mereka masih percaya dan mempertahankan pegangan songsang mereka.

Apa lagi yang kita hendak harapkan daripada golongan yang sanggup menuduh Aisyah, isteri Rasulullah melakukan zina? Apa lagi yang kita hendak harapkan daripada golongan yang mengatakan bahawa para sahabat Rasulullah kafir, kecuali beberapa orang sahaja? Apa lagi yang hendak dikatakan kepada golongan yang mempercayai imam-imam mereka mengetahui perkara ghaib?

Kesesatan Syiah dan percanggahan akidah mereka dengan Ahli al-Sunnah sudah banyak dibongkarkan. Bagi mereka yang inginkan penjelasan lanjut, boleh merujuk kepada buku-buku yang menghuraikan tentang perkara ini secara khusus.

Bagi kita, Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah, semua sahabat Rasulullah mempunyai kedudukan yang tinggi dan mulia di sisi Allah. Lihat saja pujian yang Allah berikan khusus untuk golongan sahabat, antaranya dalam ayat berikut:

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعْهُ أَشَدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رَحْمَةٌ بَيْنَهُمْ  
تَرَهُمْ رُكْعًا سُجَّدًا يَبْغُونَ فَضْلًا مِنْ اللَّهِ وَرَضِيَتْنَا سِيمَاهُمْ  
فِي وُجُوهِهِمْ مِنْ أَثْرِ السُّجُودِ ذَلِكَ مَثَلُهُمْ فِي التَّوْرِيدِ وَمَثَلُهُمْ

فِي الْأَنْجِيلِ كَرَزَعَ أَخْرَجَ سُطْهَهُ، فَنَازَرَهُ، فَأَسْتَغْلَظَ فَأَسْتَوَى  
عَلَى سُوقِهِ، يَعْجِبُ الْزَّرَاعَ لِغَيْظِهِ بِهِمْ الْكُفَّارُ وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ  
عَاهَدُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ مِنْهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ﴿٢٩﴾

Nabi Muhammad itu ialah Rasulullah dan orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang kafir (yang memusuhi Islam) dan sebaliknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan sesama sendiri (umat Islam). Engkau melihat mereka tetap beribadat rukuk dan sujud, dengan mengharapkan limpah kurnia (pahala) daripada Tuhan mereka serta mengharapkan keredaan-Nya. Tanda yang menunjukkan mereka (sebagai orang yang salih) terdapat pada muka mereka kesan daripada sujud (dan ibadat mereka yang ikhlas). Demikian sifat mereka yang tersebut dalam Kitab Taurat, dan sifat mereka dalam Kitab Injil pula ialah (bahawa mereka diibaratkan) sebagai pokok tanaman yang mengeluarkan anak tunasnya, lalu anak dan tunasnya itu menyuburkannya, sehingga ia menjadi kuat, lalu ia tegap berdiri di atas (pangkal) batangnya dengan keadaan yang mengagumkan orang yang menanamnya. (Allah menjadikan sahabat-sahabat Nabi Muhammad s.a.w dan pengikut-pengikutnya berkembang biak serta kuat dan gagah sedemikian itu) kerana Dia hendak menjadikan orang kafir merana dengan perasaan marah dan hasad dengki dengan berkembangnya umat Islam itu. (Dan selain itu) Allah menjanjikan orang yang beriman dan beramal salih dari mereka, keampunan dan pahala yang besar."

(Surah al-Fath, ayat 29)

Begitu juga dengan kata Rasulullah seperti berikut:

لَا تَشْبُوا أَحَدًا مِنْ أَصْحَابِي فَإِنَّ أَحَدَكُمْ لَوْ أَنْفَقَ مِثْلَ أُحَدٍ  
ذَهَبَا مَا أَذْرَكَ مُدَّ أَحَدِهِمْ وَلَا نَصِيفَهُ

"Jangan kamu mencerca seorang pun dari sahabatku. Sesungguhnya jika salah seorang dari kamu semua bersedekah emas sebesar gunung Uhud sekalipun, tidak akan menyamai walau secupak ataupun sebahagian daripadanya."

(Direkodkan oleh Bukhari dan Muslim)

Jika dilihat dari sudut teks (matan) hadis palsu ini, terdapat juga kecacatan dari segi maknanya. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Ibn Taimiyah dalam karyanya *Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyah fi Naqdi Kalam al-Syiah al-Qadariyah*:

"Kepalsuan hadis ini juga boleh dilihat dari sudut matannya sendiri. Sekiranya Rasulullah kota ilmu dan pintunya hanya satu (iaitu Ali) dan tidak boleh mendapat ilmu melainkan hanya melalui pintu ini sahaja, nescaya Islam ini akan terbantut."

Hakikatnya, ilmu Rasulullah ini sama ada dari al-Quran mahu pun sunnah sudah tersebar ke seluruh dunia. Sedangkan yang diajar oleh Ali bin Abi Talib sangat sedikit sekali. Kebanyakkan tabiin mempelajari Islam pada zaman Umar dan Uthman. Selain itu, yang diajarkan oleh Muadz bin Jabal kepada penduduk Yaman lebih banyak daripada yang diajarkan oleh Ali."

#### Hadis 4

#### Doa Ketika Membasuh Anggota Wuduk

عن أنس: دخلت على رسول الله - صلى الله عليه وسلم - وبين يديه إماء من ماء، فقال لي: يا أنس أدن مني أعلمك مقادير الوضوء. فدنوت من رسول الله، فلما غسل يديه قال: بسم الله والحمد لله ولا حول ولا قوة إلا بالله، فلما استتجى قال: اللهم حصن فرجي ويسري أمري، فلما تمضمض واستنشق قال: اللهم لقني حاجتي ولا تحرمني رائحة الجنة، فلما أن غسل وجهه، قال: اللهم بيض وجهي يوم تبيض الوجه، فلما أن غسل ذراعيه قال: اللهم أعطني كتابي بيمني، فلما أن مسح يده على رأسه قال: اللهم تعشنا برحمتك وجنينا عذابك، فلما أن غسل قدميه فقال: اللهم ثبت قدمي يوم تزل الأقدام، ثم قال النبي - صلى الله عليه وسلم - والذي بعثني بالحق، يا أنس، ما من عبد قالها عند وضوئه لم يقطر من خلل أصابعه قطرة إلا خلق الله تعالى ملكا يسبح الله تعالى بسبعين لسانا يكون ثواب ذلك التسبيح له إلى يوم القيمة.

Daripada Anas katanya: "Aku masuk berjumpa Rasulullah dan di tangan beliau ada satu bekas yang berisi air. Rasulullah berkata kepadaku: "Wahai Anas!, datanglah dekat kepadaku. Aku akan mengajar kamu tentang wuduk". Lalu aku pun menghampiri Rasulullah. Maka ketika beliau membasuh kedua-dua pergelangan tangannya, beliau berkata: "Dengan nama Allah dan segala puji bagi Allah, tiada daya upaya dan kekuatan melainkan dengan Allah". Ketika beristinja', beliau berkata: "Ya Allah, peliharalah kemaluanku dan permudahkanlah urusanku". Ketika berkumur-kumur dan memasukkan air ke hidung, beliau berkata: "Ya Allah ajarkanlah aku menyebut hujahku dan janganlah Engkau haramkan diriku daripada haruman bau syurga". Ketika membasuh mukanya, beliau berkata: "Ya Allah, putihkanlah wajahku pada hari diputihkan wajah-wajah yang lain (pada hari Kiamat)". Ketika membasuh kedua-dua tangan hingga ke sikunya, beliau berkata: "Ya Allah, berikanlah kitab amalanku di tangan kananku". Ketika beliau menyapu tangan di atas kepalanya, beliau berkata: "Ya Allah, hidupkanlah kami dengan rahmat-Mu dan jauhkanlah kami azabMu". Ketika membasuh kedua-dua kakinya, beliau berkata: "Ya Allah, tetapkanlah tapak kakiku pada hari bergoncangnya tapak-tapak kaki yang lain (pada hari Kiamat)". Kemudian Rasulullah berkata: "Demi (Tuhan) yang mengutuskan aku dengan benar!. Wahai Anas, tidaklah mana-mana hamba pun yang membacanya (doa-doaa tersebut) ketika mengambil wuduk, tidak menitik daripada jari-jarinya setik air pun, kecuali Allah akan menciptakan malaikat yang akan bertasbih kepada Allah dengan tujuh puluh lidah. Ganjaran pahala tasbih tersebut adalah untuknya sehingga lah hari Kiamat."

## Ulasan Sarjana

- Dalam sanad hadis ini ada pelapor yang bernama: 'Ubbad bin Suhaib. Menurut Ibn Hibban, hadis yang disampaikan oleh 'Ubbad bin Suhaib adalah dusta dan palsu. Ibn Hibban berkata:

"Beliau melaporkan hadis mungkar yang dapat dipastikan yang ianya adalah palsu."

Pendapat Ibn Hibban ini boleh didapati dalam buku *Tanzih al-Syariah* oleh Ibn Arraq al-Kannani dan buku *al-'Ilal al-Mutanahiyah fi Ahadith al-Wahiyah* oleh Ibn al-Jauzi.

- Ibn al-Jauzi dalam bukunya *al-'Ilal al-Mutanahiyah* menyatakan hadis ini tidak sahih daripada Rasulullah.
- Nawawi juga menyatakan tentang kebatilan hadis ini. Dalam kitab *al-Minhaj Syarah Sahih Muslim*, beliau menyebut:

"Aku sudah membuang doa membasuh anggota-anggota wuduk kerana tidak ada asal sumbernya."

Kata-kata Nawawi ini juga disebutkan oleh Ibn Arraq al-Kannani dalam bukunya *Tanzih al-Syariah*.

- Ibn Qayyim al-Jauziyah dalam bukunya *Zad al-Ma'ad* berkata:

"Tidak dinukilkan daripada Nabi Muhammad bahawa beliau berdoa dalam wuduknya dengan suatu doa pun selain basmalah (membaca bismillah). Setiap hadis tentang zikir-zikir semasa wuduk yang disebutkan, di dalamnya adalah dusta dan tidak pernah diajarkan oleh Rasulullah. Tidak sahih dari beliau melainkan bacaan tasmiyah (bismillah) pada awalnya dan doa selepas wuduk."

## Sekilas Pandang

Wuduk adalah ibadah dan ibadah merupakan perkara tauqifiyah; iaitu mesti dibuat berdasarkan dalil-dalil yang sahih. Walau pun doa-doа yang disebutkan dalam hadis ini adalah doa-doа yang baik, tetapi ia tidak dibaca oleh Rasulullah. Malah selepas dikaji, para sarjana hadis dapat mengenal pasti yang ianya hanya rekaan yang disandarkan kepada Rasulullah.

Jika difikirkan, sepanjang hayat Nabi Muhammad, bukan sekali dua sahaja beliau mengambil wuduk tetapi setiap hari. Namun, beliau tidak pernah mengajar para sahabat dengan doa-doа ini, malah tidak ada juga para sahabat yang menyebut tentang perkara ini dalam hadis yang sahih. Sekiranya Rasulullah membacanya, sudah tentu amalan tersebut akan dilaporkan oleh para sahabat, seperti mana para sahabat menyebut amalan-amalan Rasulullah yang lain.

Mari kita perhatikan satu hadis yang menjadi rujukan asas dalam menjelaskan cara-cara Rasulullah berwuduk. Hadis ini direkodkan oleh Bukhari dan Muslim dan disampaikan oleh Humran. Humran menceritakan bagaimana Uthman menunjukkan kepada beliau cara wuduk Rasulullah.

Humran menceritakan bahawa Uthman meminta supaya dibawakan air kepadanya untuk mengambil wuduk. Lalu Uthman membasuh kedua-dua pergelangan tangannya sebanyak tiga kali. Kemudian berkum-kumur, memasukkan air ke hidung (istinsyaq) dan mengeluarkannya semula (istinhar). Selepas itu, dia membasuh mukanya sebanyak tiga kali, kemudian membasuh tangan kanannya hingga ke siku sebanyak tiga kali, kemudian sebelah kiri juga sama seperti itu. Kemudian, dia menyapu kepalanya dan selepas itu membasuh kaki kanannya hingga ke buku lali sebanyak tiga kali, kemudian sebelah kiri juga seperti itu. Kemudian Uthman berkata:

"Aku melihat Rasulullah berwuduk seperti mana cara aku berwuduk ini."

Melalui hadis ini, kita dapat Uthman menunjukkan bagaimana cara wuduk yang dilakukan oleh Rasulullah seperti mana yang beliau lihat. Uthman tidak pula menyatakan bahawa Rasulullah membaca doa-doa tertentu ketika membasuh anggota-anggota wuduk.

Jika Rasulullah membaca apa-apa doa, sudah pasti Uthman tidak akan menyembunyikannya. Akan disampaikan doa tersebut kepada orang lain. Tetapi, hal ini tidak berlaku.

Berdasarkan hadis yang sahih, Rasulullah hanya membaca doa selepas beliau selesai mengambil wuduk. Doa tersebut ialah,

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

*"Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Maha Esa, Yang tiada sekutu bagi-Nya, dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu hamba-Nya dan pesuruh-Nya."*

Doa ini diambil berdasarkan hadis yang direkodkan oleh Muslim dan Tirmizi.

Satu lagi doa adalah;

اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنِ التَّوَابِينَ وَاجْعَلْنِي مِنِ الْمُتَطَهِّرِينَ

*"Ya Allah, jadikanlah aku daripada golongan orang yang bertaubat dan jadikanlah aku daripada golongan orang yang membersihkan diri."*

Doa ini berdasarkan hadis sahih yang direkodkan oleh Tirmizi.

## Hadis 5

### Solat yang Tidak Mencegah Kemungkaran

مَنْ لَمْ تَنْهِهُ صَلَاةُهُ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ لَمْ يَزُدَّ مِنَ اللَّهِ  
إِلَّا بُعْدًا

"Sesiapa yang solatnya tidak dapat mencegahnya daripada melakukan kejahanan dan kemungkaran, maka sebenarnya tidak bertambah hubungannya dengan Allah kecuali semakin jauh."

### Ulasan Sarjana

- Hadis ini direkodkan oleh Tabarani dalam buku *Mu'jam al-Kabir* dan oleh al-Qudhai' dalam kitab *Musnad al-Syihab*. Dalam sanad hadis ini, terdapat seorang pelapor bernama Laith bin Abi Salim. Dia adalah seorang yang lemah di sisi para sarjana hadis. Menurut Ibn Hajar, dia adalah seorang yang pelupa dan nyanyuk semasa akhir hayatnya. Sebab itulah hadisnya tidak diterima.
- Al-Hafiz al-'Iraqi ketika menyemak semula hadis yang terdapat dalam kitab *Ihya' Ulumuddin* memberi ulasannya terhadap hadis ini, katanya:

"Sanad hadis ini adalah lemah."

- Al-Albani dalam *Silsilah Ahadith al-Da'ifah* berkata:

"Hadis ini batil, dan ia adalah popular dikalangan ramai orang, tetapi tidak sahih sama ada dari sudut sanad maupun matannya."

Sebenarnya ia adalah daripada perkataan Ibn Mas'ud, tetapi dengan lafaz yang lain iaitu:

مَنْ لَمْ تَأْمُرْهُ صَلَاةً بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهِيْهُ عَنِ الْفَحْشَاءِ لَمْ  
يَزُدَّ مِنَ اللَّهِ إِلَّا بُعْدًا

"Sesiapa yang solatnya masih tidak dapat menyerunya ke arah kebaikan dan mencegahnya daripada melakukan kejahanan, maka sebenarnya tidak bertambah hubungan dengan Allah kecuali lebih jauh."

Perkara ini dinyatakan oleh Syeikh Said bin Soleh dalam bukunya *Ahadith Mardudah*.

### Sekilas Pandang

Solat yang sempurna memang dapat mencegah seseorang itu daripada melakukan perkara yang jahat dan mungkar. Hal ini berdasarkan pernyataan Allah:

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ



*"Sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya) dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan."*

(Surah al-Ankabut, ayat 45)

Tetapi, kenapa masih ada orang solat, dia masih tetap terus melakukan maksiat dan kemungkaran? Mana mungkin ayat al-Quran yang menyatakan solat dapat mencengah kemungkaran itu salah dan tidak tepat.

Setiap yang terkandung di dalam al-Quran adalah wahyu Allah dan ia adalah suatu yang benar. Maka, sesiapa yang menunaikan solat dengan sempurna, sudah pasti solat itu dapat mencegah si pelakunya daripada melakukan kemungkaran.

Bagaimana yang dikatakan solat yang sempurna? Solat yang sempurna ialah solat yang ditunaikan bertepatan dengan sunnah Rasulullah serta fokus dan penuh penghayatan. Ada orang yang menunaikan solat tetapi dia tidak tahu apa yang diucapkannya.

Solat yang ditunaikan sekadar ikut-ikutan sahaja dan seolah-olah sebagai aktiviti harian yang tidak ada langsung erti penghambaan. Jadi, solat sebegini memang tidak dapat memberi sebarang kesan.

Oleh itu, setiap Muslim perlu mempelajari dan mengamalkan tatacara solat sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi Muhammad.

Kata Nabi Muhammad:

صَلُّوْا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أَصَلِّي

*"Solatlah kamu sama seperti mana kamu melihat aku solat."*

(Direkodkan oleh Bukhari)

## Hadis 6

### Solat Dengan Berserban

إِنَّ الصَّلَاةَ بِعِمَامَةٍ تَعْدُلُ خَمْسًا وَعِشْرِينَ صَلَوةً بِغَيْرِ عِمَامَةٍ

"Sesungguhnya solat dengan berserban menyamai dua puluh lima solat tanpa memakai serban."

### Ulasan Sarjana

- Ibn Hajar al-'Asqalani dalam kitab *Lisan al-Mizan* berkata:

"Ini adalah hadis mungkar, bahkan ianya maudu' dan dalam sanadnya terdapat pelapor yang aku tidak mengenalinya..."

Terdapat hadis palsu lain yang menyebut kelebihan solat dengan memakai serban:

الصَّلَاةُ فِي الْعِمَامَةِ بِعِشْرَةِ آلَافِ حَسَنَةٍ

"Solat dengan berserban mendapat sepuluh ribu kebaikan."

- Ibn Arraq al-Kannani dalam bukunya *Tanzih al-Syari'ah* menyebut bahawa dalam sanad hadis ini terdapat pelapor bernama Abban bin Abi 'Iyash dan dia terkenal sebagai seorang pendusta.

- Al-Sakhawi dalam buku *al-Maqasid al-Hasanah* menukilkan pendapat gurunya al-Hafiz Ibn Hajar yang menyatakan bahawa hadis ini adalah *maudu'*.

### Sekilas Pandang

Tidak terdapat hadis sahih daripada Rasulullah yang menggalakkan kita supaya memakai serban sama ada ketika sembahyang ataupun di luar sembahyang. Serban juga bukanlah satu sunnah yang dituntut untuk kita memakainya. Ia adalah pakaian adat yang kebiasaannya dipakai oleh orang Arab.

Nabi Muhammad adalah orang Arab, jadi sudah menjadi kebiasaannya memakai serban seperti orang Arab yang lain. Maka, adakah pakaian adat orang Arab ini merupakan satu sunnah yang digalakkan untuk kita memakainya? Ia hanyalah pakaian kebiasaan orang Arab. Begitu juga dengan jubah yang juga merupakan pakaian kebiasaan orang Arab.

Namun begitu, sesiapa yang ingin memakai serban ataupun jubah disebabkan kecintaannya kepada Rasulullah, maka ia diberi pahala. Ganjaran pahala ini bukan disebabkan memakai serban atau jubah ini suatu sunnah, tetapi ia diberikan di atas dasar kecintaannya kepada Rasulullah.

Jadi disebabkan kecintaannya kepada Rasulullah begitu tinggi, dia ingin mencontohi beliau sehingga dalam urusan memilih jenis pakaian. Perbuatannya memakai serban atau jubah yang merupakan natijah daripada cintanya kepada Nabi Muhammad akan diberi pahala disebabkan perasaan cintanya, bukan kerana serban atau jubah itu suatu sunnah.

Dari sudut yang lain dalam konteks masyarakat Melayu, serban dan jubah ini merupakan salah satu pakaian yang melambangkan peribadi orang tersebut. Biasanya serban dan jubah ini akan dipakai oleh golongan agamawan, imam, ustaz, orang yang selalu ke masjid dan sebagainya.

Jadi dalam konteks masyarakat Melayu, serban dan jubah ini merupakan pakaian yang menjadi lambang kepada golongan agamawan sekaligus menjadi salah satu syiar agama Islam itu sendiri. Memakai serban dan jubah tanpa dikaitkan dengan apa-apa kelebihan tertentu adalah diharuskan.

## Hadis 7

### Solat Sunat Malam Raya

مَا مِنْ عَبْدٍ يُصَلِّي لَيْلَةَ الْعِيدِ سَتَ رَكَعَاتٍ إِلَّا شَفِعَ فِيهِ أَهْلُ  
بَيْتِهِ كُلُّهُمْ قَدْ وَجَبَ لَهُمُ النَّارَ

*"Tidaklah mana-mana hamba yang solat enam rakaat pada malam raya kecuali diberikan syafaat kepada ahli rumahnya, yang semuanya sudah dijanjikan neraka."*

### Ulasan Sarjana

- Ibn Arraq di dalam *Tanzih al-Syari'ah* menyebut bahawa dalam sanad hadis ini terdapat pelapor bernama Ismail bin al-Fadl dan dia adalah seorang pendusta. Pendapat ini adalah seperti yang dikatakan oleh as-Suyuti.

Terdapat satu hadis palsu lain yang menyebut tentang kelebihan menghidupkan malam hari raya:

مَنْ أَخْيَا لَيْلَةَ الْفِطْرِ وَلَيْلَةَ الْأَضْحَى لَمْ يَمُتْ قَلْبُهُ يَوْمَ  
تَمُوتُ الْقُلُوبُ

*"Sesiapa yang menghidupkan malam Aidil Fitri dan Aidil Adha, maka hatinya tidak mati pada hari semua hati yang lain mati."*

- Al-Haithami dalam *Majma' al-Zawa'id* berkata bahawa hadis ini disebutkan oleh Tabarani dalam *Mu'jam al-Kabir* dan *Mu'jam al-Awsat* daripada 'Ubadah bin Samit. Dalam sanadnya terdapat pelapor bernama Umar bin Harun al-Balkhi. Walaupun Ibn Mahdi dan yang lain memuji Umar bin Harun ini, tetapi kebanyakan sarjana menyatakan dia seorang yang lemah.
- Menurut Ibn Mai'n, Umar bin Harun ini adalah seorang pendusta.
- Ibn al-Qayyim dalam bukunya *Zad al-Ma'ad* ketika menceritakan tentang perihal Rasulullah pada malam hari raya Aidiladha berkata:

"Kemudian beliau tidur dan tidak menghidupkan malam itu. Tidak ada satu pun hadis saih yang berkaitan solat (sunat yang khusus) pada malam hari raya."

### Sekilas Pandang

Hari raya juga adalah ibadah, jadi ia juga mesti disambut mengikut sunnah. Sebarang ibadah yang tidak ada asal usulnya dalam Islam sebenarnya mencemarkan kesucian hari raya itu sendiri.

Apa yang diseru oleh al-Quran dan sunnah dalam menyambut hari raya ini ialah menyemarakannya dengan laungan takbir.

Takbir merupakan satu lambang kemenangan dan kegembiraan selepas kita berjaya melepas tarbiah Ilahi khusus pada bulan Ramadan. Ia juga merupakan salah satu syiar Islam yang perlu dihidupkan.

Allah menyatakan dalam ayat berikut:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى  
لِلنَّاسِ وَبَيِّنَتِ مِنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمْ  
الشَّهْرَ فَلِصَنْعِهِ وَمَنْ كَانَ مِرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعَدَّهُ  
مِنْ أَيَّامِ أُخْرَىٰ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ  
الْعُسْرَ وَلَتُكَمِّلُوا الْعِدَةَ وَلَتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا  
هَدَنَكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

180

(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah dia berpuasa bulan itu; dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir maka (bolehlah dia berbuka, kemudian wajiblah dia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. (dengan ketetapan yang demikian itu) Allah mengkehendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak mengkehendaki kamu menanggung kesukaran, dan

juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarakan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur.

(Surah al-Baqarah, ayat 185)

Ayat ini menceritakan tentang kewajipan berpuasa pada bulan Ramadan. Pada akhir ayat ini, Allah memerintahkan kita supaya menyempurnakan bilangan hari berpuasa kemudian memuji dan membesarakan Allah atas hidayah yang diberikan.

Sebab itulah, Ibn Abi Syaibah dalam kitab al-Musannaf menceritakan bahawa Rasulullah keluar pada hari raya Aidil Fitri (ke tempat solat), lalu beliau melaungkan takbir hingga sampai di tempat solat dan sehingga ditunaikan solat. Apabila solat sudah ditunaikan, maka dihentikan takbir. Hadis ini dinilai sahih oleh al-Albani dalam bukunya *Silsilah Ahadith al-Sahihah*.

Ibn Umar juga pada hari Aidil Fitri dan Aidil Adha melaungkan takbir dengan kuat sehinggalah dia sampai ke tempat solat, kemudian bertakbir lagi sehinggalah tiba imam. Kisah ini diceritakan oleh Daruqutni dan Ibn Abi Syaibah dengan sanad yang sahih.

Larangannya adalah mengadakan solat sunat khusus pada malam hari raya. Tetapi bagi sesiapa yang memang sering mendirikan solat sunat pada malam-malam yang lain, tidak menjadi larangan untuknya meneruskan amalan tersebut pada malam hari raya ini.

## Hadis 8

### Solat *Ragha'ib* Bulan Rejab

رَجَبُ شَهْرُ اللَّهِ وَشَعْبَانُ شَهْرِيْنِ وَرَمَضَانُ شَهْرُ أُمَّتِيْنِ...  
وَمَا مِنْ أَحَدٍ يَصُومُ يَوْمَ الْخَمِيسِ أَوْلَى حَمِيسٍ فِي  
رَجَبٍ ثُمَّ يُصَلِّي فِيمَا بَيْنَ الْمَغْرِبِ وَالْعَתَمَةِ، يَعْنِي لَيْلَةَ  
الْجُمُعَةِ، ثَتِي عَشْرَةِ رَكْعَةٍ، يَقْرَأُ فِي كُلِّ رَكْعَةٍ فَاتِحةَ  
الْكِتَابِ مَرَّةً، وَإِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ثَلَاثَ مَرَاتٍ،  
وَقُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ اثْنَتِي عَشْرَةَ مَرَةً، يُفْصَلُ بَيْنَ كُلِّ رَكْعَةٍ  
بِتَسْلِيمَةٍ... إِلَخ

(Teks hadis palsu ini agak panjang. Berikut ialah terjemahannya yang lengkap)

"Rejab bulan Allah, Syaaban bulanku dan Ramadan bulan umatku. Tidak ada seorangpun yang berpuasa pada hari Khamis yang pertama dalam bulan Rejab seterusnya melakukan solat di antara waktu Maghrib dan Isyak iaitu dilakukan pada malam Jumaat sebanyak dua belas rakaat dengan surah al-Fatihah dibaca sekali pada setiap rakaat, surah al-Qadr tiga kali dan surah al-Ikhlas sebanyak dua belas kali serta diselangi setiap dua rakaat dengan salam. Apabila selesai, dia berselawat ke atasku sebanyak 70 kali. Kemudian membaca: "Allahumma salli 'ala Muhamadin Nabiy al-Ummiy wa 'ala alihi", lalu sujud dan membaca: "Subbhuhun Quddusun Rabbu al-

*Malaikatu wa al-Ruh*" sebanyak 70 kali. Kemudian dia angkat kepalanya dan membaca: "Rabbi ighfir warham watajawaj 'amma ta'lamu innaka anta al-'azizu al-'adzam" sebanyak 70 kali. Seterusnya dia sujud kali kedua dan membaca seperti bacaan pada sujud pertama sambil memohon kepada Allah akan segala hajatnya, nescaya akan ditunaikan". Rasulullah berkata lagi: "Dan demi diriku yang di tanganNya, tidak ada seorang hamba pun lelaki maupun perempuan yang mengerjakan solat ini melainkan akan diampunkan Allah seluruh dosanya walaupun seperti buih di lautan dan sebanyak dedaun di pohonan dan ia akan dapat memberi syafaat pada hari kiamat untuk 700 orang di kalangan kaum keluarganya."

### Ulasan Sarjana

- Ibn al-Jauzi dalam bukunya *al-Maudhu'at* menyebut:
 

"Hadis ini adalah *maudu'* dan dusta ke atas Rasulullah, dalam sanadnya terdapat seorang pelapor yang bernama Ibn Jahdham yang terkenal dengan dusta, dan aku mendengar guruku; Abd al-Wahab al-Hafidz berkata: "Para pelapornya majhul (tidak dikenali) dan aku sudah semak tentang peribadi mereka ini dalam semua buku tetapi tidak aku temui tentang mereka."
- Al-Syaukani juga menyebut tentang hadis ini dalam bukunya *al-Fawaid al-Majmu'ah fi al-Ahadith al-Maudhu'ah*:

"Hadis ini adalah *maudu'* dan pelapornya adalah majhul (tidak dikenali) dan para sarjana Islam sudah sepakat menyatakan solat Raghaib yang masyhur ini adalah palsu."

### Sekilas Pandang

Sesudah kita mengetahui tentang kedudukan hadis yang menyebut tentang solat Raghaib ini, marilah kita melihat apakah pandangan para sarjana Islam tentang hukum menunaikan solat tersebut.

Nawawi yang merupakan salah seorang tokoh mazhab Imam Syafie dalam bukunya *al-Minhaj Syarah Sahih Muslim* berkata:

"Sesungguhnya ia adalah bidaah (perkara rekaan dalam agama) yang ditegah di antara bidaah-bidaah yang sesat dan padanya terdapat pelbagai percanggahan yang jelas. Allah memerangi mereka yang mencipta dan mereka-reka solat ini dan para imam sudah menulis pelbagai penulisan yang bernilai dan bermutu yang menyebut tentang keburukannya, kesesatan orang yang mengerjakan sembahyang ini dan yang melakukan bidaah ini. Dalil tentang kejelekan, kebatilan serta kesesatan orang yang mengamalkannya adalah terlalu banyak dan tidak terhitung."

Ibn Taimiyah dalam *Majmu' al-Fatawa* juga menyanggah pendapat tentang kewujudan solat ini dengan berkata:

"Solat ini (Ragha'ib) tidak dilakukan oleh Rasulullah dan tidak pula oleh seorang pun di kalangan sahabat beliau, tabi'in dan para imam kaum muslimin. Rasulullah tidak

menggalakkannya serta tidak terdapat seorang pun dikalangan ulamak salaf dan imam-imam yang menggalakkannya dan mereka tidak pernah menyebut akan adanya kelebihan-kelebihan yang khusus bagi malam ini. Hadis yang menyebut mengenainya adalah dusta dan maudu' dengan sepakat ahli ilmu. Oleh itu, ahli-ahli tahqiq (pengkaji) mengatakan bahawa solat tersebut adalah makruh, bukan sunat."

Menurut al-Hafiz Ibn Rejab pula dalam *Lata'if al-Ma'arif*, katanya:

"Solat ini adalah bidaah di sisi jumhur (majoriti) ulamak. Mereka yang menyebut tentang perkara ini adalah dikalangan ulamak yang terkemudian seperti Abu Ismail al-Haruwi, Abu Bakar ibn al-San'aniy, Abu al-Fadhl ibn Nasir, Abu al-Farj ibn al-Jawzi dan yang lain lagi. Perkara ini tidak disebut oleh ulamak yang awal disebabkan ianya hanya muncul selepas daripada zaman mereka dan yang terawal timbulnya perkara ini ialah selepas 400 tahun. Maka sebab itulah golongan ulamak yang awal dan terdahulu tidak mengetahuinya dan tidak membincangkannya."

Terdapat ramai lagi dikalangan sarjana Islam yang membincangkan hukum solat Ragha'ib ini. Kesimpulan yang dapat dibuat daripada pendapat-pendapat mereka adalah semuanya menafikan kewujudan solat ini dan menganggap ia sebagai salah satu bidaah (ibadat yang direka-reka) yang amat ditegah dan tidak boleh mengamalkannya kerana tiada sumber yang pasti daripada Rasulullah, para sahabat serta tabiin.

## Hadis 9

### Kelebihan Solat Terawih

Dalam sebuah hadis yang panjang, dikatakan ianya disampaikan oleh Ali bin Abi Talib. Beliau menyebut tentang ganjaran pada setiap malam bagi sesiapa yang menuaikan solat terawih. Kelebihan-kelebihan yang dinyatakan dalam hadis palsu tersebut adalah seperti berikut:

Malam 1: Dosa-dosa orang mukmin pada malam pertama terhapus sepertimana ia baru dilahirkan dan mendapat keampunan daripada Allah.

Malam 2: Dosa-dosa orang mukmin yang sembahyang terawih serta kedua ibu bapanya diampunkan (sekiranya mereka orang yang beriman).

Malam 3: Malaikat berseru di bawah arasy supaya orang mukmin meneruskan sembahyang terawih dan berdoa semoga Allah mengampunkan dosa mereka.

Malam 4: Pahala diperoleh sebagaimana pahala orang yang membaca kitab Taurat, Injil, Zabur dan Al-Quran.

Malam 5: Allah mengurniakan pahala seumpama orang yang bersembahyang di Masjidil Haram, Masjid Madinah dan Masjidil Aqsa.

Malam 6: Allah mengurniakan pahala seperti pahala malaikat-malaikat yang tawaf di Baitul Makmur (70,000 malaikat sekali tawaf) manakala batu-batu dan tanah-

tanah mendoakan supaya Allah mengampunkan dosa orang yang mengerjakan sembahyang terawih pada malam tersebut.

Malam 7: Seolah-olah dapat bertemu dengan Nabi Musa serta menolong Nabi a.s. menentang musuh ketatnya Firaun dan Haman.

Malam 8: Allah mengurniakan pahala orang sembahyang terawih sepertimana yang dikurniakan kepada Nabi Ibrahim.

Malam 9: Allah mengurniakan pahala dan dinaikkan mutu ibadat hambanya seperti Nabi Muhammad.

Malam 10: Allah mengurniakan kebaikan di dunia dan akhirat.

Malam 11: Keluar daripada dunia (mati) dalam keadaan bersih daripada dosa seperti baru dilahirkan.

Malam 12: Datang pada hari kiamat dengan muka yang bercahaya (cahaya ibadatnya).

Malam 13: Datang pada hari kiamat dalam keadaan aman daripada sebarang kejahatan dan keburukan.

Malam 14: Malaikat datang untuk menyaksikan orang yang bersembahyang terawih dan Allah tiada menyesatkannya pada hari kiamat.

Malam 15: Semua malaikat yang menanggung arasy, kursi, berselawat dan mendoakan supaya Allah mengampunkan orang yang bertarawih.

Malam 16: Allah akan menulis bagi mereka yang bertarawih pada malam tersebut agar terlepas daripada neraka dan dimasukkan ke dalam syurga.

Malam 17: Allah kurniakan pahala orang yang berterawih pada malam ini sebanyak pahala para nabi.

Malam 18: Malaikat berseru kepada orang yang berterawih: "Hai hamba Allah! Sesungguhnya Allah reda kepada engkau dan ibu bapa engkau (yang masih hidup atau mati)".

Malam 19: Allah tinggikan darjat di dalam syurga Firdaus.

Malam 20: Allah kurniakan pahala semua orang mati syahid dan yang berbuat baik.

Malam 21: Allah binakan sebuah istana di dalam syurga daripada cahaya.

Malam 22: Orang yang bertarawih pada malam ini akan datang pada hari kiamat dalam keadaan aman daripada dukacita dan kerisauan (tidak dalam keadaan huru-hara di padang Mahsyar)

Malam 23: Allah binakan sebuah bandar di dalam syurga daripada nur.

Malam 24: Allah bukakan peluang dua puluh empat doa yang mustajab bagi orang yang berterawih pada malam ini (elok sekali berdoa ketika dalam sujud).

Malam 25: Allah akan membebaskan daripada siksa kubur.

Malam 26: Allah akan kurniakan kepada orang yang berterawih pahala pada malam ini seumpama empat puluh tahun ibadat.

Malam 27: Allah mengurniakan kepada orang yang berterawih pada malam ini ketangkasan melintas di atas titian Siratal Mustaqim seperti kilat menyambar.

Malam 28: Allah mengurniakan seribu darjat di akhirat.

Malam 29: Allah mengurniakan pahala seribu kali haji yang mabru.

Malam 30: Allah memberikan penghormatan yang teristimewa kepada orang berterawih pada malam terakhir ini, lalu berkata dengan maksudnya:

"Hai hambaKu!. Makanlah segala jenis buah-buahan yang engkau ingini di dalam syurga dan mandilah engkau daripada air syurga yang bernama Salsabila serta minumlah air daripada telaga yang dikurniakan kepada Nabi Muhammad yang bernama al-Kauthar".

### **Ulasan Sarjana**

- Ibn Qayyim al-Jauziyah dalam bukunya *al-Manar al-Munif* menyenaraikan beberapa kriteria untuk mengenali hadis palsu tanpa melihat dan menyemak kepada sanadnya (kajian terhadap susur galur penyampai hadis). Antara kriteria tersebut ialah suatu hadis itu menyebut tentang kelebihan dan

ganjaran yang terlalu banyak apabila melakukan kebaikan kecil serta dosa dan hukuman yang terlalu berat untuk kesalahan kecil dan ianya tidak pernah disebut oleh Rasulullah. Dalam ilmu hadis, ia disebut sebagai *al-mujazafat*.

Para sarjana hadis menyatakan bahawa hadis yang menyebut kelebihan solat terawih pada setiap malam ini mempunyai kriteria tersebut. Sebagai contoh pada malam ke-17, ganjarannya adalah Allah akan mengurniakan orang yang sembahyang terawih pada malam tersebut dengan pahala sekalian nabi. Ibn al-Qayyim berkata: "Seolah-olah pendusta yang jahat ini (pembuat hadis palsu ini) tidak mengetahui jika individu selain daripada nabi bersembahyang dengan umur Nabi Nuh saja, tidak akan ada seorang nabi pun yang dapat menandinginya."

- Prof. Dr. Yusof al-Qaradhawi dalam bukunya *Kaifa Nata'mul ma'a al-Sunnah al-Nabawiyah* menjelaskan terdapat 3 neraca yang perlu dipegang oleh setiap muslim supaya dia terselamat dari penyelewengan dan tafsiran secara jahil tentang hadis. 3 perkara tersebut ialah:
  - 1- Memastikan kesahihan hadis berdasarkan timbangan ilmiah oleh para sarjana hadis.
  - 2- Memastikan kefahaman yang betul terhadap maksud hadis.

- 3- Memastikan hadis itu tidak bercanggah dengan nas atau dalil yang lebih kuat daripadanya iaitu al-Quran dan hadis lain yang lebih kuat kedudukannya.

Kembali kepada hadis popular tentang kelebihan setiap malam solat terawih ini, ternyata ianya gagal melepassi neraca pertama iaitu tidak thabit atau bukan berada sama ada di peringkat sahih ataupun hasan.

Hadis ini berkemungkinan direka oleh puak Syiah untuk menonjolkan kedudukan dan ketinggian Ali bin Abi Talib yang didakwa oleh imam-imam Syiah, beliau banyak menerima hadis khusus yang tidak pernah diterima serta disampaikan oleh sahabat-sahabat lain.

Hadis ini juga mungkin bertujuan memikat golongan awam yang tidak mengetahui sumber pelbagai kisah dan cerita. Ia direka oleh penglipurlara jahat supaya masyarakat jahil terpukau dan asyik mendengar ceritanya. Penglipulara ini giat aktif ketika zaman Ahmad bin Hanbal.

Hadis ini juga mungkin direka oleh ahli zuhud dan tasawuf yang menyeleweng dengan tujuan membangkitkan keghairahan orang awam supaya giat beribadat tanpa ilmu. Inilah penjelasan yang diberikan oleh Syeikh Mustafa al-Siba'ie dalam bukunya *al-Sunnah wamakanuta fi al-Tashri' al-Islami*.

## Sekilas Pandang

Jadi, adakah solat tarawih tidak ada kelebihannya tersendiri? Yakinilah bahawa Allah adalah Tuhan Yang Maha Pemurah dan Dia tidak akan menzalimi hamba-hambaNya. Setiap amalan soleh pasti ada ganjarannya. Rasulullah berjanji:

مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

*"Sesiapa yang mendirikan (menghidupkan) Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan ganjaran daripada Allah, maka diampunkan segala dosanya yang lalu."*

(Direkodkan oleh Muslim)

Solat terawih yang didirikan pada bulan Ramadan adalah salah satu cara kita menghidupkan bulan tersebut. Bagi sesiapa yang melakukan dengan penuh ikhlas dan yakin kepada ganjaran Allah, sudah pasti dia akan mendapat apa yang dijanjikan oleh Rasulullah ini.

Tetapi mungkin bagi setengah orang, ganjaran pengampunan dosa nampak tidak begitu menarik. Kerana itulah ganjaran-ganjaran lain dicari lagi yang seakan-akan nampak lebih menarik seperti yang disebut dalam hadis palsu di atas. Alangkah silapnya pendapat mereka yang berfikiran demikian. Apa lagi yang kita harapkan di hari akhirat kelak melainkan Allah mengampunkan dosa-dosa kita dan dimasukkan ke dalam syurga?

## Hadis 10

### Mengusap Mata Semasa Laungan Azan

مَنْ قَالَ حِينَ يَسْمَعُ الْمُؤَذِّنَ يَقُولُ: أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ: مَرْحَبًا بِخَيْرِي وَقُرْةِ عَيْنِي مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، ثُمَّ يُقْبَلُ إِنْهَاكِيهِ وَيَجْعَلُهُمَا عَلَى عَيْنِيهِ لَمْ يَرْمِدْ أَبَدًا

"Sesiapa yang berkata ketika mendengar tukang azan melaungkan (أشهد أن محمدا رسول الله): "Selamat datang wahai kekasihku dan penyejuk mataku Muhammad bin Abdullah", kemudian mencium kedua ibu jarinya dan menyapu di atas kedua matanya, nescaya tidak akan rabun selama-lamanya."

### Ulasan Sarjana

Hadis ini disebut oleh Ahmad bin Abi Bakar al-Radad al-Yamani (seorang sufi) dalam bukunya *Mujibat al-Rahmah wa 'Aza'im al-Maghfirah*.

- Al-Hafidz al-Sakhawi dalam buku *al-Maqasid al-Hasanah* berkata:

"Terdapat dalam sanadnya para pelapor yang majhul (tidak dikenali) disamping sanadnya juga terputus daripada al-Khidir."

- Al-'Ajluni dalam buku *Kasyf al-Khafa'* juga memberi Ulasan tentang hadis ini. Katanya: "Tiada yang sahih pada yang *marfu'* (dari Rasulullah) daripada semua ini."

### Sekilas Pandang

Berpandukan hadis palsu inilah, setengah ustaz memberikan petua untuk menjaga mata supaya tidak rabun iaitu dengan mengucup kedua-dua ibu jari tangan semasa tukang azan melaungkan "أشهد أن محمدا رسول الله", kemudian menyapunya pada kedua-dua mata. Mereka menyebut inilah yang diajarkan oleh Nabi Muhammad sedangkan hadis tersebut tidak sahif.

Jagalah kesihatan tubuh badan kita mengikut garis panduan yang sudah ditetapkan oleh pakar-pakar kesihatan. Semoga tubuh badan kita sentiasa sihat supaya dapat melakukan ibadah kepada Allah dengan lebih sempurna.

## Hadis 11

### Kelebihan Puasa Sunat Rejab

Berikut adalah beberapa hadis palsu yang menyebut tentang kelebihan puasa sunat Rejab:

مَنْ صَامَ ثَلَاثَةً أَيَّامٍ مِّنْ رَّجَبٍ كَتَبَ اللَّهُ لَهُ صِيَامُ شَهْرٍ، وَمَنْ  
صَامَ سَبْعَةً أَيَّامٍ مِّنْ رَّجَبٍ أَغْلَقَ اللَّهُ سَبْعَةً أَبْوَابَ مِنَ النَّارِ،  
وَمَنْ صَامَ ثَمَانِيَّةً أَيَّامٍ مِّنْ رَّجَبٍ فَتَحَ اللَّهُ لَهُ ثَمَانِيَّةً أَبْوَابَ  
مِنَ الْجَنَّةِ، وَمَنْ صَامَ نِصْفَ رَجَبٍ كَتَبَ اللَّهُ لَهُ رِضْوَانَهُ،  
وَمَنْ كَتَبَ لَهُ رِضْوَانَهُ لَمْ يُعْذَبْهُ، وَمَنْ صَامَ رَجَبَ كُلَّهُ  
خَاسِبَةُ اللَّهِ حِسَابًا يَسِيرًا

"Siapa yang berpuasa sunat tiga hari pada bulan rejab, Allah menulis baginya (memberi ganjaran) puasa sebula. Siapa yang berpuasa tujuh hari pada bulan Rejab, Allah menutup baginya tujuh pintu neraka. Siapa yang berpuasa lapan hari di dari bulan Rejab, Allah membuka baginya lapan pintu syurga. Siapa yang berpuasa setengah dari bulan Rejab, Allah menuliskan baginya keredaan-Nya. Siapa yang sudah ditetapkan baginya keredaan-Nya, dia tidak akan diazab dan siapa yang berpuasa penuh pada bulan Rejab, Allah akan menghisabnya (di hari akhirat) dengan hisab yang ringan."

Hadis ini daripada Anas dari sumber Amru bin al-Azhar, dan dalam sanad ini juga terdapat Abban bin Abi 'Iyash yang terkenal dengan dusta.

رَجَبٌ شَهْرُ اللَّهِ وَشَعْبَانٌ شَهْرٌ وَرَمَضَانٌ شَهْرُ أُمَّتِي،  
فَمَنْ صَامَ رَجَبٍ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا اسْتَوْجَبَ رِضْوَانُ اللَّهِ  
الْأَكْبَرِ وَأَسْكَنَهُ الْفِرْدَوْسَ الْأَعْلَى، وَمَنْ صَامَ مِنْ رَجَبٍ  
يَوْمَيْنَ فَلَهُ مِنَ الْأَجْرِ ضِعْفَانِ وَوَزْنُ كُلِّ ضِعْفٍ مِثْلُ جَهَنَّمَ  
الْدُّنْيَا، وَمَنْ صَامَ مِنْ رَجَبٍ ثَلَاثَةً أَيَّامٍ جَعَلَ اللَّهُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ  
النَّارِ خَنْدَقًا طُولَ مَسِيرَةِ ذَلِكَ سَنَةِ، وَمَنْ صَامَ مِنْ رَجَبٍ  
أَرْبَعَةً أَيَّامٍ عَوْفَى مِنَ الْبَلَاءِ مِنَ الْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَالْبَرَصِ  
مِنْ فِتْنَةِ الْمَسِيقِ الدَّجَالِ وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ

"Rejab adalah bulan Allah, Sya'ban bulan kudan Ramadan bulan umatku, maka barangsiapa yang berpuasa bulan Rejab dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala dari Allah, maka ia wajib mendapat keredaan Allah yang agung dan ditempatkannya di Syurga al-Firdaus yang tertinggi. Sesiapa yang berpuasa dua hari dari bulan Rejab maka baginya pahala dua kali ganda, timbangan tiap-tiap ganda bagaikan bukit-bukit di dunia. Barangsiapa yang berpuasa tiga hari dari bulan Rejab maka Allah menjadikan antaranya dan Neraka sebuah parit yang panjangnya setahun perjalanan. Barangsiapa yang berpuasa empat hari dari bulan Rejab maka ia akan diselamatkan dari bala, gila, kusta, sopak, fitnah al-Masih al-Dajjal dan dari azab kubur."

## **Ulasan Sarjana**

- Ibnu al-Jawzi menyenaraikan hadis ini dalam bukunya *al-Maudhu'a't*, ia dilaporkan oleh Muhamad bin Abdul-Baqi dari Abu Bakr Muhamad bin al-Hassan al-Naqqasy, dari Abu Said. Beliau menghukum hadis ini sebagai palsu.
- Ibnu Shahin melaporkan dari Ali yang melaporkan dari Harun bin 'Antarah bahawa Rasulullah menyatakan:

إِنَّ شَهْرَ رَجَبَ شَهْرُ عَظِيمٍ، مَنْ صَامَ مِنْهُ يَوْمًا كَتَبَ اللَّهُ لَهُ صَوْمَ الْأَلْفِ سَنَةٍ، وَمَنْ صَامَ يَوْمَيْنَ كَتَبَ اللَّهُ لَهُ صِيَامَ الْأَلْفِ سَنَةٍ، وَمَنْ صَامَ ثَلَاثَةً أَيَّامًا كَتَبَ اللَّهُ لَهُ صِيَامَ ثَلَاثَةَ أَلْفَ سَنَةٍ...

"Sesungguhya bulan Rejab adalah bulan yang agung. Siapa yang berpuasa sehari daripada bulan Rejab nescaya Allah menuliskan baginya puasa seribu tahun. Siapa yang berpuasa dua hari dari pada bulan Rejab maka Allah menuliskan baginya puasa dua ribu tahun. Siapa yang berpuasa tiga hari daripada bulan Rejab maka Allah menulis baginya puasa tiga ribu tahun."

Menurut Ibnu Arraq: Hadis ini adalah palsu tanpa syak lagi. Harun bin 'Antarah pula di sisi Ibnu Hibban adalah seorang pereka hadis.

- Al-Hafiz Ibn Hajar dalam buku *Tabyin al-'Ajab fima warada fi Fadhl Rajab* berkata:

"Tidak terdapat hadis yang boleh dijadikan hujah yang menyebut tentang kelebihan khusus bulan Rejab, atau kelebihan berpuasa (sepenuhnya) pada bulan ini, atau berpuasa sebahagiannya, atau menghidupkan malamnya yang khusus."

- As-Suyuti dalam buku *al-Amr bi al-Ittiba' wa al-nahyu 'an al-Ibtida'* menyebut Umar al-Khattab melarang orang berpuasa pada bulan ini dan beliau pernah memukul tangan orang yang tidak mahu makan disebabkan berpuasa pada bulan Rejab.
- Al-Syawkaniy pula menyebut dalam kitabnya *al-Fawaid*: Dalam satu risalahnya Ali bin Ibrahim al-'Athar berkafa: "Apa yang diceritakan mengenai keutamaan puasa Rejab semuanya adalah maudu' dan daif tidak mempunyai sumber". Katanya lagi: "Abdullah al-Anshari tidak berpuasa Rejab dan beliau melarangnya dan berkata: Tidak ada satu hadis pun yang sahih dari Rasulullah mengenainya".

## **Sekilas Pandang**

Bulan Rejab adalah bulan yang termasuk dalam bulan-bulan yang suci. Ia dinamakan Rejab bersempena dengan penghormatan terhadapnya pada zaman jahiliah dan pengharaman sebarang peperangan pada bulan ini. Ini disebut oleh Al-Razi di dalam kamus *Mukhtar al-Sihah*.

menjadi amalan kebanyakan umat Islam untuk menghidupkan bulan ini dengan pelbagai amalan. Persoalannya, adakah amalan-amalan tersebut dilakukan dengan ikhlas dan menepati sunnah Rasulullah untuk melayakkan amalan tersebut diterima?

Menyentuh tentang persoalan ikhlas, berkemungkinan semua orang memiliki tetapi adakah amalan tersebut bertepatan dengan syariat dan sunnah Rasulullah? Justeru, menjadi kewajipan atas umat Islam untuk menyemak dan memastikan segala amalan yang dilakukan bertepatan dengan syariat dan sama seperti cara yang dilakukan oleh Rasulullah. Jika tidak, amalan tersebut tidak akan diterima.

Setengah daripada umat Islam akan berpuasa pada bulan ini sepenuhnya atau sebahagiannya dan mereka menganggap puasa ini mempunyai kelebihan yang khusus. Tetapi malangnya, ganjaran atau kelebihan khusus bagi mereka yang melakukan amalan ini tidak bersumberkan al-Quran atau hadis yang sahih. Bahkan ianya diambil daripada hadis palsu dan lebih malang lagi ia disebarluaskan oleh golongan agama atau ustaz-ustaz kepada masyarakat Islam sama ada dalam kuliah ataupun melalui penulisan mereka.

Namun begitu, bagi mereka yang ingin berpuasa sunat secara umum tanpa dikhurasukan dengan kelebihan tertentu sempena bulan Rejab ini, maka ia dibolehkan.

## Hadis 12

### Kelebihan Puasa Asyura

مَنْ صَامَ يَوْمَ عَاشُورَاءَ كَتَبَ اللَّهُ لَهُ عِبَادَةً سِتِّينَ سَنةً  
بِصِيَامِهَا وَقِيَامِهَا، وَمَنْ صَامَ يَوْمَ عَاشُورَاءَ أُعْطِيَ ثَوَابَ  
آلَافِ مَلَكٍ، وَمَنْ صَامَ يَوْمَ عَاشُورَاءَ أُعْطِيَ ثَوَابَ أَلْفَ  
حَاجٍ وَمَعْتَمرٍ

"Siapa yang berpuasa pada hari Asyura (10 Muharam), Allah akan tulis pahala ibadat baginya selama 60 tahun dengan puasa dan qiamnya dan siapa yang berpuasa pada hari Asyura' akan diberi pahala seribu malaikat dan siapa yang berpuasa hari Asyura akan diberi pahala seribu orang yang menuai haji dan umrah."

### Ulasan Sarjana:

Ini adalah petikan daripada hadis yang panjang yang menyebut tentang kelebihan puasa pada hari Asyura. Ibn 'Arraq al-Kannani di dalam *Tanzih al-Syariah* menyatakan dalam sanad hadis ini terdapat pelapor bernama Hubaib ibn Abi Hubaib dan dia lah yang memalsukan hadis.

### **Sekilas Pandang:**

Puasa sunat Asyura iaitu pada 10 Muharam merupakan salah satu ibadah sunat yang sangat-sangat dituntut seperti yang dinyatakan dalam hadis sahih berikut:

#### **1- Ibn 'Abbas menceritakan:**

"Apabila Rasulullah datang ke Madinah, beliau melihat orang Yahudi berpuasa pada hari Asyura lalu beliau bertanya: "Apakah ini?". Mereka menjawab: "Hari ini adalah hari yang baik kerana pada hari ini Allah menyelamatkan Nabi Musa dan bangsa Israil daripada musuh mereka, maka Musa pun berpuasa". Lalu beliau berkata: "Aku lebih berhak dengan Musa daripada kamu". Beliau pun berpuasa dan menyuruh orang ramai supaya berpuasa."

(Direkodkan oleh Bukhari )

#### **2- A'isyah berkata;**

"Rasulullah mengarahkan supaya berpuasa pada hari Asyura. Apabila puasa Ramadan difardukan, siapa yang hendak berpuasa (hari Asyura) maka dia boleh berpuasa dan sesiapa yang hendak berbuka maka dia boleh berbuka (tidak berpuasa)".

(Direkodkan oleh Bukhari & Muslim)

#### **3- Daripada 'Aisyah katanya:**

"Orang Quraish di zaman jahiliah berpuasa pada hari Asyura dan Rasulullah juga berpuasa pada hari A'syura. Apabila beliau datang ke Madinah, beliau berpuasa pada hari itu dan menyuruh orang ramai berpuasa. Apabila difardukan kewajipan puasa Ramadan, ditinggalkan puasa pada hari Asyura lalu beliau berkata: "Siapa yang mahu, dia boleh berpuasa (sunat Asyura) dan siapa yang tidak mahu berpuasa, dia boleh meninggalkannya".

(Direkodkan oleh Bukhari & Muslim)

Inilah beberapa contoh hadis sahih yang menyebut tentang puasa pada hari Asyura. Daripada hadis ini dapat difahami bahawa puasa pada hari Asyura merupakan perkara yang wajib sebelum difardukan puasa di bulan Ramadan. Apabila difardukan puasa Ramadan pada tahun ke-2 Hijrah, kewajipan ini digugurkan.

Namun ia tetap digalakkan dan merupakan salah satu daripada sunnah yang sangat dituntut. Inilah antara kesimpulan yang disebut oleh Ibn Hajar al-'Asqalani dan Muslim ketika menghuraikan hadis tentang puasa Asyura ini.

Namun begitu, menjadikan hadis palsu seperti yang disebutkan di atas sebagai hujah adalah tidak dibenarkan sama sekali walaupun dengan tujuan baik iaitu untuk mengajak orang ramai melakukan ibadah sunnah.

### Hadis 13

#### Abdul Rahman bin ‘Auf Masuk Syurga Merangkak

قَدْ رَأَيْتُ عَبْدَ الرَّحْمَنِ بْنَ عَوْفٍ يَذْهُلُ الْجَنَّةَ حَبْوَا

"Aku melihat bahawa Abd al-Rahman bin 'Auf masuk syurga secara merangkak."

#### Ulasan Sarjana:

- Para sarjana hadis menghukumkan hadis ini sebagai palsu kerana dalam rangkaian sanadnya terdapat seorang pelapor bernama 'Umarah bin Zadhan. Dia adalah seorang yang lemah dikalangan mereka. Hal ini dinyatakan oleh al-Syaukani dalam bukunya *al-Fawaid al-Majmua'h*.
- Ibn Taimiyah di dalam *Majmua't al-Fatawa* dengan tegas menyatakan:  
"Apa yang disebutkan bahawa Abd al-Rahman masuk syurga secara merangkak adalah palsu dan tidak ada asal usulnya."
- Ibn al-Jauzi memasukkan hadis ini di dalam senarai hadis palsu dalam bukunya *al-Maudhu'a*.
- Menurut al-Haithami dalam bukunya *Majma' al-Zawaid*:

"Hadis ini dilaporkan oleh Ahmad, al-Bazzar dan Tabrani dalam sanadnya terdapat Umarah bin

Zadhan. Menurut al-Nasai' dan Daruqutni, Umarah adalah seorang pelapor yang lemah. Abd al-Rahman bin 'Auf menyertai perang Badar dan Hudaibiyah. Rasulullah memberikan kesaksian bahawa dia akan masuk syurga dan beliau pernah solat di belakang Abd al-Rahman bin 'Auf.

#### Sekilas Pandang

Abd al-Rahman bin 'Auf merupakan salah seorang sahabat Rasulullah yang kaya hasil daripada perniagaan yang diusahakannya. Jadi, sesetengah orang menjadikan hadis palsu ini sebagai hujah bahawa Islam tidak menggalakkan umatnya untuk mengumpulkan kekayaan kerana orang yang kaya akan lambat masuk syurga dengan merangkak. Alasannya adalah masa yang lama diambil untuk perbicaraan di padang Mahsyar disebabkan harta yang banyak.

Kata Ibn al-Jauzi dalam bukunya *al-Maudhu'a*:

"Hadis batil ini dijadikan pegangan oleh orang jahil sufi bahawa harta adalah penghalang dari melakukan kebaikan. Mereka beranggapan, jika Abd al-Rahman bin 'Auf masuk syurga secara merangkak disebabkan hartanya, hal ini sudah cukup menunjukkan celaan kepada harta. Hadis ini tidak sahih. Ia sangat tidak boleh diterimajika Abd al-Rahman yang dijamin masuk syurga tetapi terhalang dari kebaikan disebabkan hartanya. Ini kerana mengumpul harta dibolehkan, sedangkan yang dicela ialah mendapatkan harta dengan cara yang salah atau tidak menunaikan kewajipan terhadap harta tersebut. Mustahil dua perkara ini ada pada Abd

al-Rahman. Betapa ramai tukang cerita berdalil dengan hadis seperti ini untuk menganjurkan kemiskinan dan mencela kekayaan. Aduhai, para cerdik pandai manakah yang mengetahui dan memahami dengan kefahaman yang benar?".

Sememangnya Islam menganjurkan kita untuk bersifat zuhud dan berpada dengan apa yang ada. Namun begitu, adakah ini menghalang kita untuk berusaha mencari harta kekayaan semasa di dunia? Islam menuntut kita untuk mengambil berat tentang nasib kita di akhirat kelak. Namun, dalam masa yang sama Islam juga melarang kita terlalu mementingkan akhirat sehingga kehidupan di dunia ini terabai. Cuba renung pesanan Allah dalam ayat berikut:

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الْأَذَارُ الْآخِرَةُ وَلَا تَنْسِ نَصِيبَكَ  
مِنَ الدُّنْيَا

*Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia.*

*(Surah al-Qasas, ayat 77)*

Jelas sekali, Islam tidak menghalang kita untuk berusaha mencari harta kekayaan di dunia. Tetapi, mereka yang dikurniakan oleh Allah dengan harta kekayaan mestilah menggunakan harta tersebut dengan cara-cara yang direndai-Nya.

Antaranya ialah harta kekayaan yang dikurniakan itu mestilah diberikan peruntukan untuk melakukan kebajikan pada jalan Allah. Sebab itu, Allah memberikan tawaran yang istimewa kepada orang beriman dalam ayat berikut:

١٠ يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا هَلْ أَدْلُكُمْ عَلَىٰ يَقْرَئُونَ تُحِيطُكُمْ مِّنْ عَذَابِ أَلِيمٍ  
لَّمْ يُمُّنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجَاهَدُوكُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَأْمُونُكُمْ وَأَنفِسِكُمْ ذَلِكُمْ  
خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

*Wahai orang yang beriman!, mahukah Aku tunjukkan suatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu, kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu; Yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya)."*

*(Surah as-Saf, ayat 10-11)*

Apa yang dilarang ialah mengumpul harta kekayaan ini menjadi agenda utama dalam kehidupan sehingga kita lalai dan mengabaikan tanggungjawab kepada Allah dan sesama manusia.

Ada orang yang sibuk bekerja penat sehingga sanggup meninggalkan solat.

Ada orang yang diberikan kekayaan berlipat, tetapi berasa rugi jika mengeluarkan zakat.

Apabila ditanya "Bila hendak pergi haji?" Dijawabnya: "Tidak sempat!"

Bila diajak pergi melancong, tidak pernah kata, "Tidak larat."

Harta kekayaan terus dihimpun penuh sarat,  
sedangkan ramai yang masih hidup melerat.

Lebih parah jika yang disebut itu adalah harta rakyat.

Bila ditanya: "Dari mana dapat?"

Katanya: "Inilah hasil usaha tulang empat kerat"

Pandai sungguh mereka mengelat.

Tapi, bagaimana pula nasib di akhirat?

Mari kita renung peringatan Allah ini:

الْهَنِّمُ الْكَثَرُ ۝ حَتَّىٰ زُرْتُمُ الْمَقَابِرَ ۝

*Kamu sudah dilalaikan (dari pada mengerjakan amal bakti) oleh perbuatan berlumba-lumba untuk mendapat dengan sebanyak-banyaknya (harta benda, anak-pinak, pangkat dan pengaruh), sehingga kamu masuk kubur.*

(Surah at-Takasur, ayat 1-2)

## Hadis 14

### Anak Zina Tidak Masuk Syurga

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ وَلَدُ زَنَاءٍ، وَلَا وَلَدُهُ وَلَا وَلَدُ وَلَدِهِ

"Tidak akan masuk syurga anak zina, tidak masuk juga anaknya dan anak kepada anaknya (cucu)."

### Ulasan Sarjana

- Dalam sanad hadis ini terdapat seorang pelapor hadis iaitu Abu Israil dan dia seorang yang lemah.

Terdapat satu hadis lain bertaraf lemah yang menyebut perkara yang hampir sama, iaitu:

لَا يَدْخُلُ وَلَدُ الزَّنَاءِ وَلَا شَيْءٌ مِّنْ نَسْلِهِ إِلَى سَبْعَةِ آبَاءِ الْجَنَّةِ

"Tidak akan masuk syurga anak zina dan begitu juga keturunannya sampai tujuh keturunan."

- Hadis ini dihukumkan lemah disebabkan ada dua orang pelapor yang lemah dalam sanad tersebut iaitu Ibrahim bin Muhamir al-Bajali dan Muhammad bin Abd al-Rahman bin Abi Zubab.
- Beberapa pakar hadis memberikan komen mereka terhadap kedua-dua pelapor ini. Antaranya ialah al-Hafidz Ibn Hajar yang mengatakan Ibrahim bin Muhamir adalah seorang pelapor yang benar tetapi

lemah hafalannya. Manakala Abd al-Rahman bin Abi Zubab pula, Ibn Hajar memasukkannya dalam golongan pelapor yang tidak dikenali (majhul).

### Sekilas Pandang

Islam adalah agama yang adil. Mereka yang melakukan kebaikan akan dikurniakan pahala, manakala yang melakukan kejahanan akan dibalas dengan dosa. Allah yang bersifat Maha Adil tidak sama sekali menzalimi hamba-hambanya.

Azab seksaan dan balasan dosa yang diberikan kepada hambaNya bukan kerana Allah itu zalim tetapi kerana seseorang itu memang layak menerima dosa disebabkan kejahanan dan maksiat yang dilakukan.

Dalam Islam, dosa yang dilakukan oleh seorang tidak akan ditanggung oleh orang lain. Jika anak zina tidak dapat masuk syurga disebabkan kesalahan zina yang dilakukan oleh ibunya, ia jelas bertentangan dengan prinsip Islam seperti yang dinyatakan dalam ayat berikut:

وَلَا تَكِبُّ كُلُّ نَفْسٍ إِلَّا عَلَيْهَا وَلَا تُرُّ وَازِزْهُ وَرَدَّ أَخْرَى

Dan tiadalah (kejahatan) yang diusahakan oleh tiap-tiap seorang melainkan orang itulah sahaja yang menanggung dosanya; dan seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja).

(Surah al-An'am, ayat 164)

Bahkan hadis palsu ini juga bertentangan dengan maksud hadis lain yang disampaikan oleh Aisyah:

وَلَدُ الزِّنَاء لَيْسَ عَلَيْهِ مِنْ إِثْمِ أَبَوِيهِ شَيْءٌ

"Anak zina tidak menanggung sedikit pun daripada dosa ibu bapanya"

(Direkodkan oleh Tabrani, al-Sakhawi berkata sanad hadis ini baik)

Mari kita fikir secara logik dengan akal yang sejahtera. Apakah kesalahan anak yang lahir hasil daripada hubungan zina? Adakah ia berlaku dengan permintaannya sendiri? Yang melakukan kesalahan adalah si lelaki dan perempuan yang mengandungkannya. Jadi, kenapa balasannya turut terkena kepada si anak yang tidak berdosa ini? Jika benarlah anak zina tidak akan masuk syurga, maka Allah zalim dengan hukuman tersebut. Maha Suci Allah daripada sifat zalim ini.

## Hadis 15

### Jihad Hati

رَجَعْنَا مِنَ الْجِهَادِ الأَصْغَرِ إِلَى الْجِهَادِ الْأَكْبَرِ، قَالُوا: وَمَا  
الْجِهَادُ الْأَكْبَرُ؟ قَالَ: جِهَادُ الْقُلُوبِ

"Kita pulang dari jihad yang kecil kepada jihad yang lebih besar". Para sahabat bertanya: "Apakah jihad yang lebih besar?" Nabi Muhammad menjawab: "Jihad hati (memerangi hawa nafsu)."

### Ulasan Sarjana

- Ibn Taimiyah dalam *Majmuat al-Fatawa* berkata:  
"Hadis ini tidak ada asal usulnya dan tidak ada seorang pun dari kalangan ahli ilmu yang mengatakan ia daripada perkataan dan perbuatan Rasulullah."
- Al-'Ajluni dalam *Kashf al-Khafa'* menukilkan kata-kata al-Hafidz Ibn Hajar: Hadis ini terkenal dikalangan orang ramai dan ia adalah perkataan Ibrahim bin 'Abrahah.

Dalam hadis lain disebutkan ketika sampai kepada Nabi Muhammad satu kumpulan yang pulang dari perang jihad, beliau berkata: "Kamu kembali dengan sebaik-baik kembali dari jihad yang kecil kepada jihad yang lebih besar"

Beliau ditanya: "Apakah jihad yang lebih besar?" Nabi Muhammad menjawab: "Mujahadah seorang hamba terhadap hawa nafsunya".

Al-Baihaqi dalam *al-Zuhd al-Kabir*, selepas meriwayatkan hadis ini menyebut:

"Terdapat kelemahan pada sanad hadis."

Ini kerana pada sanad hadis ini terdapat pelapor yang bernama Laith bin Abi Sulaim. Ibn Hajar dalam *Taqrib al-Tahzib* berkata bahawa dia adalah: 'Saduq' dan bercampur aduk akalnya (nyanyuk) serta tidak dapat membezakan hadisnya, maka dia ditinggalkan.

### Sekilas Pandang

Hadis ini digunakan oleh sekelompok manusia yang sangat memberi perhatian kepada usaha pembersihan hati, sehingga kadang-kadang mereka melupakan tanggungjawab Islam yang lain seperti amar makruf nahi mungkar dan jihad di jalan Allah.

Mereka tidak berminat untuk membincangkan persoalan jihad kerana apa yang penting bagi mereka ialah membersihkan hati kerana itulah jihad yang lebih besar. Mereka tidak berminat untuk membincangkan nasib malang yang menimpa umat Islam di negara-negara lain kerana yang lebih penting bagi mereka adalah membersihkan hati.

Kerana itu, mereka lebih menumpukan kepada amalan zikir dengan tujuan membersihkan hati. Maka, diadakan majlis-majlis zikir yang tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah dan para sahabat.

Malah ada yang menyebut zikir-zikir yang tidak diketahui asal usulnya. Ada juga yang menyertai majlis zikir ini seolah-olah lupa diri dan melakukan perbuatan yang tidak dapat diterima oleh akal yang sempurna seperti menari dan melompat sambil berzikir.

Ini semua mereka lakukan semata-mata dengan alasan untuk mendekatkan diri kepada Allah dan membersihkan hati. Adakah ini yang dikehendaki oleh Rasulullah? Adakah ini yang ditunjukkan oleh Rasulullah?

Tidak dinafikan usaha pembersihan hati merupakan perkara yang penting. Jihad menentang musuh memerlukan kepada para pejuang yang jiwanya bersih dan sentiasa berusaha mendekatkan diri kepada Allah.

Perjuangan jihad menentang musuh akan terbantut jika ianya disertai oleh jiwa-jiwa yang kotor dan jauh dari Allah. Namun, usaha pembersihan jiwa yang dituntut ini sama sekali tidak akan melenyapkan kemuliaan perang jihad.

Jika tidak, di manakah hendak disembunyikan kisah-kisah perjuangan Rasulullah dan para sahabat yang gigih berjihad menentang musuh-musuh Islam?

Bagaimana hendak dipadamkan catatan sejarah agung perjuangan jihad mereka ini? Sesungguhnya jihad di jalan Allah menentang musuh-musuh Islam adalah jihad yang paling mulia dan kedudukannya sangat tinggi di dalam Islam.

Perhatikan saja beberapa peringatan Allah ini:

إِنَّ اللَّهَ أَشْرَقَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالُهُمْ  
يَا أَبَّ لَهُمُ الْجَنَّةُ يُقْنَطُونَ فِي سَكِيلِ اللَّهِ فَيَقْنَطُونَ  
وَيَقْنَطُونَ وَعَدَّا عَلَيْهِ حَقًا فِي التَّوْرِثَةِ وَالْأَنْجِيلِ  
وَالْقُرْآنَ وَمَنْ أَوْفَ بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ فَاسْتَبِرُوا  
بِيَعْكُمُ الَّذِي بَايَعْتُمْ بِهِ وَذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

Sesungguhnya Allah membeli daripada orang yang beriman, jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh syurga, (disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah maka (di antara) mereka ada yang membunuh dan terbunu. (balasan syurga yang demikian ialah) sebagai janji yang benar yang ditetapkan oleh Allah di dalam (Kitab-kitab) Taurat dan Injil serta Al-Quran; dan siapakah lagi yang lebih menyempurnakan janjinya daripada Allah? Oleh itu, bergembiralah dengan jualan yang kamu jalankan jual-belinya itu, dan (ketahuilah bahawa) jual-beli (yang seperti itu) ialah kemenangan yang besar.

(Surah at-Taubah, ayat 111)

Dalam ayat yang lain Allah menyebut:

لَا يَسْتَوِي الْقَعُودُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ عَيْرَ أَوْلَى الضرَّرِ وَالْمُجَهَّدُونَ  
فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فَضَلَّ اللَّهُ الْمُجَهَّدِينَ بِأَمْوَالِهِمْ  
وَأَنفُسِهِمْ عَلَى الْقَعُودِينَ دَرْجَةٌ وَكُلًا وَعَدَ اللَّهُ الْحَسْنَى وَفَضَلَّ اللَّهُ  
الْمُجَهَّدِينَ عَلَى الْقَعُودِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ۝ ۱۰ دَرْجَاتٍ مِنْهُ وَمُغْفِرَةً  
وَرَحْمَةً وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ۝ ۱۱

Tidaklah sama keadaan orang yang duduk (tidak turut berperang) dari kalangan orang yang beriman (selain daripada orang yang ada keuzuran) dengan orang yang berjihad (berjuang) pada jalan Allah (untuk membela Islam) dengan harta dan jiwanya. Allah melebihkan orang yang berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka atas orang yang tinggal duduk (tidak turut berperang kerana uzur) dengan kelebihan satu darjah. Dan tiap-tiap satu (dari dua golongan itu) Allah menjanjikan balasan yang baik (Syurga) dan Allah melebihkan orang yang berjuang atas orang yang tinggal duduk (tidak turut berperang dan tidak ada suatu uzur) dengan pahala yang amat besar. Iaitu beberapa darjah kelebihan daripadanya dan keampunan serta rahmat belas kasihan. Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

(Surah an-Nisak, ayat 95-96)

## Hadis 16

### Perselisihan Adalah Rahmat

اختلاف أمتي رحمة

"Perselisihan dikalangan umatku adalah suatu rahmat."

### Ulasan Sarjana

- Al-Munawi dalam bukunya *Faidh al-Qadir* menuliskan kata-kata al-Subki tentang hadis ini: "Hadis ini tidak dikenali dikalangan para sarjana hadis dan aku tidak menjumpai sanad yang sahih bagi hadis ini, tidak juga yang daif maupun yang *maudu'*."
- Al-Albani juga menyatakan perkara yang hampir sama dalam buku *Silsilah Ahadith al-Dhaifah*: "Para sarjana ahli hadis sudah mengerahkan segala daya upaya mereka untuk mencari sanad (yang sahih) bagi hadis ini. Namun, mereka tidak menemuinya".

### Sekilas Pandang

Hadis ini sering digunakan oleh sesetengah pihak yang ingin berhujah bahawa perselisihan dan perbezaan pendapat dikalangan umat Islam ini adalah suatu rahmat dari Ilahi. Sebenarnya, hujah sebegini boleh mendatangkan kesan yang negatif.

Sekiranya hujah ini digunakan, maka ia menyebabkan umat Islam tidak akan berusaha lagi untuk merujuk kepada al-Quran dan sunnah yang sahih sekiranya mereka dapat adanya percanggahan pendapat dikalangan mereka mahupun di antara para imam mazhab masing-masing.

Setengah orang tetap akan berpegang dengan pandangan mazhabnya walaupun mendapat pandangan tersebut jelas tidak bertepatan dengan dalil-dalil yang lebih kuat. Alasan mereka, tidak mengapa bercanggah pendapat kerana ia adalah suatu rahmat.

Sedangkan para imam mazhab sendiri memberi saranan dan berpesan supaya pengikutnya lebih mengutamakan dalil yang kuat sekiranya ada perbezaan pendapat.

Sepatutnya, jika didapati adanya percanggahan pendapat dikalangan sarjana Islam dalam suatu perkara, kita disarankan berpegang dengan pendapat yang bersandarkan kepada dalil-dalil yang lebih kuat. Inilah cara penyelesaian yang dianjurkan oleh para imam mazhab. Sebagai contoh, mari kita renungkan kata-kata Syafie sendiri:

"Setiap apa yang aku ucapkan, kemudian mendapat adanya hadis sahih yang dilaporkan daripada Rasulullah bercanggah dengan pendapatku, maka hadis itu yang lebih utama, jangan kamu mengikuti pendapataku."

Katanya juga: "Jika kamu dapati apa yang ada dalam bukumu bercanggah dengan sunnah Rasulullah, maka berpeganglah dengan sunnah dan tinggalkan pendapatku." Kata-kata Syafie ini sudah direkodkan oleh az-Zahabi dalam karyanya *Siyar A'lam al-Nubala'*.

Tetapi, sekiranya kita tetap berpegang dengan kata-kata bahawa perselisihan itu adalah suatu rahmat dan disandarkan pula kepada hadis palsu ini, maka kita tetap akan berpegang dengan pandangan yang jelas tidak bertepatan dengan dalil-dalil.

Dari sudut yang lain pula, jika dilihat kepada makna hadis ini ia juga memberikan satu kefahaman yang salah. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Ibn Hazm dalam bukunya *al-Ihkam fi Usul al-Ihkam*. Selepas menerangkan kepaluan hadis ini, beliau menyatakan:

"Kata-kata ini sangat buruk kesannya kerana sekiranya perselisihan itu adalah suatu rahmat, maka kesatuan dan perpaduan adalah suatu azab dan sudah tentu perkara ini tidak pernah dikatakan oleh mana-mana orang Islam sekalipun. Ini kerana, di dunia ini tidak ada lagi lawan bagi perselisihan melainkan kesatuan, begitu juga lawan bagi rahmat adalah azab."

Oleh itu, perselisihan adalah suatu yang tercela dalam agama ini kerana ianya boleh menyebabkan umat ini menjadi lemah. Cuba renung ayat berikut:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ، وَلَا تَنْزَعُوا فَنْفَشُلُوا وَنَذَبَ رِغْنُكُمْ  
وَأَصِرُّوْا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ٤٦

Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); Sesungguhnya Allah berserta orang yang sabar.

(Surah al-Anfal, ayat 46)

## Hadis 17

### Syurga di bawah Tapak Kaki Ibu

الجَنَّةُ تَحْتَ أَقْدَامِ الْأُمَّهَاتِ

"Syurga itu di bawah tapak kaki para ibu."

#### Ulasan Sarjana:

- Ibn Taimiyah berkata: "Lafaz hadis ini tidak ada bukti daripada Rasulullah, tetapi maknanya menunjukkan sifat hormat dan rendah diri kepada para ibu boleh menjadi sebab untuk masuk syurga. Pendapat Ibn Taimiyah ini dicatatkan oleh al-Albani dalam buku *Silsilah Ahadith Dhaifah wa al-Maudhu'a'h*.
- Az-Zahabi menyebut hadis ini dalam *Mizan al-I'tidal* daripada Ibn Abbas secara marfu' iaitu susur galurnya pelapornya sampai kepada Rasulullah. Dalam sanadnya terdapat Musa bin Muhammad bin 'Ata'. Abu Zur'ah dan Abu Hatim mengatakan "Musa bin Muhammad bin 'Ata' adalah pendusta". An-Nasaic berkata: "Dia tidak *thiqah*". Al-Daruqtni berkata: "hadis ini *Matruk* (ditinggalkan hadisnya)". Inilah yang dinukilkhan oleh Ibn Taimiyah dalam buku *al-Ahadith al-Maudhu'a'h*.

### Sekilas Pandang:

Hadis saih yang lain dengan lafaz berbeza serta menceritakan isi kandungan yang sama dengan hadis di atas adalah seperti berikut:

Diceritakan oleh Muawiyah bin Jahimah, bahawa dia datang menemui Nabi Muhammad lalu berkata: "Sesungguhnya aku ingin menyertai peperangan jihad, dan aku datang untuk meminta pendapat kamu." Lalu Nabi Muhammad bertanya: "Adakah kamu masih mempunyai ibu?" Dia menjawab: "Ya". Rasulullah bersabda:

إذْهَبْ فَالْزُّمْهَا، فَإِنَّ الْجَنَّةَ عِنْدَ رِجْلِهِ

"Pergilah dan berbaktiilah kepada ibu kamu, kerana sesungguhnya syurga berada di bawah kedua kakinya."

Hadis ini direkodkan oleh an-Nasaie dan Tabrani dan al-Hakim. Al-Hakim menyatakan ianya saih, dan disokong oleh az-Zahabi dan al-Munziri.

Taat dan berbakti kepada kedua ibu bapa merupakan salah satu daripada ajaran agama yang sangat dituntut. Dalil-dalil yang saih tentang perkara ini sudah pun memadai bagi kita. Sebagai contoh, seperti yang ditegaskan oleh Allah dalam ayat berikut:

وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنَا إِمَّا  
يَتَّلَغَّنَ عِنْدَكُمُ الْكِبَرُ أَهْدُهُمَا أَوْ كَلَّاهُمَا فَلَا تَقْلِيلٌ لَّهُمَا

أَفِي وَلَا نَهَرُهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾ وَأَخْفِضْ  
لَهُمَا جَنَاحَ الْذَّلِيلِ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ أَرْحَمَهُمَا كَمَا رَبَّيْافِ  
صَغِيرِهِمَا ﴿٢٤﴾

Dan Tuhanmu perintahkan supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadanya semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya atau kedua-duanya, sampai ke umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka sebarang perkataan kasar sekalipun perkataan «hah», dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia yang bersopan santun.

Dan hendaklah Engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka dengan berkata): «Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka mengasihi dan mendidikku semasa kecil.

(Surah al-Israk, ayat 23-24)

Dalam ayat lain, Allah memberi pesanan:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَنَ بِوَالِدَيْهِ حُسْنًا

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya.

(Surah al-Ankabut, ayat 8)

Tuntutan berbakti dan taat ini lebih lagi ditekankan terutamanya kepada ibu. Hal ini jelas seperti yang tercatat dalam saranan Rasulullah kepada sahabatnya:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- فَقَالَ مَنْ أَحَقُّ النَّاسِ بِحُسْنِ صَحَابَتِي قَالَ «أُمُّكَ». قَالَ ثُمَّ مَنْ قَالَ «ثُمَّ أُمُّكَ». قَالَ ثُمَّ مَنْ قَالَ «ثُمَّ أُمُّكَ». قَالَ ثُمَّ مَنْ قَالَ «ثُمَّ أُبُوكَ» . (متفق عليه)

Abu Hurairah berkata: "Datang seorang lelaki kepada Rasulullah lalu bertanya: "Wahai Rasulullah, siapakah yang perlu aku berikan bakti yang lebih?". Rasulullah menjawab: "Ibu kamu". Lelaki itu bertanya lagi: "Kemudian siapa?". Rasulullah menjawab: "Ibu kamu". Lelaki itu bertanya lagi: "Kemudian siapa?". Rasulullah menjawab: "Ibu kamu". Lelaki itu bertanya lagi: "Kemudian siapa?". Rasulullah menjawab: "Bapa kamu".

(Direkodkan oleh Bukhari dan Muslim)

Demikianlah beberapa contoh dalil-dalil sahih yang menunjukkan kewajipan taat dan berbakti kepada ibu bapa. Dalil-dalil yang sahih ini sudah memadai untuk digunakan sebagai peringatan untuk kita semua.

### Hadis 18

#### Siapa yang Kenal Dirinya, Maka Dia Kenal Tuhan-Nya

مَنْ عَرَفَ نَفْسَهُ فَقَدْ عَرَفَ رَبَّهُ

"Sesiapa yang kenal dirinya, maka dia mengenali tuhaninya."

#### Ulasan Sarjana

Ramai sarjana hadis yang memberi ulasan tentang kedudukan hadis ini berdasarkan kajian yang sudah dilakukan. Pendapat para sarjana ini direkodkan oleh Syeikh Ali al-Qari dalam buku *al-Masnu' fi Ma'rifat al-Hadith al-Maudhu'*, al-Jarrahi dalam buku *Kashf al-Khafa'* dan al-Albani dalam *Silsilah Ahadith al-Daifah wa al-Maudhuat*. Antara yang dicatatkan ialah:

- Ibn Taimiyah menyatakan hadis ini adalah palsu.
- Nawawi menyatakan hadis ini tidak *thabit* iaitu tidak pasti daripada perkataan Rasulullah.
- Syeikh Abu al-Muzaffar al-San'ani menyatakan ia bukan daripada Rasulullah.
- As-Suyuti berkata hadis ini tidak sahih.

- Al-Fairuz Abadi menyatakan ia bukan daripada hadis Nabi Muhammad namun ia sebenarnya diambil daripada Israiliyyat.
- Al-Albani memasukkan hadis ini dalam senarai hadis palsu dalam bukunya *Silsilah Ahadith al-Dhaifah wa al-Muadhuat*.

Menurut Syeikh Abd al-Rahman Abd al-Khalik dalam bukunya *Athar al-Ahadith al-Daifah wa al-Maudhu'a h fi al-'Aqidah* (Kesan Hadis daif dan MAUDU' Terhadap Akidah):

Hadis ini merupakan salah satu sandaran utama ahli-Sufi yang mempercayai konsep *Wahdatul Wujud* yang mengatakan Hanya Allah sahaja Tuhan di dunia ini. Makhluk-makhluk yang ada hanyalah manifestasi dari keagungan-Nya sahaja.

Manusia adalah manifestasi dan bahan tajjali Allah yang terzahir menurut tafsiran yang sering digunakan oleh mereka. Makna "sesiapa yang mengenal dirinya, sesungguhnya dia mengenal tuhannya" di sisi ahli-Sufi yang menyimpang membawa maksud: "Orang yang mengenal siapa dirinya, sesungguhnya ia pasti mengetahui yang dirinya itu adalah Allah" iaitu salah satu gambaran dari gambaran Allah.

Aspek ini begitu menonjol dalam akidah mereka yang batil. Sehubungan dengan itu, ada di antara mereka yang mengatakan: "Maha suci saya" dan "tidak ada di dalam jubahku melainkan Allah".

Ada juga yang mengatakan: "Aku adalah Dia dan Dia adalah aku. Kami adalah dua roh yang menghuni satu badan".

Ini sebenarnya satu bentuk akidah yang kufur yang langsung tidak pernah dinyatakan oleh orang Yahudi maupun Kristian, bahkan kedua golongan ini menjadi kafir disebabkan sedikit sahaja kegelinciran yang dilakukan oleh mereka.

Orang Yahudi misalnya, menisbahkan Uzair kepada Allah, manakala orang Kristian menisbahkan Isa kepada Allah atau mereka mengatakan Isa itu salah satu dari tiga tuhan. Sebaliknya ahli-Sufi yang berfahaman Wahdatul Wujud ini mengingkari Allah secara keseluruhannya. Mereka menjadikan Allah itu sebagai zat makhluknya sendiri. Maha Tinggi Allah dari apa yang mereka sifatkan."

### **Sekilas Pandang**

Apa yang sudah ditunjukkan oleh Rasulullah dalam dakwah beliau adalah dengan mengajar para sahabat supaya mengenali Allah terlebih dahulu. Mengenali Allah ialah dengan memahami konsep tauhid yang sebenarnya. Kerana itulah, Nabi Muhammad semasa permulaan dakwah beliau di Mekah selama 13 tahun sangat menekankan asas tauhid ini.

Kaum musyrikin ketika itu sudah diajak agar membuang segala unsur syirik dan kemudian dibina di atas keruntuhan syirik ini atas tauhid yang kukuh.

Bagaimana cara untuk mengenali Allah? Tiada cara lain yang lebih utama selain daripada kita memantapkan kefahaman tauhid kita. Oleh itu, memahami konsep tiga pembahagian tauhid iaitu tauhid Rububiyyah, Uluhiyah dan Asma' wa Sifat adalah paksinya. Dengan cara itu, kita akan dapat mengenali, memelihara serta menunaikan segala hak-hak Allah Azza wa Jalla.

Sememangnya pembahagian tauhid secara khusus kepada tiga pembahagian ini tidak pernah disebut oleh Rasulullah. Namun, para sarjana akidah yang mengkaji dalil-dalil berkaitan akidah sama ada melalui al-Quran dan hadis mendapati ianya merangkumi tiga jenis ini.

Isi kandungan tiga pembahagian tauhid inilah yang diajarkan oleh Rasulullah. Oleh itu, pembahagian ini dibuat supaya cara pemahaman kita kepada konsep akidah yang sebenar lebih mudah untuk difahami.

## Hadis 19

### Menghidupkan Malam Israk Mikraj

Menghidupkan malam ke-27 Rejab dan dinamakan dengan malam Israk dan Mikraj.

Semua hadis yang menyebut secara khusus bahawa peristiwa Israk dan Mikraj berlaku pada malam 27 Rejab dan hadis yang menyebut tentang kelebihan menghidupkan malam ini adalah tidak sahih. Ianya sama ada berada di tahap daif ataupun *maudu'*.

### Ulasan Sarjana

Abdullah bin Abd al-Aziz bin Baz atau dikenali dengan nama Ibn Baz dalam buku *al-Tahzir min al-Bida'* berkata:

"Dan malam ini yang dikatakan berlaku padanya peristiwa Israk dan Mikraj, tidak ada satu hadis sahih pun yang menyebut tentang tarikh peristiwa ini secara khusus. Menurut para sarjana hadis, semua pendapat yang menyebut tentang tarikh berlakunya peristiwa ini secara khusus adalah tidak benar daripada Rasulullah dan kepada Allah jualah diserahkan segala hikmah di sebalik kerahsiaan ini kepada manusia."

Syeikh Ibn Baz menyambung lagi:

"Jika sekiranya terdapat hadis sahih yang menjelaskan tentang perkara ini, tetap juga tidak dibenarkan umat Islam menghidupkan malam ini dengan amalan-amalan

yang khusus serta tidak harus menghidupkannya dengan sebarang perayaan kerana Rasulullah dan para sahabat tidak pernah merayakannya dan tidak melakukan sebarang amalan yang khusus.

Sekiranya amalan menghidupkan atau merayakan malam ke-27 ini disyariatkhan, semestinya Rasulullah akan menunjukkan panduannya sama ada dengan kata-kata atau perbuatan. Sekiranya amalan ini pernah dilakukan oleh beliau, semestinya akan diketahui dan popular serta akan disampaikan oleh para sahabat kepada kita.”

### Sekilas Pandang

Sememangnya tidak dapat dinafikan peristiwa Israk dan Mikraj merupakan salah satu daripada peristiwa besar dan penting di dalam sejarah Islam. Ia menjadi bukti kebesaran Allah dan kebenaran Nabi Muhammad serta risalah yang dibawa oleh beliau.

Tersebar luas dikalangan umat Islam yang menganggap peristiwa agung ini berlaku pada malam ke-27 pada bulan Rejab. Maka sebahagian umat Islam menyambut dan menghidupkan malam ini dengan amalan-amalan yang khusus dengan mengharapkan kelebihan-kelebihan tertentu. Malangnya, tidak ada dalil sahih yang menyebut bahawa Israk dan Mikraj berlaku pada 27 Rejab serta tidak ada juga hadis sahih yang menyebut tentang kelebihan khusus menghidupkan malam ini.

Apa yang penting, peristiwa Israk dan Mikraj adalah suatu kisah benar. Sesiapa yang mengingkarinya, maka ianya akan menjadikan kesempurnaan akidah seseorang itu. Cuma kita tidak diberitahu secara jelas berdasarkan dalil sahih bila ia berlaku kerana kurang penting dan bermanfaat untuk kita. Sepatutnya, apa yang lebih penting dan diutamakan adalah kandungan peristiwa tersebut. Antaranya ialah kefarduan solat lima waktu.

Kerana itu apabila al-Quran menerangkan peristiwa agung ini, tidak dinyatakan bila ia berlaku. Antaranya Allah menyatakan:

سُبْحَنَ اللَّهِ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيَلَّا مِنَ الْمَسَاجِدِ الْحَرَامِ  
إِلَى الْمَسَاجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَّكَنَا حَوْلَهُ لِرُبِّهِ، مِنْ عَابِرِنَا إِنَّهُ  
هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾

*Maha suci Allah yang sudah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid al-Haram (di Makkah) ke Masjid al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah Yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.*

(Surah al-Israk, ayat 1)

## Hadis 20

### Rejab Bulan Allah

رَجَبُ شَهْرُ اللَّهِ وَشَعْبَانُ شَهْرِيْ وَرَمَضَانُ شَهْرُ أُمَّتِيْ

"Rejab adalah bulan Allah, Sya'ban adalah bulanku dan Ramadan adalah bulan umatku."

### Ulasan Sarjana

- Ibn Qayyim al-Jauziyah dalam buku *al-Manar al-Munif* menyatakan hadis ini adalah palsu dan direka oleh Ibn Jahdham. Menurut az-Zahabi dalam buku *Mizan al-I'tidal*, Ibn Jahdham ini ialah Ali bin Abdullah bin Jahdham al-Zahid.

Meninggal dunia pada tahun 414H. Beliau adalah seorang guru sufi di Mekah. Beliau juga sudah dituduh membuat hadis palsu mengenai solat al-Raghaib (iaitu solat pada malam hari Jumaat pertama bulan Rejab).

- Hadis ini juga sudah disebut oleh Ibn al-Jauzi dalam bukunya *al-Maudhu'at*.

Seterusnya Ibn al-Jauzi menyatakan:

"Hadis ini adalah maudu' dan dusta ke atas Rasulullah. Padanya terdapat seorang rawi yang

bernama Ibn Jahdham yang terkenal dengan dusta dan aku mendengar guruku Abd al-Wahab berkata: "Para pelapornya majhul (tidak dikenali) dan sudah disemak tentang peribadi mereka ini di dalam semua kitab tetapi tidak ku temui tentang mereka."

- As-Syaukani juga menyebut dalam bukunya *al-Fawa'id al-Majmu'ah fi al-Ahadith al-Maudhu'ah*: "Hadis ini adalah maudu' dan pelapornya adalah majhul (tidak dikenali) dan solat Raghaib yang masyhur ini sudah sepakat para ulamak ia adalah maudu'."

### Sekilas Pandang

Hadis ini biasa kita dengar apabila masuk bulan Rejab sehingga tibanya Ramadan. Ia dibaca dan disiarkan untuk menyatakan kelebihan ketiga-tiga bulan tersebut. Malangnya hadis yang popular ini adalah palsu. Sememangnya bulan Rejab, Sya'ban dan Ramadan ini mempunyai kelebihannya yang tersendiri berdasarkan hadis sahih yang lain. Antaranya ialah:

Daripada Usamah bin Zaid berkata: Aku berkata kepada Rasulullah: "Wahai Rasulullah! Aku tidak pernah melihat engkau berpuasa sunat dalam bulan-bulan lain seperti engkau berpuasa pada bulan Sya'ban".

Lalu Rasulullah berkata: "Bulan ini adalah bulan yang sering diabaikan oleh manusia iaitu bulan di antara Rejab dan Ramadan dan ia adalah bulan di mana segala

amalan akan diangkat mengadap Tuhan semesta alam dan aku suka amalanku diangkat ketika aku berpuasa."

(Hadis direkodkan oleh Ahmad, Nasa'ie dan disahihkan oleh Ibn Khuzaimah dalam Sahihnya, al-Munziri di dalam Sahih al-Jami' dan al-Albani di dalam Silsilah al-Sahihah)

Contoh hadis saih yang menyebut tentang kelebihan bulan Ramadan pula ialah:

"Apabila datangnya Ramadan akan dibuka pintu-pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka dan dibelenggu syaitan-syaitan."

(Direkodkan oleh Bukhari dan Muslim)

## Hadis 21

### Kelebihan Membaca Surah Yasin

مَنْ قَرَأَ يَسِّيرِيْدُ بِهَا اللَّهُ غَفَرَ اللَّهُ لَهُ وَأَعْطَى مِنَ الْأَجْرِ كَائِنًا  
قَرَأَ الْقُرْآنَ اثْتَنِيْعَشْرَةَ مَرَّةً. وَأَيْمَا مَرِيضٌ قَرَأَ عِنْدَهُ سُورَةَ  
يَسِّيرِيْ نَزَلَ عَلَيْهِ بَعْدَ كُلِّ حُرْفٍ عَشْرَةَ أَمْلَاكٍ يَقُولُونَ يَبْيَنُ  
يَدِيهِ صُفُوفًا فَيُصَلُّونَ وَيَسْتَغْفِرُونَ لَهُ وَيَشْهِدُونَ قَبْضَهُ  
وَغَسلَهُ وَيَتَّبِعُونَ جَنَازَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَيْهِ وَيَشْهِدُونَ دَفْنَهُ.  
وَأَيْمَا مَرِيضٌ قَرَأَ سُورَةَ يَسِّيرِيْ وَهُوَ فِي سَكَرَاتِ الْمَوْتِ لَمْ  
يَقْبِضْ مَلِكُ الْمَوْتِ رُوحَهُ حَتَّى يَجِيئَهُ رَضْوَانُ خَازِنُ  
الْجَنَانَ بِشُرْبَةٍ مِّنَ الْجَنَّةِ فَيَشْرِبُهَا وَهُوَ عَلَى فِرَاشِهِ فَيَمُوتُ  
وَهُوَ رِيَانٌ وَلَا يَحْتَاجُ إِلَى حَوْضٍ مِّنْ حِيَاضِ الْأَنْبِيَاءِ حَتَّى  
يَدْخُلُ الْجَنَّةَ وَهُوَ رِيَانٌ

"Sesiapa yang membaca Yasin dan dia niatkan kerana Allah Azza wa Jalla, Allah akan mengampunkannya dan akan dikurniakan kepadanya ganjaran seperti membaca al-Quran sebanyak 12 kali, dan setiap Muslim yang dibaca di sisinya surah Yasin ketika Malaikat Maut turun kepadanya, akan turun pula daripada setiap huruf daripada surah Yasin itu sepuluh Malaikat yang akan berdiri di sisinya, mereka akan solat dan memohon ampun baginya, mereka menyaksikannya ketika dia

dimandikan, mereka akan turut mengiringi jenazah dan bersembahyang ke atasnya, dan kemudiannya menyaksikan pengebumiannya, dan mana-mana Muslim yang membaca Yasin dan dia sedang menghadapi sakaratul maut, maka Malaikat Maut tidak akan mencabut roh sehingga datang kepadanya malaikat Ridhwan, penjaga syurga dengan minuman daripada minuman syurga, dan dia minum di atas katilnya.

Maka Malaikat Maut pun mencabut rohnya dan dia dalam keadaan kenyang (penuh selesa kerana hilang dahaga selepas minum minuman tersebut), dia berada di dalam kubur dalam keadaan kenyang, dibangkitkan pada hari Kiamat dalam keadaan kenyang, dia tidak perlu lagi kepada minuman telaga daripada telaga-telaga para anbiya' sehingga dia akan masuk ke dalam syurga dan dia dalam keadaan puas menikmati minuman."

### Ulasan Sarjana

- Dalam sanad hadis ini terdapat seorang pelapor bernama Makhlad bin Abd al-Wahid. Az-Zahabi berkata dalam Mizan al-I'tidal ketika menyebut tentang Makhlad bin Abd al-Wahid:

"Dan melaporkan daripadanya Syababah ibn Suwar, daripada Ibn Jad'an, dan daripada 'Ata' bin Abi Maimunah daripada Zur bin Hubaish, daripada Ubai bin Ka 'ab, daripada Rasulullah dengan hadis panjang yang batil tentang kelebihan surah-surah, dan aku tidak tahu siapa yang menciptanya kalau bukan Makhlad yang sudah menciptakannya."

- Al-Albani dalam *Silsilah Ahadith al-Dhai'fah wa al-Maudhu'a'h* menyatakan hadis ini adalah palsu dan tanda-tanda kepalsuannya sangat jelas.
- Selain daripada kecacatan yang terdapat pada sanad hadis ini, teks kandungannya yang menjanjikan balasan yang terlalu melampau bagi amalan yang sedikit, juga jelas membuktikan bahawa hadis ini adalah palsu.

Kaedah ini seperti mana yang sudah digariskan oleh Ibn Qayyim al-Jauziyah di dalam *al-Manar al-Munif*. Namun begitu, ganjaran bagi sesetengah amalan yang dijanjikan oleh al-Quran atau dari Nabi Muhammad dalam hadisnya yang sahih dikecualikan daripada kaedah ini. Contohnya seperti hadis tentang ganjaran beramal pada Lailat al-Qadar.

Hadis palsu lain yang menyebut tentang kelebihan membaca surah Yasin,

"Sesiapa yang membaca surah Yasin pada waktu malam, maka dia akan bangun pada paginya dalam keadaan diampunkan dosanya, dan sesiapa yang membaca surah al-Dukhan pada malam Jumaat, dia akan bangun pada paginya dalam keadaan diampunkan."

### **Ulasan ulama**

- Hadis ini dicatat oleh Ibn al-Jauzi dalam bukunya *al-Maudhu'a t*, katanya: "Keseluruhan sumber hadis adalah batil dan tidak ada asal sumbernya."
- Ad-Daruqutni pula berkata:

"Muhammad bin Zakaria (pelapor yang terdapat dalam sanad hadis tersebut) adalah seorang yang memalsukan hadis."

### **Sekilas Pandang:**

Surah Yasin memang terlalu sinonim dengan masyarakat Melayu di nusantara ini. Ketika seseorang ditimpak saki, dibaca surah Yasin. Ketika sedang nazak, selepas meninggal dunia, selepas dikebumikan, dibacakan surah Yasin di atas kubur.

Pada malam-malam kenduri arwah juga, dibacakan lagi surah Yasin. Itu termasuk semasa majlis kenduri ketika seseorang itu hendak pergi menunaikan haji, sebelum anak-anak menduduki peperiksaan yang besar, ketika berlaku gangguan jin, dan ketika masuk rumah baru, dibacakan surah Yasin. Pendek kata, surah Yasin dan masyarakat Melayu ini seakan-akan tidak dapat dipisahkan.

Kenapa keadaan ini berlaku? Kemungkinan salah satu sebabnya adalah tersebarnya hadis palsu yang menyebut tentang ganjaran dan kelebihan surah Yasin ini. Antaranya ialah hadis palsu seperti yang disebutkan di atas.

Timbul persoalan, apakah salah membaca surah Yasin? Tentu tidak salah, kerana surah Yasin adalah salah satu daripada surah-surah al-Quran. Kita memang digalakkan untuk membaca al-Quran. Namun, yang salahnya ialah apabila kita menetapkan bacaan surah-surah tertentu pada majlis-majlis tertentu dengan kepercayaan ianya mempunyai kelebihan-kelebihan tertentu. Sedangkan perkara tersebut tidak bersandarkan dalil yang sahih.

Tidak dinafikan, memang ada surah dan ayat tertentu yang dijanjikan kelebihan khusus antaranya ialah:

Abu Said al-Khudri menceritakan bahawa Rasulullah pernah menerangkan tentang kelebihan surah al-Ikhlas, katanya:

"Demi diriku yang berada ditangan-Nya, sesungguhnya surah tersebut menyamai sepertiga al-Quran."

(Direkodkan oleh Bukhari)

Abu Said Rafi' bin al-Mua'lla juga menceritakan bahawa Rasulullah pernah bertanya kepadanya: "Mahukah kamu jika aku ajarkan kepadamu surah yang paling utama dalam al-Quran, sebelum kamu keluar dari masjid?

Lalu, beliau memegang tanganku, dan ketika kami hendak keluar, aku bertanya kepada Rasulullah: "Wahai Rasulullah, engkau berkata akan mengajarkan surah yang paling utama dalam al-Quran?". Rasulullah berkata: "Alhamdulillahhi rabbil 'alamin iaitu surah al-Fatihah, ia adalah tujuh ayat yang diulang-ulang dan al-Quran yang mulia yang dikurniakan kepadaku."

(Direkodkan oleh Bukhari)

## Hadis 22

### Yasin Hati Al-Quran

إِنَّ لِكُلِّ شَيْءٍ قُلْبًا، وَإِنَّ قُلْبَ الْقُرْآنِ «يَسٌ»، مَنْ قَرَأَهَا  
فَكَانَمَا قَرَأَ الْقُرْآنَ عَشْرَ مَرَاتٍ

"Sesungguhnya bagi sesetiap suatu itu mempunyai hati dan hati al-Quran adalah Yasin. Siapa yang membaca Yasin akan dicatatkan oleh Allah baginya dengan bacaan tersebut seperti membaca al-Quran sebanyak sepuluh kali."

Hadis ini disampaikan oleh Tirmizi dalam al-Jami' daripada Anas bin Malik. Rangkaian sanad keseluruhannya ialah:

Tirmizi menceritakan kepada kami iaitu Qutaibah dan Sufian bin Waki', mereka berkata Humaid bin Abd al-Rahman al-Ruasi menceritakan kepada kami, daripada al-Hasan ibn Saleh, daripada Harun Abu Muhammad, daripada Muqatil bin Hayyan, daripada Qatadah, daripada Anas. Kemudian Tirmizi berkata:

"Terdapat keraguan pada hadis ini. Kami tidak mengetahuinya melainkan daripada Humaid bin Abd al-Rahman dan tidak diketahui hadis ini daripada Qatadah di Basrah kecuali melalui sumber ini, dan

Harun Abu Muhammad adalah seorang yang majhul (tidak diketahui latar belakangnya)."

### **Ulasan Sarjana**

- Ibn Abi Hatim di dalam *Ilal al-Hadith* menyebut beliau pernah bertanya ayahnya tentang hadis Anas ini, maka ayahnya berkata:

"Muqatil tersebut adalah Muqatil bin Sulaiman. Aku sudah melihat hadis ini pada awal kitab yang direka oleh Muqatil bin Sulaiman dan ini adalah hadis yang batil dan tidak ada asal sumbernya."
- Menurut az-Zahabi dalam *Mizan al-I'tidal*, Muqatil dalam sanad hadis bukanlah Ibn Hayyan, tetapi sebenarnya ialah Muqatil bin Sulaiman. Ini juga seperti dinyatakan oleh Abu Hatim. Berdasarkan sanad, hadis ini adalah palsu kerana menurut Waki', Muqatil bin Sulaiman adalah seorang pendusta.
- Ibn al-'Arabi di dalam *A'ridhat al-Ahwazi* menyatakan:

"Hadisnya daif (yakni tentang surah Yasin) dan tidak diterima. Bagi kebanyakkan orang, mereka mempunyai pelbagai pandangan, riwayat dan huraianya, dan semua itu tidak ada asal sumbernya. Abu Daud juga sudah melaporkan hadis 'Bacalah Yasin ke atas mereka yang hampir mati' dan ia tidak sahih".

- Al-Albani dalam *Silsilah Ahadith al-Dhaifah wa al-Maudhu'a'h* menyatakan hadis ini palsu.

Bagi mereka yang berkemampuan dan inginkan penjelasan yang lebih mendalam, boleh merujuk buku karangan Muhamad 'Amru bin Abd al-Latif: "*Hadith: Qalbu al-Quran Yasin fi al-Mizan wa jumlat mimma ruwiya fi fadhligha*" terbitan Maktabah al-Tarbiyah al-Islamiyah, Mesir.

### **Sekilas Pandang:**

Mungkin ada orang akan berkata: "Apa salahnya membaca Yasin pada malam Jumaat? Bukankah Yasin juga ayat al-Quran?". Katakan pada mereka: "Ya, memang tidak salah membaca Yasin pada malam Jumaat, kerana Yasin juga ayat al-Quran. Ia boleh dibaca pada bila-bila masa sahaja, tetapi, kenapa mesti hanya surah Yasin? Al-Quran bukan surah Yasin sahaja. Kenapa mesti hanya pada malam Jumaat? Boleh atau tidak dibaca pada malam-malam lain?"

Jadi, apa yang tidak tepatnya ialah apabila amalan ini dikhususkan dengan dinyatakan kelebihan-kelebihan khusus. Siapakah yang menetapkan bahawa malam Jumaat mesti baca Yasin? Siapakah yang menjanjikan kelebihan khusus kepada mereka yang membaca Yasin pada malam Jumaat?

Oleh itu, surah Yasin boleh dibaca pada bila-bila masa saja sama seperti kita membaca surah-surah lain. Pada malam Jumaat pula boleh dibaca apa-apa surah sahaja mengikut pilihan kita, tanpa dikhuluskan surah Yasin semata-mata.

Namun begitu, terdapat beberapa surah yang disebutkan kelebihannya secara khusus dalam hadis-hadis yang sahih. Antaranya ialah:

مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْكَهْفِ فِي يَوْمِ الْجُمُعَةِ أَضَاءَ لَهُ مِنَ النُّورِ  
مَا بَيْنَ الْجُمُعَتَيْنِ

*"Siapa yang membaca surah al-Kahfi pada hari Jumaat, dia akan diterangi cahaya di antara dua hari Jumaat."*

(Direkodkan oleh al-Nasai dan al-Baihaqi. Hadis ini dinilai sahih oleh al-Albani)

Dalam hadis lain yang direkodkan oleh ad-Darimi:

مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْكَهْفِ لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ أَضَاءَ لَهُ مِنَ النُّورِ مَا  
بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْبَيْتِ الْعَتِيقِ

*"Siapa yang membaca surah al-Kahfi pada malam Jumaat, dia akan diterangi cahaya di antara dirinya dan Bait al-'Atiq."*

Jadi, berdasarkan hadis ini, kita digalakkan untuk membaca surah al-Kahfi pada malam atau hari Jumaat dan ianya dijanjikan dengan kelebihan yang khusus.

Berbeza dengan amalan membaca Yasin pada malam Jumaat, tidak ada dalil saih yang menjanjikan kelebihan khusus bagi amalan tersebut.

Dalam hadis lain, disebutkan lagi kelebihan tersendiri yang terdapat dalam surah al-Kahfi iaitu:

مَنْ حَفِظَ عَشْرَ آيَاتٍ مِنْ أَوَّلِ سُورَةِ الْكَهْفِ، عُصِمَ مِنَ  
الْدُّجَالِ

*"Siapa yang menghafal sepuluh ayat awal surah al-Kahfi, dia akan terpelihara daripada dajjal."*

Antara surah lain yang dinyatakan kelebihannya yang tersendiri ialah surah al-Baqarah, iaitu dua ayat terakhir:

مَنْ قَرَأَ بِالْآيَتَيْنِ مِنْ آخِرِ سُورَةِ الْبَقَرَةِ فِي لَيْلَةِ كَفَّاهِ

*"Siapa yang membaca dua ayat terakhir dari surah al-Baqarah pada satu malam, maka sudah cukup baginya."*

(Direkodkan oleh Bukhari dan Muslim)

## Hadis 23

### Cintakan Negara

حُبُّ الْوَطَنِ مِنِ الْإِيمَانِ

"Cintakan negara adalah sebahagian daripada iman"

### Ulasan Sarjana

- Ibn al-Jauzi dalam bukunya *al-Maudhu'a't* menukilkan pendapat as-Shaghani yang berkata hadis ini adalah palsu.
- Mulla al-Qari dalam *al-Masnu' fi Ma'rifat Hadith al-Maudhu'* menyatakan hadis ini tidak ada asal usulnya di sisi para sarjana hadis.

### Sekilas Pandang

Hadis ini biasa kita dengar ketika disampaikan oleh para penceramah semasa menyambut hari kemerdekaan negara. Apabila masuknya bulan kemerdekaan, para penceramah pun dijemput untuk menyampaikan ceramah tentang kemerdekaan dari perspektif Islam.

Ceramah tidak salah, tetapi, yang salahnya adalah apabila hadis ini dibaca dan disebarluaskan dengan niat menjadikan sambutan kemerdekaan ini dapat diselitkan dengan unsur-unsur Islami.

Islam memang tidak pernah menyuruh kita membenci negara. Malah, cintakan negara juga tidak menyalahi syariat Islam. Tetapi apabila kita cintakan negara, ia tidak cukup sekadar dilafazkan di bibir semata-mata. Cintakan negara mestilah dibuktikan dengan kita memakmurkan negara dan mentadbir negara kita dengan cara yang ditetapkan oleh syariat Islam.

Namun begitu, jika perasaan cintakan negara ini diletakkan di tempat yang paling tinggi, ia tidak bertepatan dengan syariat. Sekiranya cintakan negara berada di tempat tertinggi, seseorang itu akan berjuang demi mempertahankan negaranya semata-mata.

Sedangkan sebagai orang beriman, kita diminta berjuang mempertahankan negara demi membela agama dan memelihara akidah. Inilah yang membezakan orang beriman dengan orang kafir. Orang kafir juga mempunyai perasaan cintakan tanah air mereka seperti yang digambarkan oleh Allah dalam ayat berikut:

وَلَوْ أَنَا كَنَبَّا عَلَيْهِمْ أَنْ أَفْتَلُوا أَنفُسَكُمْ أَوْ أَخْرُجُوا مِنْ دِيْرِكُمْ مَا فَعَلُوا إِلَّا قَلِيلٌ مِّنْهُمْ

Dan sesungguhnya kalau Kami wajibkan kepada mereka (dengan perintah): "Bunuhlah diri kamu sendiri, atau keluarlah dari tempat kediaman kamu," nescaya mereka tidak akan melakukannya, kecuali sedikit di antara mereka.

(Surah an-Nisaak, ayat 66)

Kata Muhammad bin Soleh al-'Uthaimin dalam *Syarah Riyadhu al-Salihin*:

"Seseorang yang berperang hanya untuk membela negerinya sahaja, maka dia bukanlah syahid. Kewajipan kita sebagai muslim dan tinggal di dalam negara Islam adalah berperang demi Islam yang ada di dalam negara kita.

Perhatikanlah dengan baik perbezaan ini. Kita berperang kerana Islam yang ada di negara kita. Jika sekadar kerana negara sahaja, maka ia adalah niat yang batil dan tidak berfaedah baginya. Manakala ungkapan yang dianggap hadis iaitu "Cintakan negara sebahagian daripada iman", ia adalah dusta."

## Hadis 24

### Bekerja Untuk Dunia

أَعْمَلُ لِدُنْيَاكَ كَأَنَّكَ تَعِيشُ أَبْدًا، وَأَعْمَلُ لِآخِرَتِكَ كَأَنَّكَ تَمُوتُ غَدًا

"Bekerjalah untuk duniamu seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya dan beramallah untuk akhiratmu, seolah-olah kamu kamu akan mati esoknya."

### Ulasan Sarjana

Al-Albani dalam *Silsilah Ahadith al-Dhaifah wa al-Maudhu'ah* berkata:

"Tidak ada asal usul bagi hadis ini bahawa ia daripada Rasulullah, walaupun ianya masyhur dikalangan manusia pada zaman ini."

### Sekilas Pandang

Secara umumnya, isi kandungan hadis ini adalah benar. Apa yang ingin disampaikan ialah supaya kita tekun dan bersungguh-sungguh dalam melakukan urusan kerja di dunia. Begitu juga kita memperbanyakkan ibadah dan amal sebagai bekalan di akhirat seolah-olah kita akan mati pada esok hari. Jadi, ia menganjurkan kehidupan yang seimbang di antara dunia dan akhirat. Bekerja di dunia tanpa melupakan urusan akhirat.

Walaupun isi kandungan hadis palsu ini betul dan baik, tetapi ia tetap juga salah apabila disandarkan kepada Rasulullah. Jika ini dilakukan, ia juga termasuk di dalam perbuatan melakukan pendustaan kepada Nabi Muhammad, kerana kita menisahkan kepada beliau suatu yang tidak diucapkan atau dilakukan olehnya.

Ada satu konsep yang perlu kita ingat iaitu setiap apa yang diucapkan oleh Rasulullah itu semestinya benar, tetapi bukanlah setiap yang benar itu, diucapkan oleh Rasulullah. Contoh yang mudah iaitu kita mengatakan Kuala Lumpur terletak di negara Malaysia. Ini memang benar, tetapi ia tidak pernah diucapkan oleh Rasulullah.

Islam menggalakkan kita supaya memakmurkan dunia ini dengan aktiviti yang bermanfaat. Islam juga tidak menghalang kita daripada mencari dan menikmati harta kekayaan dunia.

Tetapi kesenangan dan kenikmatan dunia yang dicari ini jangan sampai membuatkan kita lupa akan kematian yang pasti akan kunjung tiba, sama ada kita bersedia ataupun masih alpa. Kehidupan pula bukan hanya berakhir dengan kematian, tetapi ia adalah babak pemisah antara kehidupan dunia dan hari pembalasan.

Hayati peringatan Allah ini:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَتَقْوُ اللَّهَ وَلَا تَنْظُرْ نَفْسًا مَا قَدَّمَتْ لِغَدٍ  
وَأَتَقْوُ اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ حَيٌّ بِمَا تَعْمَلُونَ

18

*Wahai orang yang beriman!, bertaqwalah kepada Allah dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan larangan-Nya. Hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang dia sudah sediakan daripada amal-amalnya untuk hari esok (hari Akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan) bertaqwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah amat meliputi pengetahuannya akan segala yang kamu kerjakan.*

(Surah al-Hasyr, ayat 18)

## Hadis 25

### Kelebihan Solat Dhuha

مَنْ دَأَوْمَ عَلَى صَلَاةِ الضَّحَى وَلَمْ يَقْطُعْهَا إِلَّا مِنْ عِلْمٍ  
كُثُرَ أَنَا وَهُوَ فِي الْجَنَّةِ فِي زُورَقٍ مِنْ نُورٍ فِي بَحْرٍ مِنْ  
نُورٍ حَتَّى نُزُورُ رَبِّ الْعَالَمِينَ

"Siapa yang selalu menunaikan solat dhuha dan tidak meninggalkannya kecuali jika ada keuzuran, maka (ganjarannya) aku dan dia akan berada di dalam syurga dalam sebuah perahu daripada cahaya, yang berada di dalam laut daripada cahaya hingga kami dapat menziarahi Tuhan sekalian alam."

### Ulasan Sarjana

- Ibn 'Arraq al-Kannani dalam buku *Tanzih al-Syariah* menyatakan dalam sanad hadis ini terdapat rawi bernama Zakaria bin Duwaid al-Kindi dan dia adalah seorang pendusta. Ibn Hibban berkata: "Dia seorang yang memalsukan hadis".

### Sekilas Pandang

Solat dhuha merupakan salah satu solat sunat yang sangat dituntut. Namun, menggunakan hadis palsu tentang solat dhuha dengan tujuan menggalakkan orang ramai melakukannya adalah dilarang. Apa yang sudah disebutkan dalam hadis sahih sudah memadai.

Abu Zar menceritakan bahawa Nabi Muhammad berkata:

«يُضْبَغُ عَلَى كُلِّ سَلَامٍ مِنْ أَحَدِكُمْ صَدَقَةً فَكُلُّ تَسْبِيحَةٍ صَدَقَةٌ وَكُلُّ تَحْمِيدَةٍ صَدَقَةٌ وَكُلُّ تَهْلِيلَةٍ صَدَقَةٌ وَكُلُّ تَكْبِيرَةٍ صَدَقَةٌ وَأَمْرٌ بِالْمَعْرُوفِ صَدَقَةٌ وَنَهْيٌ عَنِ الْمُنْكَرِ صَدَقَةٌ وَيُجْزِيُ مِنْ ذَلِكَ رَكْعَتَانِ يَرْكَعُهُمَا مِنَ الضَّحَى»

"Setiap sendi-sendi kamu itu ada sedekah yang perlu kamu berikan pada setiap pagi. Setiap tasbih adalah sedekah, setiap tahmid adalah sedekah, setiap tahlil (*La ilaha illa Allah*) adalah sedekah, setiap takbir adalah sedekah, menyeri kepada kebaikan adalah sedekah dan mencegah kemungkar juga adalah sedekah. Semua ini memadai dengan hanya melakukan 2 rakaat daripada solat dhuha."

(Direkodkan oleh Muslim)

Dalam hadis lain, Abu Hurairah menyatakan:

"Kekasihku iaitu Nabi Muhammad berpesan kepadaku supaya berpuasa tiga hari pada setiap bulan, tunaikan dua rakaat solat dhuha dan tunaikan solat witir sebelum aku tidur."

(Direkodkan oleh Bukhari dan Muslim)

Dalam hadis lain, Abu Hurairah menceritakan bahawa Rasulullah berkata:

"Orang yang kembali taat kepada Allah itu menjaga solat dhuha". Beliau berkata lagi: "Dan itulah solat orang yang kembali bertaubat dan taat (awwabin)"

(Hadis hasan, direkodkan oleh Ibn Khuzaimah dan al-Hakim)

Berdasarkan hadis ini, solat awabin yang sebenarnya ialah solat dhuha itu sendiri. Pendapat yang menyatakan solat awabin ialah solat sunat yang ditunaikan di antara maghrib dan isya' adalah tidak tepat.

Waktu yang dibolehkan untuk solat dhuha ialah bermula selepas terbitnya matahari sehingga sebelum gelincir matahari. Manakala waktu yang lebih baik untuk ditunaikan ialah ketika cahaya matahari mulai panas. Ini berdasarkan hadis berikut yang disampaikan oleh Zaid bin Arqam. Kata Rasulullah:

صَلَاةُ الْأَوَّلِينَ حِينَ تَمَرُّضُ الْفَصَالِ

*"Solat orang yang kembali kembali taat kepada Allah iaitu solat dhuha ialah ketika anak-anak untuk merasakan kepanasan pada tapak kakinya."*

(Direkodkan oleh Muslim)

Solat dhuha ini boleh ditunaikan sebanyak dua rakaat, empat rakaat, enam rakaat, lapan rakaat atau dua belas rakaat.

## Hadis 26

### Berjabat Tangan Boleh Masuk Syurga

مَنْ صَافَحَنِي أَوْ صَافَحَ مَنْ صَافَحَنِي إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ دَخَلَ الْجَنَّةَ

*"Sesiapa yang berjabat tangan denganku atau dengan orang yang berjabat tangan denganku sehingga hari kiamat, maka dia akan masuk syurga."*

### Ulasan Sarjana

- Dalam ilmu hadis, hadis sebegini dikenali sebagai hadis *musalsal*. Hadis ini dilaporkan melalui saluran pelapor yang bernama al-Mu'ammar atau disebut juga al-Ma'mar yang didakwa sebagai seorang sahabat yang mengambil hadis daripada Rasulullah. Tetapi dia tidak pernah tersenarai dikalangan para sahabat Nabi Muhammad.

Tidak ada rekod yang menyebut seorang pernah merekodkan hadis daripadanya pada zaman sahabat dan tabi'in. Dia tidak pernah dikenali melainkan selepas kurun kelima. Dia adalah seorang pendusta atau individu yang tidak pernah wujud. Fakta ini sudah direkodkan oleh Dr. Mohd Asri Zainul Abidin dalam bukunya 'Menangkis Pencemaran Terhadap Agama dan Tokoh-tokohnya'.

- Ibn Hajar al-'Asqalani dalam buku *Lisan al-Mizan* menyebut:
 

"Hadis berjabat tangan Mu'ammar tidak akan diterima oleh orang yang berakal."
- Syeikh Abd al-Fatah Abu Ghuddah dalam penelitian dan kajiannya terhadap buku *Zafar al-Amani* turut mengakui bahawa hadis ini adalah palsu. Kata beliau: "Hadis *musalsal* berjabat tangan tersebut adalah batil dan dusta.

Tiada asal usul dan tidak pernah wujud". Katanya lagi: "Tiada keberkatan bagi pendustaan dan pembohongan (hadis ini) ke atas Nabi Muhammad. Tidak dikira ibadat menulis cerita dongeng ini melainkan dengan niat untuk memusnakhannya".

Beliau juga turut memetik fatwa yang diberikan oleh as-Suyuti ketika beliau ditanya tentang hadis Mu'ammar dengan katanya:

"Mu'ammar adalah pendusta lagi dajjal, hadisnya adalah batil, tidak halal menyampaikannya. Sesiapa yang melakukan demikian (menyampaikan hadis tersebut), dia termasuk dalam kata-kata Nabi Muhammad yang bermaksud: "Sesiapa yang sengaja melakukan pendustaan ke atasku, maka siaplah tempat duduknya dalam api neraka."

### Sekilas Pandang

Secara umumnya, hadis *musalsal* bermaksud setiap orang yang menyampaikan suatu hadis itu meniru perbuatan sepertimana yang dilakukan oleh pelapor sebelumnya dan perbuatan itulah yang dilakukan oleh Rasulullah ketika mula-mula menyampaikan hadis tersebut.

Kebanyakan hadis *musalsal* adalah tidak sahih bahkan palsu. Az-Zahabi dalam *al-Muqizah fi 'ilm al-Mustalah al-Hadith* berkata:

"Secara umumnya hadis al-musalsal adalah daif, kebanyakannya pula adalah batil, disebabkan pembohongan orang yang melaporkannya."

Dalam hadis musalsal berjabat tangan ini, pendusta hadis ini mendakwa sesiapa yang berjabat tangan dengan pelapor hadis tersebut atau dengan guru yang menyampaikan hadis tersebut, maka dia akan masuk surga.

Maka setiap mereka akan berjabat tangan dengan guru mereka dengan dakwaan kononnya tangan tersebut sudah berjabat tangan dengan tangan sebelumnya secara berangkaian sehingga kepada Rasulullah.

Kita sudah tahu pandangan para ulamak terhadap kedudukan hadis ini. Mari kita fikir pula secara akal yang sempurna, apakah begitu senang sekali untuk seseorang itu masuk syurga. Cukup sekadar bersalam dengan seorang yang mempunyai rangkaian berjabat tangan sehingga sampai kepada Rasulullah?

Jika inilah hakikatnya, maka tidak perlu lagi para sahabat dan generasi awal Islam dahulu bersusah payah berjuang dan berjihad menegakkan agama Islam. Saban hari mereka berpeluang untuk bersalam dengan Rasulullah dan mereka boleh duduk berehat menunggu hari untuk masuk ke syurga sahaja. Namun, hakikat yang sebenar adalah sebaliknya.

## Hadis 27

### Menyapu Muka Selepas Solat

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ: كَانَ إِذَا قَضَى صَلَاتَهُ مَسَحَ جَبَتَهُ  
بِكَفَهِ الْيُمْنَى ثُمَّ أَمْرَهَا عَلَى وَجْهِهِ حَتَّى يَأْتِي بِهَا عَلَى لِحَيْتِهِ  
وَيَقُولُ: بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَالَمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ  
الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، اللَّهُمَّ اذْهِبْ عَنِي الْغَمَّ وَالْحَزَنَ وَالْهَمَّ،  
اللَّهُمَّ بِحَمْدِكَ انْصَرْتُ، وَبِذَنْبِي اعْتَرَفْتُ، أَعُوذُ لَكَ  
مِنْ شَرِّ مَا افْتَرَتُ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ جَهَنَّمَ الدُّنْيَا وَمِنْ  
عَذَابِ الْآخِرَةِ

Anas bin Malik menceritakan: "Apabila Rasulullah selesai daripada solatnya, beliau menyapu dahinya dengan tapak tangan kanannya. Kemudian dia melalukan daripada atas muka hingga sampai ke janggutnya, lalu berdoa: "Dengan nama Allah yang tiada Tuhan selain Dia, Yang Maha Mengetahui perkara ghaib dan nampak, Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Ya Allah, Jauhkanlah aku daripada kesempitan, kesedihan, dan kedukaan, Ya Allah, dengan segala pujian buat-Mu aku berpaling, dengan dosaku aku mengaku, aku berlindung kepadaMu daripada terjebak dengan kejahanatan yang aku terjebak, dan aku mohon perlindungan dengan-Mu daripada tekanan bala dunia dan azab akhirat."

## Ulasan Sarjana

- Hadis ini direkodkan oleh Abu Nu'aim dalam *Akhbar Asbahan*. Al-Albani dalam *Silsilah Ahadith al-Daifah wa al-Muadua'h* menyatakan hadis ini adalah palsu.

Terdapat satu lagi hadis yang menyebut tentang perbuatan menyapu muka selepas selesai solat. Namun, hadis ini juga berada pada tahap yang lemah.

Anas bin Malik menceritakan:

أَنَّ النَّبِيَّ كَانَ إِذَا صَلَّى وَفَرَغَ مِنْ صَلَاتِهِ مَسَحَ بِيَمِينِهِ عَلَى رَأْسِهِ وَقَالَ: بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ اللَّهُمَّ اذْهِبْ عَنِي الْهَمَّ وَالْحَزَنَ – وَفِي رَوْاْيَةِ – مَسَحَ جَبَّهَتِهِ بِيَمِينِهِ وَقَالَ فِيهَا: اللَّهُمَّ اذْهِبْ عَنِي الْهَمَّ وَالْحَزَنَ

"Apabila Rasulullah selesai daripada solat, beliau menyapu atas kepalanya dengan tangan kanannya dan berkata: "DengannamaAllahyangtiadaTuhanmelainkan Dia, Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Ya Allah, jauhkanlah daku daripada dukacita dan kesedihan". Dalam sebuah riwayat, beliau menyapu dahinya dengan tangan kanannya sambil berdoa: "Ya Allah, jauhkanlah aku daripada kesempitan dan kesedihan".

## Ulasan Sarjana

- Al-Haithami dalam buku *Majma' al-Zawa'id wa Manba' al-Fawaid* menyatakan dalam sanad-sanad hadis ini terdapat kelemahan.
- Al-Hafidz Ibn Hajar dalam buku *Nataij al-Afkar* menyatakan hadis ini daif jiddan (sangat lemah).
- Al-Albani di dalam *Silsilah Ahadith al-Daifah* juga menyatakan, ia adalah sangat lemah daripada apa yang direkodkan oleh Ibn al-Sunni.

## Sekilas Pandang

Boleh dikatakan amalan menyapu muka selepas memberi salam pada akhir solat dilakukan oleh majoriti masyarakat Melayu di nusantara ini. Hasil kajian para sarjana hadis, ternyata tidak ada hadis saih ataupun hasan yang menyebut perkara ini kecuali ia adalah lemah dan juga palsu. Maka, amalan ini bukanlah daripada sunnah Rasulullah.

Tetapi, kenapa ramai orang yang melakukannya? Apabila soalan ini ditanya, mungkin beberapa jawapan berikut kita akan dengar:

"Memang ramai orang yang membuat, jadi aku pun buat".

"Sejak dari kecil lagi aku tengok orang buat, jadi aku pun ikut".

"Benda sunat. Elok sekiranya kita buat".

"Tidak tahu".

Dan mungkin beberapa jawapan lain lagi. Sekiranya yang pengetahuannya sedikit, mungkin mereka akan berhujah dengan hadis lemah dan palsu yang disebutkan di atas.

Mari kita ingat semula apakah yang dimaksudkan dengan solat. Sewaktu di sekolah dahulu kita diajar bahawa solat itu ialah: "Beberapa perkataan dan perbuatan tertentu yang dilakukan pada waktu tertentu dimulai dengan takbiratul ihram dan disudahi dengan ucapan salam".

Dalam pengertian ini, disebutkan bahawa solat dimulai dengan takbiratul ihram dan disudahi dengan salam, dan bukan dengan menyapu muka.

Solat adalah ibadah khusus. Apabila ia ibadah, maka ia adalah perkara tauqifiyah, iaitu suatu perkara yang mesti dibuat berdasarkan petunjuk dalil-dalil yang sah. Solat mesti mengikuti petunjuk Nabi Muhammad sahaja, bukan hanya ikut-ikut dan dibuat sesuka hati.

Oleh itu, kesimpulan dalam masalah ini adalah perbuatan menyapu muka selepas solat bukanlah suatu perkara sunat yang dilakukan oleh Rasulullah. Tidak perlu melakukannya kecuali jika ada keperluan seperti ingin menyapu pasir atau debu yang melekat di dahi.

Pesan Rasulullah kepada kita:

"Solatlah kamu seperti mana kamu melihat cara aku solat".

(Direkodkan Bukhari & Muslim)

## Hadis 28

### Talak Menggegarkan Arasy

نَزَّلُوا وَلَا تَنْظَلُوا فِي إِنَّ الطَّلاقَ يَهْتَزُ لِلْعَرْشِ

"Berkahwinlah kamu semua dan janganlah kamu bercerai talak. Sesungguhnya talak itu menggegarkan Arasy".

### Ulasan Sarjana

- Para sarjana hadis menghukumkan hadis ini palsu kerana dalam rangkaian sanadnya terdapat seorang pelapor bernama 'Amr bin Jami'.
- Menurut Yahya bin Mai'n, dia adalah seorang pendusta dan tidak dipercayai.
- Al-Khatib al-Baghdadi dalam buku *Tarikh Baghdad* juga menyatakan dia adalah seorang pendusta.
- As-Suyuti juga menyatakan pendapat yang sama dalam bukunya *al-Lali' al-Masnua'h fi al-Ahadith al-Maudhu'a'h*.
- As-Shaghani menyenaraikan hadis ini di dalam kumpulan hadis palsu.
- Begitu juga dengan Al-Albani memasukkan hadis ini dalam buku *Silsilah Ahadith Al-Dhaifah wa al-Maudhu'a'h*.

## Sekilas Pandang

Hadis palsu ini sering digunakan untuk memberi peringatan kepada orang Islam, terutamanya kepada pasangan suami isteri yang mempunyai krisis rumah tangga. Untuk mengelakkan pasangan ini bercerai, maka diberilah peringatan tentang keburukan bercerai. Lalu, hadis ini pun dibaca dan diuraikan mengikut kefahaman sendiri.

Islam menganjurkan kehidupan berumahtangga yang harmoni dan penuh kebahagiaan. Namun, jika keharmonian dan kebahagiaan tersebut tidak dapat dipelihara lagi, maka Islam tidak menghalang berlakunya penceraian. Asalkan ianya dilakukan mengikut prinsip dan etika yang sudah ditetapkan oleh Islam.

Perlu difahami, penceraian bukanlah langkah awal yang paling utama dianjurkan apabila berlakunya suatu krisis dalam rumah tangga. Talak adalah langkah terakhir yang diperuntukkan secara sah dalam menyelesaikan suatu krisis di antara suami isteri.

Sebab itu, di dalam al-Quran, Allah menyatakan garis panduan yang perlu diikuti oleh pasangan suami isteri dalam menghadapi perselisihan dan krisis di antara mereka.

Antara garis panduan tersebut ialah seperti yang dinyatakan dalam ayat berikut:

وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُزْهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطْعَنَكُمْ فَلَا يَبْعَدُوكُمْ عَلَيْهِنَّ سَكِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْأَكُمْ بَارِيًّا

٣٤

"Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (sekiranya mereka masih berdegil) pukulah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, janganlah kamu mencari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar.

(Surah an-Nisaak, ayat 34)

Dalam ayat ini, Allah memberikan panduan kepada suami bagaimana untuk mengendalikan isteri yang bersikap curang atau derhaka kepada suami. Langkah pertama adalah dengan memberi nasihat. Apabila si isteri masih berkelakuan sama walaupun selepas diberi nasihat, langkah kedua ialah dengan tidur secara berasingan.

Apabila langkah kedua ini masih tidak berkesan, barulah masuk kepada langkah ketiga iaitu memukul isteri dengan pukulan yang ringan. Bukan bertujuan untuk menyakitkan tubuh badannya, tetapi memberi pengajaran dan 'mencederakan emosinya' sahaja.

Namun begitu, jika ketiga-tiga langkah ini masih juga tidak berkesan, maka barulah langkah penceraian boleh diambil. Penceraian yang ingin dilakukan ini mestilah mengikut prosedur dan etika yang sudah ditetapkan oleh Islam. Jika, etika-etiqa ini dipatuhi, tidak akan ada mana-mana pihak yang merasa dizalimi sama ada di pihak suami mahu pun isteri.

Oleh itu, Islam mengizinkan berlakunya penceraian sebagai langkah terakhir dalam menyelesaikan krisis di antara suami dan isteri. Kata al-Albani dalam memberi ulasan kepada hadis palsu di atas:

“Bagaimana hadis ini tidak palsu, sedangkan banyak dari kalangan salaf yang menceraikan isterinya, bahkan sudah sahih dari Rasulullah yang beliau sudah menceraikan Hafsa binti Umar.”

## Hadis 29

### Dunia itu Ladang Akhirat

الدُّنْيَا مَرْأَةُ الْآخِرَةِ

“Dunia ini ladang bagi akhirat”

#### Ulasan Sarjana

- Menurut al-Sakhawi dalam bukunya *al-Maqasid al-Hasanah*, beliau sudah menilai hadis ini sebagai palsu dan tidak ada sanad baginya.
- Mulla al-Qari dalam buku *al-Maudhu'a't al-Kubra* sudah memasukkan hadis ini dalam senarai hadis palsu dan beliau menyatakan makna hadis ini betul.
- Ibn al-Jauzi dalam buku *al-'Ilal al-Mutanahiyah* menyatakan hadis ini tidak sahih daripada Rasulullah, tetapi ianya dinukilkhan daripada kata-kata Ali bin Abi Talib.

#### Sekilas Pandang

Seperti yang dinyatakan oleh Mulla al-Qari, makna yang terkandung dalam hadis palsu ini adalah baik dan ianya benar. Sebenarnya ia diambil daripada ayat al-Quran:

مَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرَثَ الْآخِرَةِ نَزَدَ لَهُ فِي حَرَثِهِ، وَمَنْ  
كَانَ يُرِيدُ حَرَثَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ

٢٠  
تَعْصِيبٌ

*"Siapa yang mengkehendaki (dengan amal usahanya) mendapat faedah di akhirat, Kami akan memberinya tambahan pada faedah yang dikehendakinya dan sesiapa yang mengkehendaki (dengan amal usahanya) kebaikan di dunia semata-mata, Kami beri kepadanya dari kebaikan dunia itu (sekadar yang Kami tentukan) dan dia tidak akan beroleh suatu bahagian pun di akhirat kelak."*

*(Surah asy-Syura, ayat 20)*

Kehidupan dunia bukanlah kehidupan yang kekal abadi. Ia merupakan suatu tempat persinggahan bagi mencari bekalan untuk menuju destinasi yang kekal abadi. Oleh itu, jadikan dunia ini ibarat ladang untuk kita bercucuk tanam dengan benih-benih amal soleh agar kita dapat menuai hasilnya nanti di akhirat kelak.

Walaupun makna hadis ini benar, tetapi ia tetap tidak boleh dinisbahkan kepada kata-kata Nabi Muhammad. Ini kerana selepas dikaji oleh para sarjana hadis, tidak ada sebarang bukti sahih menyatakan kata-kata ini diucapkan oleh beliau.

Bukanlah semua perkara yang baik dan benar itu diucapkan oleh Nabi Muhammad, tetapi semua perkara yang diucapkan oleh beliau sudah pasti baik dan benar. Contoh mudah apabila kita katakan: "Ramai orang Malaysia suka makan nasi lemak". Ya, fakta ini benar, tetapi ia tidak pernah diucapkan oleh Nabi Muhammad.

## Hadis 30

### Tidak Menziarahi Nabi Ketika Haji

*مَنْ حَجَّ الْبَيْتَ وَلَمْ يَزُرْنِي فَقَدْ جَفَانِي*

*"Siapa yang menunaikan haji, tetapi tidak menziarahi kuburku, maka dia sudah menderhakai aku."*

### Ulasan Sarjana

- Dalam sanad hadis ini terdapat pelapor bernama Muhammad bin Muhammad bin al-Nu'man bin Syibl dan dia adalah pelapor yang dikritik oleh Daruqutni.
- Ibn al-Jauzi menyenaraikan hadis ini dalam senarai hadis palsu di dalam bukunya *al-Maudhu'a't*.

Dalam hadis lain, dikatakan bahawa Nabi Muhammad berkata:

*مَنْ زَارَنِي وَزَارَ إِبْرَاهِيمَ فِي عَامٍ وَاحِدٍ، دَخَلَ الْجَنَّةَ*

*"Sesiapa yang menziarahi aku (Rasulullah) dan menziarahi Ibrahim pada tahun yang sama, dia akan masuk syurga".*

- Ibn Taimiyah berkata:

*"Ini adalah hadis dusta dan palsu. Tidak ada seorang pun daripada ahli ilmu yang meriwayatkan hadis ini."*

- Al-Hafidz al-Sakhawi juga menyebut hadis ini dalam *al-Maqasid al-Hasanah*, kemudian beliau memetik kata-kata Ibn Taimiyah seperti yang sebelum itu.
- Dalam *Syarah al-Muhazzab*, disebutkan kata-kata Nawawi:

“Antara yang tersebar dikalangan orang awam di negeri Syam pada zaman mutakhir ini ialah sebahagian daripada mereka mendakwa bahawa Rasulullah berkata: “Sesiapa yang menziarahi aku dan menziarahi Ibrahim pada tahun yang sama, maka aku menjamin baginya syurga.” Ini adalah batil, bahkan ianya direka oleh sebahagian orang yang jahat. Menziarahi *al-Khalil* (Ibrahim a.s) dengan tidak terlalu kerap memang mempunyai kelebihan yang tidak dapat dinafikan. Tetapi yang diingkari ialah kepercayaan dan tanggapan mereka dijamin masuk syurga, dan menunaikan haji pula tidak ada kaitan dengan menziarahi *al-Khalil* (Nabi Ibrahim).”

### **Sekilas Pandang**

Berdasarkan tanggapan yang salah inilah, sebahagian para jamaah haji menganggap menziarahi makam Rasulullah di Madinah adalah suatu yang mesti dibuat. Jika tidak, seolah-olah ibadah haji mereka tidak akan sempurna. Lebih malang lagi, jika dakwaan sebegini kadang-kadang diajar dalam kursus-kursus haji. Apakah kaitan ziarah makam Rasulullah ini dengan ibadah haji?

Sepatutnya apabila kita pergi menunaikan haji, kita perlu mengambil peluang ketika berada di Mekah dan Madinah ini untuk solat dan beribadah di Masjid al-Haram dan Masjid al-Nabawi. Ini kerana ganjaran yang dijanjikan oleh Rasulullah tidak akan kita perolehi di masjid-masjid lain seperti yang beliau sebutkan yang bermaksud:

“Solat di masjidku ini lebih baik daripada seribu solat di masjid lain kecuali di Masjid al-Haram”

(Direkodkan oleh Bukhari dan Muslim)

Dalam hadis yang lain, Nabi Muhammad menyebut,

“Solat di masjid al-haram (mendapat ganjaran) seratus ribu solat, dan solat di masjidku (masjid nabawi) mendapat ganjaran seribu solat, dan solat di Bait al-Maqdis (masjid al-Aqsa) mendapat ganjaran lima ratus solat”

(Direkodkan oleh Tabrani dalam Mu'jam al-Kabir)

Ada juga yang apabila pergi ke Madinah, namun tujuan utama mereka adalah untuk menziarahi makam Rasulullah. Amalan ini menyalahi petunjuk generasi sahabat dan para salaf. Sepatutnya, apabila kita pergi ke Madinah, hendaklah dengan niat dan tujuan untuk bersolat dan beribadat di Masjid al-Nabawi.

Ini bukanlah bermaksud kita dilarang daripada menziarahi makam Rasulullah. Menziarahi makam Rasulullah ini secara umum termasuk dalam galakan beliau seperti dalam maksud hadis berikut:

Dari Ali berkata, bahawa Rasulullah berpesan:

"Sesungguhnya aku dahulu pernah melarang kamu daripada menziarahi kubur, maka sekarang ziarahilah kubur kerana ia dapat mengingatkan kamu dengan akhirat."

(Direkodkan oleh Abu Daud, Tirmizi, al-Nasai, Ibn Majah dan Ahmad).

Selain itu, ada juga dikalangan kita yang pergi menziarahi makam Rasulullah dengan tujuan untuk menyampaikan salam yang sudah dikirimkan oleh saudara mara dan sahabat handai di tanah air. Seolah-olah kita merasakan selawat dan salam tersebut mesti disampaikan di hadapan makam Rasulullah, barulah ia akan sampai. Ternyata kefahaman seperti ini tidak tepat, kerana Rasulullah berpesan:

"Janganlah kamu menjadikan kuburku ini sebagai suatu perayaan, dan berselawatlah ke atasku, sesungguhnya selawat kamu semua akan sampai kepadaku di mana sahaja kamu berada."

(Direkodkan oleh Abu Daud dengan sanad yang sahih)

### Hadis 31

#### Solat Orang yang Berkahwin Lebih Baik

رَكْعَتَانِ مِنِ الْمُتَرَوْجِ أَفْضَلُ مِنْ سَبْعِينَ رَكْعَةً مِنَ الْأَعَزَبِ

"Solat dua rakaat orang yang sudah berkahwin, lebih baik sebanyak 70 rakaat daripada orang yang bujang".

#### Ulasan Sarjana

- Dalam sanad hadis ini terdapat pelapor yang bernama Majasy'i bin Amru. Menurut Ibn Ma'in, dia adalah salah seorang daripada pendusta. Ibn Hibban pula berkata: "Dia adalah seorang yang memalsukan hadis". Pendapat para sarjana tentang hadis ini dinyatakan oleh Ibn 'Arraq al-Kanani dalam bukunya *Tanzih al-Syariah*.

#### Sekilas Pandang

Sememangnya berkahwin itu adalah kelebihannya tersendiri. Salah satu daripadanya ialah dapat mengamalkan sunnah Rasulullah yang sangat dituntut. Melalui perkahwinan juga, kita dapat menambahkan bilangan umat Islam. Nabi Muhammad sangat berbangga dengan umatnya yang banyak. Kata Rasulullah:

تَرَوْجُوا الْوَلُودَ الْوَدُودَ فَإِنَّى مُكَاثِرٌ بِكُمْ

*"Berkahwinlah kalian dengan wanita yang berpotensi mempunyai banyak anak dan memiliki kasih sayang kerana sesungguhnya aku bangga dengan jumlah kalian yang banyak melebihi umat yang lain."*

(Direkodkan oleh an-Nasaie)

Tetapi, kelebihan yang disebutkan dalam hadis di atas adalah tidak benar kerana ia adalah hadis palsu. Hadis ini mungkin direka untuk menggalakkan orang bujang supaya cepat berkahwin. Kadang-kadang hadis seperti ini yang dibaca oleh setengah penceramah dalam kursus perkahwinan. Tidak kurang juga yang menulis hadis ini di atas kad-kad jemputan kahwin. Tidak salah untuk menggalakkan orang bujang berkahwin tetapi harus menggunakan dalil-dalil yang sah sebagai panduan.

Nabi Muhammad memberi pesanan:

يَا مَعْشِرَ الشُّبَابِ، مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَزَرْجُجْ فِإِنَّهُ أَغْضَى لِلْبَصَرِ، وَأَخْصَنُ لِلْفَزْجِ، وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصُّومِ فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءٌ

*"Wahai sekalian pemuda, siapa antara kalian yang berkemampuan hendaklah segera berkahwin. Ini kerana ia boleh menjaga pandangan dan memelihara kemaluhan. Siapa yang tidak mampu berkahwin, hendaklah dia berpuasa kerana sesungguhnya puasa itu sebagai perisai"*

(Direkodkan oleh Bukhari dan Muslim)

Sekiranya diperhatikan ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah untuk suatu amalan soleh yang dilakukan adalah sama tanpa mengira orang lelaki atau perempuan, sama ada yang berkahwin ataupun belum.

Contohnya, Allah menyebut:

وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ نَقِيرًا

*"Dan siapa yang mengerjakan amal soleh dari kalangan lelaki atau perempuan sedangkan ia beriman, mereka itu akan masuk syurga dan mereka pula tidak akan dianiaya atau dikurangkan balasannya sedikitpun."*

(Surah an-Nisaak, ayat 124)

Ganjaran pahala yang dijanjikan juga adalah berlipat kali ganda, sekurang-kurangnya digandakan sebanyak sepuluh kali ganda. Buktinya:

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا يُحْرِجَ إِلَّا مِثْلَهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ

*"Siapa yang membawa amal kebaikan pada hari kiamat, baginya balasan sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya. Siapa yang membawa amal kejahanan, ia tidak dibalas melainkan dengan kejahanan yang sama dengannya mereka tidak dianiaya sedikitpun."*

(Surah al-An'am, ayat 160).

Pahala solat yang dilakukan secara berjemaah juga dijanjikan gandaan pahalanya tanpa mengira orang yang sudah berkawin ataupun bujang. Kata Rasulullah yang bermaksud:

صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ أَفْضَلُ مِنْ صَلَاةِ الْفَدْرِ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ  
دَرَجَةً

*"Solat berjemaah itu lebih baik dari solat bersendirian dengan kelebihan 27 darjah"*

(Direkodkan oleh Bukhari dan Muslim)

### Hadis 32

#### Bercakap Urusan Dunia Dalam Masjid

مَنْ تَكَلَّمَ بِكَلَامِ الدُّنْيَا فِي الْمَسْجِدِ أَحْبَطَ اللَّهُ أَعْمَالَهُ  
أَرْبَعِينَ سَنَةً

*"Siapa yang bercakap tentang urusan dunia di dalam masjid, Allah akan menghapuskan amalannya empat puluh tahun."*

#### Ulasan Sarjana

- Al-Saghani berkata hadis ini adalah palsu. Pendapat ini dipersetujui oleh 'Ali al-Qari dalam bukunya *al-Asrar al-Marfu'a h fi Akhbar al-Maudhu'a h*.

#### Sekilas Pandang

Hadis ini juga antara hadis palsu yang banyak tersebar dalam masyarakat kita sama ada melalui ceramah, penulisan dan sebagainya. Malah, ada setengah masjid yang menulisnya dalam bentuk khat yang cantik dan digantung di dalam masjid sebagai perhiasan.

Semua ini dilakukan dengan tujuan untuk memberi peringatan kepada orang yang hadir ke masjid supaya tidak bercakap tentang urusan dunia. Ancaman yang diberikan ialah perbuatan tersebut boleh menyebabkan amalan selama empat puluh tahun akan terhapus.

Tetapi selepas dikaji oleh para sarjana hadis, amaran ini tidak pernah diucapkan oleh Rasulullah. Ia adalah sandaran yang palsu kepada beliau. Walaupun dengan niat yang baik, kita tidak boleh sewenang-wenangnya menyandarkan sesuatu perkara itu kepada Rasulullah. Jika perkara ini dilakukan, perbuatan itu termasuk sebagai melakukan pendustaan kepada beliau.

Betulkah kita tidak dibenarkan bercakap urusan dunia dalam masjid? Bagaimana kita hendak membezakan yang itu perkara dunia dan ini urusan akhirat? Sekiranya kita dilarang bercakap tentang urusan dunia di dalam masjid, bagaimana pula kita hendak faham tentang hadis daripada Aisyah yang menceritakan tentang orang Habsyah bermain pedang di dalam masjid. Rasulullah melihatnya dan tidak langsung menghalang perbuatan mereka. Hadis ini adalah sahih dan direkodkan oleh Bukhari.

Kalau hendak dibandingkan, perbuatan sahabat yang bermain pedang di dalam masjid ini juga boleh dianggap sebagai urusan dunia dan ianya lebih berat lagi daripada bercakap tentang hal dunia di dalam masjid. Tetapi, beliau tidak menghalang perbuatan mereka.

Namun begitu, keharusan untuk bercakap soal keduniaan di dalam masjid tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya. Ia masih terikat dengan adab-adab lain seperti tidak sampai menimbulkan gangguan kepada orang yang sedang solat, membaca al-Quran atau menuntut ilmu.

Topik perbualan juga tidak boleh menyentuh perkara-perkara yang diharamkan oleh syariat. Walaupun begitu, mengurangkan bercakap di dalam masjid dan menumpukan ibadah kepada Allah ketika di dalam masjid tetap dikira sebagai tindakan yang terbaik.

Oleh itu, larangan bercakap hal dunia di dalam masjid adalah larangan yang tidak mempunyai asas daripada dalil yang sahih. Namun begitu, terdapat larangan lain berkaitan masjid yang disebut secara khusus oleh Rasulullah antaranya ialah:

- a) Larangan melakukan urusan berjual beli di dalam masjid sehingga Rasulullah mengatakan:

"Jika kamu melihat seorang berniaga di dalam masjid, hendaklah kamu ucapan "Semoga Allah tidak menguntungkan perniagaan kamu".

(Hadis hasan, direkodkan oleh Tirmizi)

- b) Larangan membuat iklan untuk mencari barang yang hilang di dalam masjid. Rasulullah berkata:

"Siapa yang mendengar seorang membuat pengumuman untuk mencari barang yang hilang di dalam masjid, maka ucapan "Semoga Allah tidak mengembalikan barang tersebut kepada kamu". Sesungguhnya masjid bukan dibina untuk urusan ini".

(Direkodkan oleh Muslim)

### **Hadis 33**

#### **Meraikan Maulid Nabi**

مَنْ أَقَامَ مَوْلِدِيَّ كُنْتُ شَفِيعًا لَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ أَنْفَقَ  
 دِرْهَمًا فِي مَوْلِدِيَّ فَكَانَمَا أَنْفَقَ جَبْلًا مِنَ الْذَّهَبِ فِي  
 سَبِيلِ اللَّهِ

*"Siapa yang merayakan hari kelahiranku, maka aku akan menjadi pemberi syafaat (pertolongan) kepadanya pada hari Kiamat. Dan siapa yang memberi sedekah satu dirham untuk maulidku, seolah-olah dia sudah memberi sedekah satu gunung emas semata-mata untuk jalan Allah"*

#### **Ulasan Sarjana**

- Syeikh Abu Ubaidah Masyhur bin Hasan Abu Sulaiman ketika ditanya tentang hadis ini, beliau mengatakan:

*"Ini merupakan pendustaan kepada Rasulullah yang hanya direka oleh para ahli bidaah".*

#### **Sekilas Pandang**

Hadis palsu ini sering dibaca dan dijadikan hujah oleh mereka yang mempertahankan maulidul rasul ini adalah suatu yang dituntut. Malang sekali, hadis yang dijadikan hujah ini adalah hadis palsu, bahkan tidak diketahui dari mana asal-usulnya.

Jika ada mana-mana pihak yang mengetahui tentang sanad atau susur galur penyampai hadis ini, maka dengan penuh hormat dan rendah diri dipohon agar maklumat tersebut dapat dikongsi bersama.

Oleh itu, menggunakan hadis palsu ini untuk dijadikan hujah supaya digalakkan untuk meraikan hari kelahiran Rasulullah dengan dijanjikan kelebihan tertentu adalah suatu perkara yang salah dan tidak dibenarkan sama sekali.

Ia termasuk dalam melakukan pendustaan terhadap Rasulullah. Seperti yang dikerahui, siapa yang berdusta atas nama Rasulullah, maka dia dijanjikan dengan azab api neraka. Semoga kita semua dilindungi oleh Allah dari kesalahan ini.

Jika dilihat dari fakta sejarah, tidak terdapat bukti yang menunjukkan Rasulullah meraikan hari kelahiran beliau. Hal yang sama juga tidak pernah dilakukan oleh para sahabat, tabi'in dan tabi' at-tabi'in. Para imam mazhab seperti Abu Hanifah, Malik, Ahmad dan as-Syafie juga tidak pernah meraikan hari kelahiran beliau.

Jadi, bagaimana perayaan ini boleh muncul? Menurut sumber sejarah, golongan pertama yang mulamula merayakan maulidul rasul ini ialah bangsa Ubaid al-Qaddakh yang menamakan diri mereka sebagai "Pathimiyun".

Mereka memasuki kota Mesir pada tahun 362H. Dari sinilah berkembangnya sambutan hari kelahiran secara umum dan hari kelahiran beliau Rasulullah secara khusus.

Ahmad bin Ali al-Miqrizi as-Syafie, seorang pakar dalam bidang sejarah mengatakan: "Para khalifah *Fathimiyun* mempunyai perayaan yang pelbagai setiap tahun iaitu perayaan tahun baru, perayaan hari 'Asyura, perayaan maulid nabi, Ali bin Abi Talib, Hasan dan Hussain, Fatimah al-Zahra' dan khalifah. Begitu juga perayaan awal bulan Rejab, Sya'ban, nisfu Sya'ban, awal, pertengahan dan penutup Ramadan".

Adakah salah kita hendak menunjukkan kecintaan kita kepada Rasulullah dengan meraikan hari kelahiran beliau?

Tidak dapat dinafikan nikmat Islam yang dikecapi sekarang ini adalah hasil perjuangan gigih penuh cabaran dan ujian yang dilakukan oleh Rasulullah dan generasi terdahulu. Jasa besar oleh insan mulia ini tidak sepatutnya dilupakan begitu sahaja.

Apatah lagi oleh mereka yang mengaku sebagai umat Nabi Muhammad. Pelbagai cara dilakukan dan diamalkan dalam usaha untuk menterjemahkan rasa cinta dan kasih kepada Rasulullah, terutamanya bersempena dengan bulan kelahiran beliau.

Tanggal 12 Rabi' al-Awal, pelbagai sambutan dan perayaan diadakan demi mengingati kembali tarikh kelahiran Nabi Muhammad. Di Malaysia, pada tarikh ini diadakan majlis secara besar-besaran walaupun terdapat percanggahan pendapat dikalangan sarjana tentang tarikh yang tepat mengenai kelahiran Rasulullah.

Pendapat popular dan tersebar dikalangan umat Islam ialah pada 12 Rabi' al-Awal. Pendapat lain menyatakan tarikh yang tepat bagi kelahiran Rasulullah ialah pada 9 Rabi' al-Awal tahun gajah, hari Isnin bersamaan dengan 20 atau 22 April 571 Masihi. Perbincangan lanjut tentang hal ini boleh dirujuk dalam buku *al-Rahiq al-Makhtum*, karangan Safiy al-Rahman al-Mubarakfuri.

Namun begitu, perbezaan tarikh ini bukanlah menjadi persoalan utama. Apa yang penting ialah masing-masing sudah berusaha untuk menunjukkan rasa cinta dan kasih kepada Rasulullah dan ia diterjemahkan dengan cara mengadakan sambutan ini. Diharapkan semoga masing-masing melakukannya tidak lain kecuali dengan tujuan kebaikan dan mendapat balasan daripada Allah .

Tidak diragukan lagi perasaan kasih dan sayang kepada junjungan mulia Nabi Muhammad wujud dalam sanubari setiap individu Muslim yang sempurna imannya. Namun, adakah ianya sama dengan perasaan kasih dan sayang seperti yang sudah ditunjukkan oleh para sahabat beliau?

Tidak syak lagi, para sahabat adalah golongan yang paling mencintai dan menyayangi beliau. Kecintaan dan kasih sayang mereka kepada Rasulullah sudah dibuktikan. Mereka sanggup berkorban apa sahaja demi mentaati Rasulullah. Suka dan duka dikongsi bersama. Dugaan dan rintangan diharungi semua. Harta benda menjadi sedekah utama. Hatta nyawa menjadi galang gantinya, asalkan risalah-Nya dijaga dan terpelihara.

Golongan inilah yang sudah diberi pengiktirafan oleh Rasulullah sebagai golongan yang terbaik. Kata Rasulullah yang bermaksud:

"Sebaik-baik manusia adalah mereka yang berada dikurunku (para sahabat), kemudian yang menyusuli mereka (para tabiin), kemudian yang menyusuli mereka (tabi' at-tabiin)."

(Direkodkan oleh Bukhari)

Golongan yang paling mengasihi dan menyayangi Rasulullah ini juga sudah menunjukkan contoh dan teladan bagi menterjemahkan kasih sayang mereka, sama ada ketika hayat Rasulullah mahu pun selepas beliau wafat.

Justeru, adalah menjadi tugas kita untuk menyemak kembali adakah amalan yang kita lakukan sekarang ini bertujuan menzahirkan kecintaan kepada Rasulullah sama seperti yang ditunjukkan oleh para sahabat beliau? Sekiranya ia bertepatan, maka teruskan dan sebarkan.

Tetapi jika sebaliknya, maka adalah lebih baik dan utama untuk diberhentikan. Jadikanlah para sahabat beliau ini sebagai golongan teladan. Mereka pasti membawa kita ke jalan kebenaran.

Justeru, persoalan yang terpampang di hadapan kita ialah adakah cukup untuk kita membuktikan kecintaan kepada Rasulullah hanya dengan melakukan perarakan sempena Maulidul Rasul? Atau ia hanya sekadar memenuhi takwim kalender tahunan? Atau untuk menunjukkan adanya perlaksanaan ajaran Islam? Atau untuk menghabiskan peruntukan kewangan tahunan? Atau sebagai salah satu faktor kemajuan pelancongan? Atau untuk mendapatkan sokongan dan pujian? Jika semua persoalan ini jawapannya ialah "tidak", maka apa yang perlu kita buktikan?

Apa yang perlu kita buktikan adalah sama seperti para sahabat dan generasi salaf as-soleh terdahulu. Kecintaan mereka kepada beliau dibuktikan dengan mengikut dan mengamalkan sunnah beliau. Kita yakin dan percaya kecintaan mereka kepada Rasulullah adalah jauh lebih tinggi daripada kita, walaupun mereka tidak pernah meraikan hari kelahiran beliau ini.

### Cinta dan Ikutan (*al-mahabbah wa al-ittiba'*)

Dua perkara asas yang mesti diberi perhatian apabila membicarakan hubungan Muslim terhadap Rasulullah adalah *al-mahabbah* (cinta) dan *al-ittiba'* (ikutan). Kedua-dua elemen ini mesti wujud secara beriringan dalam diri seorang muslim.

Tidak cukup untuk seseorang menyatakan perasaan cintanya terhadap Rasulullah tanpa mengikuti sunnah beliau. Begitu juga sebaliknya sekiranya seseorang itu mengikuti ajarannya tanpa ada perasaan kasih dan sayang kepada beliau.

### **Sejarah Islam sudah membuktikan wujudnya dua golongan ini.**

Pertama: Abu Talib, bapa saudara Nabi Muhammad adalah antara manusia yang paling mencintai beliau. Abu Talib pernah memelihara beliau selepas kematian ibu bapanya. Dia juga antara individu penting yang mempertahankan Rasulullah daripada ancaman kafir Quraisy semasa menyebarkan dakwah pada zaman permulaan Islam. Namun sayang sekali, walau begitu tinggi kasih sayang Abu Talib kepada anak saudaranya, ia tidak diiringi dengan mengikuti ajaran yang dibawa oleh beliau. Natijahnya, Abu Talib tetap termasuk dalam golongan mereka yang tidak beriman.

Kedua: Abdullah bin Ubai bin Salul yang merupakan ketua golongan munafik. Secara zahir, dia adalah pengikut Nabi Muhammad. Namun, ikutannya ini tidak disertai dengan perasaan kasih dan sayang kepada beliau sebaliknya mempunyai muslihat jahat bagi menghancurkan dakwah Nabi Muhammad. Tindakan munafik ini adalah natijah daripada tiadanya perasaan kasih sayang di dalam diri terhadap Rasulullah.

Justeru, cinta dan ikutan ini mesti digandingkan dan wujud selari demi memastikan kesempurnaan iman kita terhadap Rasulullah.

Anas bin Malik melaporkan Rasulullah pernah berkata dengan maksudnya:

"Tidak beriman dikalangan kamu sehingga aku lebih dicintainya melebihi ayahnya, anaknya dan manusia sekeliannya".

(Hadis ini direkodkan oleh Bukhari)

Allah juga sudah menetapkan ketaatan dan ikutan Rasulullah ini merupakan tanda taat dan patuh kepadaNya ia adalah lebih utama untuk membuktikan kecintaan kepada beliau. Firman Allah yang bermaksud:

"Katakanlah (wahai Muhammad) Sekiranya kamu mencintai Allah, maka ikutlah aku, nescaya kamu akan dikasihi Allah dan Dia akan mengampunkan dosa-dosa kamu".

(Surah Ali Imran, ayat 31)

Ibn Kathir ketika menafsirkan ayat ini dalam bukunya *Tafsir al-Quran al-'Azim* menyatakan:

"Ayat ini merupakan kayu ukur kepada siapa yang mendakwa mencintai Allah tetapi tidak berada di atas jalan Muhammad. Sesungguhnya dia adalah dusta dalam dakwaannya sehingga dia mengikuti syariat Muhammad dalam keseluruhan percakapan dan amalannya".

### Hadis 34

#### Amalan Khas Nisfu Sya'ban

Dikatakan bahawa Ali bin Abi Talib melaporkan hadis berikut:

إِذَا كَانَتْ لَيْلَةُ النُّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ فَقُومُوا لِيَلَهَا وَصُومُوا يَوْمَهَا. فَإِنَّ اللَّهَ يَنْزِلُ فِيهَا الْغُرُوبَ الشَّمْسُ إِلَى سَمَاءِ الدُّنْيَا فَيَقُولُ أَلَا مِنْ مُسْتَغْفِرَةٍ فَأَغْفِرْ لَهُ أَلَا مُسْتَرْزَقَ فَأَزْرِقْ أَلَا مُبْتَلَى فَأَعْفَافِيَهُ أَلَا كَذَا أَلَا كَذَا حَتَّى يَطْلُعَ الْفَجْرُ

"Apabila tiba malam Nisfu Sya'ban, maka bangunlah kamu (menghidupkannya dengan ibadah) pada waktu malam dan berpuasalah kamu pada siangnya, kerana sesungguhnya Allah akan turun ke langit dunia pada hari ini bermula dari terbenamnya matahari dan berfirman: "Sesiapa yang memohon ampun daripada-Ku akan Ku ampunkannya. Sesiapa yang memohon rezeki daripada-Ku, akan Ku kurniakan rezeki kepadanya. Sesiapa yang sakit yang meminta penyembuhan, akan Ku sembahkannya. Sesiapa yang yang meminta daripada-Ku akan Ku berikan kepadanya, dan demikian ia berterusan sehingga terbitnya fajar."

Direkodkan oleh Ibn Majah dan al-Baihaqi dalam *Syu'ab al-Iman*.

Rujuk *Dhaifah al-Jami'* dan *Silsilah al-Dhaifah* oleh al-Albani, Dhaif Ibn Majah.

Dikatakan bahawa Ibn Umar melaporkan bahawa Rasulullah pernah berkata:

من قرأ ليلة النصف من شعبان ألف مرة (قل هو الله أحد)  
في مائة ركعة لم يخرج من الدنيا حتى يبعث الله إليه في  
منامه مائة ملك ثلاثون يশرونها بالجنة وثلاثون يومونه  
من النار وثلاثون يعصمونه من أن يخطئ وعشرون يكيدون  
من عاداه

"Sesiapa membaca seribu kali surah al-Ikhlas dalam seratus rakaat solat pada malam Nisfu Sya'ban dia tidak akan mati sehinggalah Allah mengutuskan dalam tidurnya seratus malaikat; tiga puluh daripada mereka menghabarkan syurga baginya, tiga puluh lagi menyelamatkannya dari neraka, tiga puluh yang lain mengawalnya daripada melakukan kesalahan dan sepuluh lagi akan mencegah orang yang memusuhiinya."

#### Ulasan Sarjana

- Menurut Ibn al-Jauzi hadis ini adalah palsu. Beliau menyenaraikan hadis ini dalam bukunya *al-Maudhu'a*.

- Daruqutni pula merekodkan hadis ini daripada Muhamad bin Abdun bin Amir al-Samarqandi dan dia mengatakan Muhamad adalah seorang pendusta dan pencipta hadis. Pendapat ini juga sama seperti yang disebut oleh az-Zahabi yang mengatakan Muhamad bin Abdun terkenal sebagai pembuat hadis.

Dalam sebuah buku kecil yang banyak tersebar di Malaysia iaitu *Majmu' Syarif*, terdapat beberapa amalan khas yang disebut boleh diamalkan pada malam Nisfu Sya'ban. Antaranya ialah membaca surah Yasin sebanyak 3 kali. Dukacitanya, amalan tersebut adalah palsu dan tidak berasaskan mana-mana hadis sahih pun.

Dinyatakan dalam buku tersebut:

"Inilah kaifiyat (cara) membaca doa nisfu Sya'ban, hendaklah sembahyang sunat dua rakaat selepas sembahyang Maghrib dan membaca fatihah pada rakaat pertama diikuti dengan surah al-'Alaq, kemudian pada rakaat kedua, membaca fatihah dan diikuti dengan surah al-Ikhlas. Kemudian memberi salam, lalu membaca Yasin 3 kali dengan niat yang pertama minta dipanjangkan umur kerana ibadat kepada Allah dan niat kedua minta rezeki yang banyak serta halal kerana buat bekal ibadat haji kepada Allah dan niat yang ketiga minta ditetapkan iman".

## Sekilas Pandang

Kebanyakan hadis yang menyebut tentang amalan-amalan khusus seperti solat, doa dan sebagainya adalah tidak sahih. Justeru, tidak ada amalan atau ibadah khusus yang disunatkan untuk dilakukan pada malam Nisfu Sya'ban seperti solat *al-Alfiyah* atau membaca suatu surah seperti surah Yasin supaya dipanjangkan umur, dimurahkan rezeki, ditetapkan iman atau sebagainya.

Jika amalan ini benar-benar wujud dan dilakukan oleh Rasulullah, pasti beliau akan mengajarkannya kepada para sahabat dan generasi selepas itu akan menyampaikannya kepada kita.

Al-Hafiz al-Iraqi berkata:

"Hadis tentang solat pada malam Nisfu Sya'ban adalah palsu, direka cipta dan disandarkan kepada Rasulullah".

Hal ini juga disebut oleh al-Nawawi dalam kitabnya *al-Majmu'*:

"Solat yang dikenali sebagai solat *al-Raghaib* iaitu solat sebanyak dua belas rakaat antara Maghrib dan Isyak pada malam Jumaat pertama bulan rejab dan solat sunat pada malam Nisfu Sya'ban sebanyak seratus rakaat adalah dua jenis sembahyang yang *bid'ah* (ditokok tambah dalam agama)".

Tokoh sarjana Islam masa kini, Dr. Yusof al-Qaradhawi di dalam *Fatwa Muasarah* juga menyatakan:

"Tentang malam Nisfu Sya'ban, tidak terdapat hadis yang sampai ke martabat sahih yang menyebut tentangnya, kecuali ia berada pada martabat hasan di sisi sebahagian para sarjana, dan terdapat juga sebahagian sarjana yang menolaknya dan mengatakan tidak terdapat sebarang hadis sahih tentang malam Nisfu Sya'ban.

Sekiranya kita berpegang bahawa hadis tersebut berada pada martabat hasan, apa yang disebut dalam hadis itu adalah Rasulullah hanya berdoa dan beristighfar pada malam ini, tidak disebut sebarang doa yang khusus sempena malam ini, dan doa yang dibaca oleh sebahagian manusia di sesetengah negara, dicetak dan diedarkannya adalah doa yang tidak ada asal sumbernya (daripada hadis sahih) dan ia adalah salah."

Beliau menambah lagi: "Terdapat juga di sesetengah negara yang mereka berkumpul selepas solat Maghrib di masjid-masjid dan membaca surah Yasin, kemudian solat dua rakaat dengan niat supaya dipanjangkan umur, dan dua rakaat lagi supaya tidak bergantung harap dengan manusia.

Kemudian membaca doa yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari kalangan salaf, dan ia adalah doa yang bercanggah dengan nas-nas yang sahih, juga bersalahan dari segi maknanya."

Para tokoh sarjana Islam lain seperti Ibn Taimiyah, as-Suyuti, Abu Bakr al-Turtusi, al-Maqdisi, Ibn Rejab dan lain-lain lagi juga menafikan akan wujudnya ibadah khusus pada malam Nisfu Sya'ban ini.

Namun ini bukanlah bererti malam ini tidak mempunyai kelebihannya, bahkan terdapat hadis yang diterima yang menyebut kelebihannya tetapi tidak dinyatakan tentang ibadah khusus yang perlu dilakukan.

Sebarang ibadah yang dilakukan pada malam tersebut tidak boleh disandarkan dengan mana-mana hadis ataupun menganggapnya mempunyai kelebihan khas dan tidak juga dilakukan secara berjemaah. Hal ini sudah disebut al- as-Suyuti dalam buku *al-Amru bi al-Ittiba' wa al-Nahyu 'an al-Ibtida'*:

"Pada malam Nisfu Sya'ban itu ada kelebihan dan menghidupkannya dengan ibadah adalah digalakkkan, tetapi hendaklah dilakukan secara bersendirian bukan dalam bentuk berjemaah."

### Hadis 35

#### Ziarah Kubur pada Hari Jumaat

مَنْ زَارَ قَبْرَ أَبْوَيْهِ أَوْ أَحَدَهُمَا فِي كُلِّ جُمُعَةٍ غُفرَانٌ وَكُتُبٌ  
بَرَاءَةٌ

"Siapa yang menziarahi kubur kedua ibubapanya atau salah seorang daripada mereka pada setiap hari Jumaat, maka akan diampuni dosanya dan dia akan ditulis sebagai anak yang berbakti".

#### Ulasan Sarjana

- Hadis ini direkodkan oleh Tabrani dalam bukunya *al-Saghair* dan *al-Awsat* dari sumber Muhammad bin Nu'man bin Abd al-Rahman dari Yahya bin 'Ala' al-Bajali dari Abd al-Karim bin Abu Umayyah dari Mujahid dari Abu Hurairah.
- Hadis ini dihukumkan palsu disebabkan kecacatan berikut:
  - 1) Di dalam rangkaian sanadnya terdapat Muhammad bin Nu'man. Az-Zahabi dalam buku *Mizan al-I'tidal* menyatakan bahawa dia adalah seorang yang majhul (tidak dikenali latar belakang). Pendapat ini disokong oleh Ibn Hajar dalam buku *Lisan al-Mizan*.

- 2) Terdapat seorang pelapor iaitu Yahya bin 'Ala' al-Bajali. Menurut Waki' dan Ahmad, dia adalah seorang pendusta dan tukang pereka hadis palsu.
- 3) Abd al-Karim bin Abu Umayyah juga adalah seorang yang lemah.

Terdapat satu hadis lain yang berkaitan dengan tajuk ini, iaitu:

مَنْ زَارَ قَبْرَ وَالدِّيْهِ كُلِّ جُمُعَةٍ فَقَرَأَ عِنْدَهُمَا أَوْ عِنْدَهُ "يَسْ"  
غُفرَانٌ لَهُ بَعْدِ كُلِّ آيَةٍ أَوْ حِرْفٍ

"Siapa yang menziarahi kubur kedua ibubapanya pada setiap hari Jumaat kemudian membaca surah Yasin di sisi kubur mereka berdua atau salah seorang daripada mereka, akan diampunkan dosanya sebanyak jumlah ayat atau huruf-hurufnya".

#### Ulasan Sarjana

- Hadis ini dihukumkan palsu disebabkan terdapat seorang pelapor yang bernama 'Amr bin Ziyad di dalam susur galur sanadnya.
- Menurut Daruqutni, 'Amr bin Ziyad adalah seorang tukang pemalsu hadis.

- Ibn ‘Adi berkata:
 

“Amr bin Ziyad mempunyai hadis lain selain daripada hadis ini. Sebahagiannya adalah hasil yang dicuri daripada orang yang dipercayai (thiqah), namun di antaranya ada yang palsu dan dia dituduh sebagai seorang yang memalsukan hadis.”
- Ibn al-Jauzi menyenaraikannya dalam bukunya *al-Maudhu’at*.

### Sekilas Pandang

Sesetengah orang menggunakan hadis palsu ini untuk menggalakkan orang ramai menziarahi kubur pada hari Jumaat. Kelebihan-kelebihan tertentu pula dinyatakan seperti diampunkan dosa dan sebagainya. Tetapi, sandaran buktinya tidak kukuh.

Sesetengah pihak pula menggunakan hadis ini untuk berhujah agar menggalakkan kita membaca al-Quran atau surah Yasin ketika menziarahi kubur. Malangnya, hujah ini juga bersandarkan kepada hadis palsu seperti di atas. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Syeikh Nasirudin al-Albani:

“Hadis ini menunjukkan disunnahkan membaca al-Quran ketika menziarahi kubur. Namun tidak terdapat satu sunnah saih pun menyokong hal ini, bahkan yang ada hanyalah disyariatkan memberi salam kepada ahli kubur untuk mengingatkan kita kepada kematian. Inilah yang dilakukan oleh para tokoh salaf al-soleh”.

Namun, jangan disalah faham, sekalipun hadis ini palsu, ia bukanlah bermakna kita tidak dibolehkan untuk menziarahi kubur. Bahkan terdapat hadis saih lain yang menganjurkan kita untuk menziarahi kubur kerana ianya mempunyai kelebihan tertentu.

Antaranya seperti yang dinyatakan dalam hadis berikut:

Ali bin Abi Talib melaporkan Rasulullah pernah berkata: “Sesungguhnya aku dahulu pernah melarang kamu daripada menziarahi kubur, maka sekarang ziarahilah kubur kerana ia dapat mengingatkan kamu akan akhirat”.

(Hadis direkodkan oleh Abu Daud, Tirmizi, al-Nasai, Ibn Majah dan Ahmad).

Abu Said al-Khudri juga melaporkan Rasulullah berkata:

“Sesungguhnya aku dahulu pernah melarang kamu daripada menziarahi kubur, maka sekarang ziarahilah ia kerana padanya ada pengajaran”.

(Direkodkan oleh Ahmad)

Jelasnya amalan menziarahi kubur ini dapat mengingatkan kita tentang kematian dan negeri akhirat yang mempunyai pelbagai pengajaran dan menimbulkan keinsafan. Namun begitu, keizinan menziarahi kubur ini tetap juga tertakluk kepada beberapa adab dan peraturan lain yang perlu dipatuhi.

Ini kerana menziarahi kubur ini merupakan ibadah dan suatu ibadah yang dilakukan mestilah bersih dari segala unsur-unsur syirik, khurafat dan bid'ah. Justeru, ia mesti dilakukan berpandukan peraturan yang sudah ditetapkan oleh syariat.

Di antara larangan yang perlu diberi perhatian semasa kita menziarahi kubur atau mengebumikan jenazah ialah tidak duduk di atas kubur. Larangan ini berdasarkan kepada beberapa hadis Rasulullah. Antaranya ialah:

Daripada Abu Hurairah berkata, Rasulullah mengatakan:

"Sekiranya seorang daripada kamu duduk di atas bara api yang membakar pakaianya dan menyentuh serta menghanguskan kulitnya, itu lebih baik baginya daripada duduk di atas kubur".

(Direkodkan oleh Muslim, Abu Daud, al-Nasa'i, Ibn Majah, al-Baihaqi dan Ahmad)

Daripada Abu Marthad al-Ghanawi berkata:

"Aku mendengar Rasulullah mengatakan: "Jangan kamu sembahyang mengadap ke arah kubur dan jangan kamu duduk di atasnya.

(Direkodkan oleh Muslim, Abu Daud, al-Nasa'i, Tirmizi)

An-Nawawi ketika menghuraikan hadis ini dalam bukunya *al-Minhaj Syarah Sahih Muslim* mengatakan haram duduk di atas kubur.

Al-Mubarakfuri pula dalam *Tuhfat al-Ahwazi* semasa menghuraikan hadis Abu Marthad al-Ghanawi mengatakan:

"Hadis ini dalil yang menunjukkan haramnya duduk di atas kubur dan inilah pendapat jumhur. Ditegah segala suatu yang tidak terdapat panduannya daripada sunnah. Sesungguhnya apa yang ditunjukkan oleh sunnah ialah menziarahi kubur dan berdoa di sisinya secara berdiri".

As-Syawkani dalam *Nail al-Awtar* menyebut hadis Abu Hurairah ini merupakan dalil yang menegah daripada duduk di atas kubur dan para jumhur berpendapat hukumnya adalah haram.

Menurut As-San'ani pula dalam buku *Subul al-Salam* menyatakan:

"Di antara perkara yang menyakiti dan mengganggu mayat adalah duduk di atas kuburnya. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad. Al-Hafiz Ibn Hajar berkata, sanadnya sahih iaitu hadis daripada Amru bin Hazm al-Ansari yang berkata, Rasulullah melihat aku duduk di atas kubur, lalu beliau bersabda: "Jangan kamu ganggu dan sakiti penghuni kubur ini".

Kemudian al-San‘ani mendatangkan pula hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah dan Abu Marthad, lalu beliau memberikan pandapatnya:

"Semua dalil ini membawa maksud haram duduk dan lalu di atas kubur kerana hadis Nabi menyebut: "Jangan kamu mengganggu penghuni kubur ini", menunjukkan tegahan dari mengganggu mayat orang mukmin. Menganggu dan menyakiti mukmin ini adalah haram berdasarkan nas al-Quran (bermaksud):

*"Dan orang yang mengganggu serta menyakiti orang lelaki yang beriman dan perempuan yang beriman dengan perkataan atau perbuatan yang tidak tepat dengan suatu kesalahan yang dilakukannya, maka sesungguhnya mereka sudah memikul kesalahan menuduh secara dusta dan berbuat dosa yang amat nyata".*

( Surah al-Ahzab, ayat 58)

Syeikh Mohamad Soleh ibn al-‘Uthaimin, ketika menghuraikan hadis tentang larangan duduk di atas kubur ini dalam buku *Syarah Riyadh al-Solehin* berkata:

"Ini kerana di dalam kubur itu terdapat insan muslim yang perlu dihormati dan perbuatan engkau duduk di atasnya merupakan suatu penghinaan baginya. Sebab itulah Nabi Muhammad berkata:

"Sekiranya salah seorang di antara kamu duduk di atas bara api yang membakar pakaianya dan menyentuh serta menghanguskan kulitnya, itu lebih baik baginya daripada duduk di atas kubur" dan ini menunjukkan hukumnya adalah haram".

Kesimpulannya, amalan menziarahi kubur merupakan perkara dituntut dan dianjurkan oleh Islam kerana ia dapat mengingatkan kita kepada kematian yang semestinya akan dihadapi oleh setiap insan.

Namun begitu, adab-adab dan larangan ketika berada di kawasan perkuburan mestilah dijaga dan diberi perhatian agar ibadah yang kita lakukan tidak dicemari dengan perkara-perkara larangan. Seharusnya kita menjadikan al-Quran dan sunnah Rasulullah ini sebagai panduan agar kehidupan kita di dunia dan lebih-lebih lagi akhirat berada di bawah rahmat dan naungan Tuhan.

## **Hadis 39**

### **Kisah Alqamah Si Anak Derhaka**

Cerita Alqamah yang menderhakai ibunya ini sangat popular dan sering diceritakan oleh para penceramah. Ringkasan ceritanya ialah seperti berikut:

Alqamah adalah seorang ahli ibadat yang sangat banyak melakukan ibadat di zaman Rasulullah. beliau mempunyai seorang ibu. Tetapi selepas berkahwin, beliau dilihat sangat memberikan perhatian dan melebih-lebihkan isterinya sahaja. Perhatian kepada ibunya diabaikan. Alqamah hanya menumpukan kepada ibadah dan isterinya sahaja.

Sikap Alqamah ini membuatkan ibunya berasa kecewa dan terasa hati. Ibunya tidak dapat memaafkan perangai Alqamah ini. Diringkaskan cerita, apabila Alqamah menghadapi saat-saat kematian, beliau tidak dapat melafazkan ucapan syahadah. Saat kematian Alqamah ini sangat sukar sehingga menimbulkan tanda tanya kepada orang lain.

Lalu apabila Rasulullah datang, beliau terus bertanya kepada sahabat-sahabat lain adakah Alqamah ini masih mempunyai ibu? Sahabat menjawab masih ada. Rasulullah mengarahkan supaya dipanggil ibunya. Rasulullah memohon supaya ibunya menarik balik kutukannya terhadap Alqamah dan memaafkannya.

Ibunya tidak mahu lantaran perasaan kecewa dan sakitnya hati terhadap sikap Alqamah yang baginya seorang anak yang derhaka.

Akhirnya, Rasulullah mengarahkan sahabat lain mengumpulkan kayu api untuk membakar Alqamah agar dia cepat mati. Mendengar keputusan Rasulullah ini, ibunya berubah fikiran.

Walaupun hati masih kecewa, tetapi ibu mana yang sanggup melihat anak kandungnya diperlakukan sedemikian. Lantas, ibunya bersetuju untuk memaafkan kesalahan Alqamah. Sejurus selepas si ibu memaafkan Alqamah, beliau dapat melafazkan kalimah syahadah dan terus meninggal dunia.

### **Ulasan Sarjana**

- Ibn al-Jauzi menghukumkan kisah ini sebagai palsu dan menyenaraikannya dalam bukunya *al-Maudhu'a't*.
- Al-'Uqaili juga menyenaraikan kisah ini dalam *al-Dhu'afa al-Kabir*.
- Al-Haithami berkata:  
“Hadis ini dilaporkan oleh Tabrani dan Ahmad secara ringkas sekali tetapi dalam sanadnya terdapat seorang pelapor yang bernama Faid Abu Warqa' dan dia seorang yang *matruk* (yang ditinggalkan hadisnya).
- Kisah ini juga dihukumkan lemah oleh para sarjana lain seperti al-Baihaqi dalam *Syua'b al-Iman*, al-Munziri dalam *targhib wa tarhib*, Ibn 'Arraq dalam *Tanzih al-Syariah* dan sebagainya.

- Menurut kesimpulan yang dibuat oleh al-Albani, beliau menghukumkan hadis ini sebagai palsu seperti yang dinyatakan dalam bukunya *Silsilah Ahadith al-Dhaifah*.

### **Sekilas Pandang**

Kisah ini sangat terkenal dan sering diceritakan kepada anak-anak dengan tujuan memupuk sikap taat dan tidak menderhakai ibu bapa. Tujuan dan niat ini sangat murni dan ianya bertepatan dengan ajaran Islam.

Tetapi, apabila kisah palsu ini digunakan sebagai sandaran hujah untuk mengukuhkan cerita dan fakta, ia adalah tindakan yang tidak wajar. Walaupun niat ini adalah baik, tetapi tetap tidak membolehkan kita untuk menyebarkan sebarang bentuk pendustaan terhadap Rasulullah.

Marilah kita didik anak-anak kita supaya sentiasa patuh dan taat kepada ibu bapa. Beri peringatan kepada mereka tentang bahaya dan azab yang akan menimpa sekiranya mereka derhaka. Ini kerana persoalan menderhakai ibu bapa merupakan salah satu dosa yang disenaraikan sebagai dosa besar.

Rasulullah pula dalam banyak hadis sahih meletakkan dosa menderhakai ibu bapa sebagai kesalahan yang besar selepas syirik. Hadis sebegini yang perlu dibaca dan disebarluaskan kepada anak-anak dan masyarakat. Antaranya ialah:

Abu Bakrah melaporkan bahawa Rasulullah berkata:

"Mahukah aku jelaskan kepada kamu semua tentang dosa yang sangat besar?" Kami (para sahabat) menjawab: "Ya, wahai Rasulullah". Beliau berkata: "Syirik kepada Allah dan derhaka kepada kedua ibu bapa".

(Direkodkan oleh Bukhari)

Dalam hadis lain yang dilaporkan oleh Ibn Umar, Rasulullah pernah menyatakan di antara golongan yang tidak akan dipandang oleh Allah pada hari akhirat kelak dan tidak akan masuk syurga ialah mereka yang menderhakai ibu bapanya.

(Hadis hasan saih)

## Hadis 40

### Manusia Akan baik Sekiranya Pemerintah dan Ulamak Baik

صِنْفَانِ مِنْ أُمَّتِي إِذَا صَلَحَا صَلَحَ النَّاسُ: الْأُمَّرَاءُ وَالْفُقَهَاءُ  
– وفي رواية – العُلَمَاءُ

*"Terdapat dua golongan dari kalangan umat aku, jika mereka baik, maka akan baiklah manusia. Pemerintah dan ahli fekah. Dalam riwayat yang lain disebut ulamak."*

#### Ulasan Sarjana

- Al-Albani dalam kitabnya *Silsilah Ahadith al-Dhaifah wa al-Maudhu'a'h* menyatakan hadis ini adalah palsu kerana dalam rangkaian sanadnya terdapat seorang pelapor bernama Muhammad bin Ziyad.

Kemudian, beliau menukilkhan pendapat daripada para sarjana hadis tentang Muhammad bin Ziyad. Antaranya menurut Ahmad, dia adalah seorang pendusta dan mencipta hadis palsu. Ibn Mai'n dan Daruqutni juga menyatakan pendapat yang sama.

- Ibn Hajar al-Asqalani dalam kitab *Tahzib al-Tahzib* juga sudah menukilkhan pendapat daripada sarjana hadis lain tentang Muhammad bin Ziyad. Antaranya pendapat daripada Abu Hatim, Bukhari, al-Nasai,

Tirmizi, Ibn Hibban. Kesimpulannya, Muhammad bin Ziyad adalah seorang yang lemah dan tidak dipercayai dikalangan mereka.

- Kata Tirmizi:  
"Muhammad bin Ziyad ini seorang yang sangat lemah dalam hadis".
- Kata Ibn Hibban: "Dia adalah dari kalangan orang yang memalsukan hadis".

#### Sekilas Pandang

Memang tidak dinafikan pemerintah dan para sarjana Islam atau disebut ulamak merupakan dua golongan yang penting dalam masyarakat. Masyarakat sangat mengharapkan orang yang menjadi pemimpin mereka adalah mereka yang amanah dan menguruskan pemerintahannya dengan penuh keadilan. Nasib dan hak rakyat terbela tanpa sebarang kezaliman. Pemimpin seperti inilah yang disenaraikan oleh Rasulullah sebagai salah satu golongan yang akan mendapat naungan Allah di hari Kiamat kelak.

- Abu Hurairah melaporkan bahawa Rasulullah berkata:

*"Tujuh golongan yang Allah akan menaungi mereka pada hari tidak ada naungan melainkan naungan Allah: 1) Pemerintah yang adil..."*

(Direkodkan Bukhari & Muslim)

Justeru, seseorang yang menjadi pemimpin boleh berada dalam dua keadaan di akhirat kelak. Sama ada jawatan yang dipegang itu dapat membantu untuk mendapat rahmat Allah dan dimasukkan ke dalam syurga sekiranya dia memimpin dan memerintah dengan penuh keadilan ataupun menyebabkannya mendapat kemurkaan Allah jika dia menjadi pemerintah yang zalim kepada rakyat.

Sebab itu, Rasulullah sudah memberi amaran dan peringatan yang keras kepada para pemimpin yang tidak menjalankan pemerintahan dengan adil.

Abu Hurairah melaporkan Rasulullah berkata,

"Empat golongan yang Allah benci terhadap mereka, salah satu golongan tersebut ialah pemimpin yang zalim."

(Hadis hasan, direkodkan oleh an-Nasaie dan Ibn Hibban)

Anas bin Malik juga melaporkan Rasulullah berkata,

"Siapa yang bertanggungjawab menguruskan suatu urusan kaum muslimin kemudian dia menipu mereka, maka dia di dalam neraka."

(Hadis sahih, direkodkan oleh Tabrani)

Justeru, kepada mereka yang diberikan tanggungjawab untuk menjadi pemerintah atau pemimpin dalam suatu urusan, seharusnya tanggungjawab tersebut dilaksanakan dengan penuh adil kerana kelak ia akan dipersoalkan oleh Allah. Rakyat atau orang yang dipimpin mengharapkan dan mengasihai pemerintah yang adil, bercakap benar, mengutamakan kepentingan rakyat dan tidak mengamalkan rasuah.

Mungkin, pesanan berikut boleh dijadikan renungan untuk kita bersama:

Aisyah melaporkan Rasulullah berkata,

"Sekiranya Allah mahukan kebaikan kepada seseorang pemerintah itu, Allah akan jadikan baginya menteri atau pembantu yang benar. Jika pemerintah itu terlupa, menterinya akan mengingatkannya. Jika dia ingat, menteri tersebut akan membantunya. Sekiranya Allah mahukan kepada pemerintah itu selainnya iaitu keburukan, Allah akan jadikan baginya menteri atau pembantu yang jahat. Jika dia terlupa, menteri itu tidak akan mengingatkannya. Jika dia ingat, menteri itu tidak membantunya."

(*Hadis sahih li ghairihi*, direkodkan oleh Abu Daud dan Ibn Hibban)

Selain para pemerintah, satu lagi entiti penting dalam masyarakat ialah golongan sarjana atau ulamak. Masyarakat yang mempunyai para ulamak akan menjadikan kehidupan mereka berada di atas landasan yang betul.

Ini kerana, para ulamak yang ikhlas merupakan golongan yang mewarisi tugas para nabi terdahulu yang mengajak umatnya ke arah kebaikan dan mencegah kejahatan. Hal ini akan berlaku jika para ulamak benar-benar menjalankan tugasnya tanpa ada sebarang rasa takut dan tidak menyembunyikan kebenaran.

Namun begitu, perkara sebaliknya akan berlaku kepada masyarakat jika wujud para ulamak yang tidak menyampaikan kebenaran. Malah lebih parah lagi jika mereka pula yang menyelewengkan fakta dan kebenaran dan dikaburi dengan satu dua ayat al-Quran dan hadis sebagai alasan. Sebab itu, masyarakat mengharapkan para ulamak jujur dengan ilmu yang mereka pelajari dan mengamalkan apa yang mereka sampaikan.

Beberapa pesanan Rasulullah berikut boleh dijadikan peringatan untuk kita:

Abu Hurairah melaporkan Nabi Muhammad berkata,

"Sesiapa yang ditanya tentang suatu ilmu, lalu dia menyembunyikannya maka dia akan dikekang pada hari kiamat dengan kekangan daripada api neraka".

(Hadis sahih, direkodkan oleh Abu Daud)

Di dalam satu hadis lain, Usamah bin Zaid melaporkan yang dia pernah mendengar Rasulullah menyebut di akhirat kelak ada seorang lelaki yang diseksa di dalam neraka. Semua penghuni neraka berkumpul dan mereka bertanya kepada lelaki tersebut mengapa dia boleh diseksa?

Mereka berkata: "Bukankah dahulu kamu yang mengajak ke arah kebaikan dan kamu mencegah kejahatan?". Lalu, lelaki itu menjawab: "Dahulu aku mengajak kamu semua ke arah kebaikan tetapi aku tidak melakukannya, dan aku melarang kamu dari melakukan kejahatan, tetapi aku melakukannya."

(Direkodkan oleh Bukhari dan Muslim)

Bahagian

3

## Apa yang Perlu Dilakukan

### Tip dan Panduan

1. Sumber utama dalam Islam ialah al-Quran dan hadis. Untuk mendapatkan kefahaman yang baik tentang kedua-dua sumber ini, kita perlu merujuk kepada apa yang difahami oleh generasi *salafussoleh* (generasi sahabat, tabiin dan tabi' at-tabiin).
2. Untuk mendapat kefahaman yang baik dan tepat tentang isi kandungan al-Quran dan hadis, tidak cukup sekadar membaca terjemahannya sahaja tetapi perlu dirujuk kepada buku-buku tafsir al-Quran yang diiktiraf dan dapat menghuraikan hadis nabi. Ini kerana para sarjana Islam akan memberikan kefahaman yang terperinci dan menyeluruh tentang suatu ayat al-Quran atau hadis seperti yang difahami oleh para salafussoleh.
3. Setiap perkara yang dikaitkan dengan agama Islam mesti mempunyai hujah kukuh yang berlandaskan al-Quran dan hadis. Ini kerana ajaran Islam adalah berasaskan wahyu bukannya rekaan atau fikiran

manusia semata-mata. Oleh itu, berhati-hati untuk mengaitkan suatu perkara itu dengan ajaran Islam melainkan selepas kita memastikan kebenaran sumbernya terlebih dahulu.

4. Salah satu sikap yang baik ialah apabila kita membaca atau mendengar suatu perkara yang dikatakan dari ajaran Islam, lalu kita bertanya dari mana sumbernya. Ini kerana terdapat perkara yang dikatakan dari ajaran Islam, padahal tidak ada apa-apa sumber yang menyebutkannya atau ia adalah palsu. Oleh itu, sikap berhati-hati untuk bercakap, mendengar atau menerima suatu yang berkaitan agama adalah digalakkan supaya kita hanya bercakap, mendengar dan menerima suatu yang berlandaskan hujah dan dalil yang benar sahaja.
5. Hadis merupakan salah satu sumber rujukan utama dalam Islam. Namun disebabkan oleh faktor-faktor tertentu, kesucian hadis sudah dicemari. Terdapat hadis palsu yang dicipta dengan tujuan tertentu seperti yang dihuraikan dalam bahagian pertama. Kesannya, hadis yang wujud pada hari ini ada yang sahih dan juga palsu. Oleh sebab itulah, tidak semua perkara yang dikaitkan dengan hadis itu semestinya betul kerana ia mungkin bersumberkan hadis palsu yang tidak boleh dijadikan hujah.
6. Cara terbaik untuk kita mendapat kefahaman yang betul tentang isi kandungan al-Quran dan hadis adalah dengan menambahkan ilmu pengetahuan.

Oleh itu, hadir ke majlis-majlis pengajian merupakan tindakan yang terbaik. Majlis pengajian paling baik untuk dihadiri adalah yang mengutamakan ciri-ciri ilmiah dalam penyampaiannya. Fakta berkaitan agama dibuktikan dengan hujah-hujah dari al-Quran atau hadis yang sah. Majlis pengajian yang banyak menghidangkan kepada kita unsur lawak jenaka atau cerita yang tidak ada asal sumbernya lebih baik ditinggalkan.

### Rumusan

1. Hadis dari segi istilah para sarjana hadis bermaksud suatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad sama ada dari segi perkataan, perbuatan, pengiktirafan/pengakuan (taqrir) atau sifat-sifat beliau (sama ada sifat-sifat fizikal atau sifat-sifat peribadi).
2. Secara umumnya, hadis boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu hadis yang boleh diterima atau disebut sebagai hadis maqbul dan hadis yang tertolak atau disebut sebagai hadis mardud.
3. Dibawah kategori hadis yang diterima (al-maqbul), ada dua jenis hadis iaitu hadis sahib dan hadis hasan. Kedua-dua jenis hadis ini pula terbahagi kepada dua bahagian iaitu hadis sahib lizatihi, hadis sahib lighairihi, hadis hasan lizatihi, hadis hasan lighairihi.

4. Dibawah kategori hadis yang ditolak (al-mardud), terdapat hadis daif (lemah). Hadis daif ini terbahagi kepada banyak jenis hadis. Antara jenis hadis daif yang paling teruk ialah hadis maudu' (palsu).
5. Sanad bermaksud rangkaian para pelapor hadis yang bersambung sehingga ke matan (isi kandungan) hadis.
6. Matan bermaksud isi kandungan atau teks hadis yang biasanya terletak selepas nama pelapor terakhir dalam suatu hadis.
7. Hadis sahib ialah hadis yang sanadnya bersambung, disampaikan oleh pelapor (rawi) yang ‘adil, sempurna dhabit, dari awal hingga akhir sanad, tanpa ada sebarang syaz dan juga ‘illah.
8. Hadis hasan ialah hadis yang sanadnya bersambung dari awal hingga akhir dan disampaikan oleh pelapor yang ‘adil, kekuatan ingatannya (dhabit) kurang sedikit daripada tahap ingatan pelapor hadis sahib serta tanpa sebarang syaz dan juga ‘illah.
9. Daif bermaksud lemah. Jadi hadis daif ialah hadis yang lemah. Menurut sarjana hadis, definisi hadis daif ialah hadis yang tidak menepati ciri-ciri hadis sahib dan hadis hasan.
10. Majoriti para sarjana hadis membolehkan kita untuk menyampaikan atau menyebut hadis daif tanpa dinyatakan bahawa hadis itu adalah daif kecuali

- hadis maudhu' (palsu). Tetapi, dengan syarat hadis tersebut tidak berkaitan dengan perkara akidah, atau hukum halal dan haram, atau hukum-hakam syariat yang lain.
11. Hadis maudu' atau hadis palsu adalah salah satu daripada jenis hadis daif. Hadis maudu' ialah hadis yang direka cipta dan dinisbahkan kepada Nabi Muhammad.
  12. Penyebaran atau penyampaian hadis dengan diketahui hadis tersebut adalah palsu, hukumnya adalah haram. Sama ada hadis tersebut berkaitan hukum-hakam atau kisah-kisah ataupun targhib dan tarhib.
  13. Terdapat banyak faktor manusia mencipta hadis palsu. Antaranya adalah untuk menggalakkan orang ramai melakukan kebaikan dan memberi peringatan kepada mereka daripada melakukan kemungkaran, merosakkan agama dan membuatkan umat Islam ragu-ragu terhadap ajarannya, sikap obses atau taksuh sama ada kepada mazhab, bangsa, kabilah, bahasa atau negeri, pertelingkahan dari sudut politik dan untuk kepentingan dan keuntungan peribadi.
  14. Para sarjana hadis sudah mengenal pasti beberapa tanda atau ciri tertentu yang sekiranya ada pada suatu hadis, maka ia adalah hadis palsu. Tanda atau ciri hadis palsu ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu ciri-ciri yang terdapat pada sanad dan pada matan itu sendiri.

15. Mencipta hadis palsu bererti seseorang itu sudah melakukan pendustaan ke atas Rasulullah. Perbuatan ini adalah diharamkan berdasarkan hujah-hujah yang kuat daripada al-Quran dan hadis yang sahih.
16. Terdapat banyak kesan negatif hasil daripada penyebaran hadis palsu. Jika perkara ini tidak dibendung, ia akan memberikan imej yang buruk terhadap agama Islam yang murni dan berwibawa.

Di antara kesan negatif tersebut ialah merosakkan akidah yang murni, menjatuhkan nilai kewibawaan agama, menjadikan nas-nas Islam saling bercanggah, hadis bercanggah dengan realiti dan akal yang waras, punca percambahan pemikiran sesat, mundur dan menyusahkan urusan umat Islam, menjatuhkan imej tokoh-tokoh umat dan memalingkan manusia daripada pelbagai sunnah yang sahih.